

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGKAL KETIGA  
*Third Session*  
MESYUARAT KETIGA  
*Third Meeting*

---

Jilid III

Bil. 78

Hari Isnin

8 Disember 1997

---

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
(Ruangan )

PENERANGAN OLEH Y.A.B. MENTERI KEWANGAN DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 14(1)(i):  
- Langkah-Langkah Strategik Bagi Mengukuhkan Kestabilan  
Ekonomi dan Kewangan Negara (Ruangan )

USUL MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA  
RANG UNDANG-UNDANG (Ruangan )

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perbekalan 1998**

Jawatankuasa:

Jadual -

**Maksud B. 52**

(Ruangan )

**Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1997**

(Ruangan )

USUL:

**Anggaran Pembangunan 1998**

Jawatankuasa:

**Maksud P. 52**

(Ruangan )

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebeaskan Daripada Peraturan  
Mesyuarat (Ruangan )**

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S.,  
A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P.  
(Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.  
(Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S.  
(Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M.,  
P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu  
Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S.,  
S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)

- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)

- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)

- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

Yang Berhormat Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,  
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T.,  
A.S.D.K., P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat  
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,  
P.P.N.

### **PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

### **BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

## DEWAN RAKYAT

Isnin, 8 Disember 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

### D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

#### HARGA DAGING AYAM - PENYERAGAMAN

1. **Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) apakah mekanisme penentuan harga daging ayam yang digunakan di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan; dan
- (b) apakah rancangan kementerian bagi menseragamkan mekanisme penentuan harga daging ayam di seluruh negara.

**Menteri Pertanian [Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji**

**Daud]**: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mekanisme yang digunakan untuk menentukan harga daging ayam adalah seperti berikut:-

#### **Di Semenanjung Malaysia -**

Harga ayam daging ditentukan oleh Jawatankuasa Penetapan Harga Ayam Daging yang ahli-ahlinya terdiri

dari wakil Kementerian Pertanian, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Persatuan Penternak dan Persatuan Peniaga. Jawatankuasa berkenaan akan membuat perakuan kepada Menteri Pertanian dan juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mendapat kelulusan.

**Negeri Sabah -**

Harga ayam daging ditentukan oleh jawatankuasa yang diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pertanian dan Perikanan Negeri dengan ahli-ahli terdiri dari wakil Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan juga Persatuan Pengilang Makanan Ternakan.

**Negeri Sarawak -**

Harga ayam daging ditentukan oleh Jawatankuasa ad hoc terdiri dari

Bahagian Haiwan Jabatan Pertanian Sarawak, Persatuan Penternak, dengan izin, Livestock Breeders' Association dan Pengendali Bilik Sejuk (Cold Storage Operators). Fungsi jawatankuasa ini mendapat sokongan dari Kementerian Pertanian dan Pembangunan Masyarakat Negeri Sarawak.

Dalam proses menentukan harga ayam daging di antara lain tiga faktor utama yang diambil kira iaitu kos pengeluaran, bekalan ayam dan permintaan ayam, dengan izin, supply and demand. Kos utama yang mempengaruhi pengeluaran ialah makanan ayam yang merupakan 73% daripada jumlah kos. Selain itu, kos ubat-ubatan dan vaksin kurang lebih 4%. Bahan-bahan ini adalah diimport oleh ianya terdedah kepada aliran pertukaran mata wang. Jenis makanan yang diimport ialah jagung, kacang soya dan debu ikan (fishmeal).

**Bagi Labuan pula -**

Labuan tidak mempunyai Jawatan-kuasa Penetapan Harga Daging Ayam. Dengan itu tidak ada mekanisme untuk penetapan harga daging ayam. Harga ditetapkan berasaskan tekanan pasaran dan bekalan pada satu-satu ketika.

- (b) Mekanisme yang sedang digunapakai di Semenanjung, Sabah dan Sarawak adalah hampir sama dan tidak ada rancangan untuk memerlukan penyeragaman.

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah ada rancangan supaya penentuan harga daging ayam dan juga daging yang lain ini diselenggarakan atau dikendalikan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada masa akan datang seperti barang-barang lain yang terkawal dan harganya ditentukan oleh kementerian ini.

Yang kedua, saya ingin tahu di negara ini kita ada mekanisme untuk menentukan harga daging dan juga termasuklah daging ayam tetapi tidak ada mekanisme untuk menetapkan harga input kepada bahan-bahan makanan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi 73% kos pengeluaran ayam ini adalah terletak kepada bahan makanan.

Jadi, apakah ada rancangan kerajaan untuk menetapkan harga-harga input ini dan tidak semata-mata menetapkan harga di peringkat pengeluaran daging sahaja.

**Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sepertimana jawapan saya tadi, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terlibat dalam penetapan harga daging ayam. Pada satu ketika masa menteri dahulu, jawatankuasa ataupun secretariat ini adalah di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, tetapi selepas itu dipindah balik kepada Kementerian Pertanian di bawah jagaan Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan tentu sekalilah ada sebab-sebab mereka berbuat demikian.

Tentang pengawalan harga barang-barang makanan atau raw materials yang diimport, setakat ini tidak ada cadangan kita berbuat demikian, kerana kita rasa sukar untuk kita hendak menentukan, ini adalah berkaitan dengan keadaan appreciation ringgit kita pada masa ini.

Walau bagaimanapun usaha sedang dibuat oleh Kementerian Pertanian untuk mencari alternatif atau pilihan yang lain, umpamanya punca kita boleh mengimport jagung sebagai satu contoh, ada tiga bahan yang penting, jagung pada masa ini, saya difahamkan diimport kebanyakan daripada Amerika Syarikat dan kita sedang mencari punca yang lain, bahkan baru dua, tiga hari dahulu saya telah berjumpa seorang yang mengatakan mereka boleh mengimport daripada Indonesia dan saya telah minta supaya perkara ini diasasat.

Selain dari itu, soya bean, memanglah banyak yang datangnya dari Amerika Syarikat dan debu ikan ataupun fishmeal biasanya datang dari Latin Amerika, dari Chile terutama sekali dan oleh kerana keadaan bekalan fishmeal itu begitu berkurangan maka harganya telah pun meningkat.

Walau bagaimanapun, kementerian sedang mencari satu alternatif kepada fishmeal ini umpamanya, bone meat kalau didapati sesuai dan murah, mungkin itu kita boleh guna sebagai substitute kepada fishmeal.

**Dato' Haji Hanafi bin Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu ketika dahulu ada sedikit perkara yang tidak begitu disenangi oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan Kementerian Pertanian daripada segi pengimportan ayam kerana kuasa mengimport ayam ini diputuskan oleh Kementerian Pertanian, manakala kuasa untuk hendak menentukan harga ayam terletak di tangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Tidakkah Kementerian Pertanian bercadang sebelum untuk hendak meluluskan import permit kepada mana-mana pihak bagi membawa masuk ayam ke dalam negara ini, terlebih dahulu dirujuk kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna supaya mereka boleh menasihatkan kementerian supaya jika ayam itu sudah cukup dan harga sudah stabil, barangkali tak payah lagi diimport masuk ke dalam negara kita. Terima kasih.

**Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini memang sudah kita bincang. Walau bagaimanapun, memang wujudnya koordinasi di antara Kementerian Pertanian

dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Tetapi kalau kita lihat jabatan yang mempunyai kelayakan profesional untuk menentukan sama ada kita patut mengeluarkan permit untuk mengimport itu adalah Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan ianya di bawah jagaan Kementerian Pertanian. They have a professional and expertise. Manakala kementerian yang satu lagi tidak mempunyai kepakaran dalam bidang ini.

Selain dari itu, di bawah undang-undang, memang wujudnya satu undang-undang di mana Jabatan Perkhidmatan Haiwan mempunyai kuasa untuk mengimport ini. Tadi, saya minta maaf, saya lupa menjawab tentang harga daging tidak dikawal, memang harga daging selain daripada daging ayam tidak dikawal. Walau bagaimanapun, tidak tahulah bagaimana ianya akan melibatkan harga daging kerana saya baru menerima satu makluman ataupun surat dari salah sebuah syarikat pembekal daging dari India yang telah pun menurunkan harga daging sebanyak US\$100 satu tan.

## **MASALAH SOSIAL - VIDEO GAMES**

2. **Tuan Ho Cheong Sing [Ipoh Barat]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kementerian sedar bahawa kini pusat hiburan untuk “video games” telah digantikan dengan “video games” berjudi dan semakin merebak di Malaysia dan boleh dianggap sebagai masalah sosial yang membimbangkan. Sila pihak kementerian nyatakan:-

- (a) bilangan lesen pusat hiburan yang telah dikeluarkan bagi setiap negeri; dan
- (b) bilangan pusat hiburan yang mempunyai lesen tetapi mengadakan mesin video berjudi yang haram.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat sebanyak 844 lesen pusat permainan video dikeluarkan di Semenanjung dan pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:-

Pulau Pinang	-	156
Perak	-	121
Selangor	-	165
Negeri Sembilan	-	71
Melaka	-	32
Johor	-	21
Pahang	-	183
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	-	95
<b>Jumlah</b>	<b>-</b>	<b>844</b>

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi negeri-negeri yang lain iaitu Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu, lesen permainan video tidak dikeluarkan langsung.

Pihak kerajaan melalui kerajaan-kerajaan negeri yang merupakan pihak yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen-lesen pusat permainan video telah mengenakan syarat-syarat pelesenan yang lebih ketat. Kerajaan telah menetapkan dasar bahawa permainan video yang mempunyai unsur-unsur perjudian, seks dan ganas adalah diharamkan sama sekali. Jenis-jenis yang dibenarkan hanyalah yang berunsurkan pendidikan, sukan, menguji kemahiran dan merangsang minda sahaja.

Pemeriksaan dan serbuan memang dibuat secara berterusan dari masa ke semasa oleh pihak berkuasa bagi memastikan bahawa pusat-pusat permainan

video itu tidak menyeleweng dari syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam lesen masing-masing. Jika didapati terdapat penyelewengan atau pelanggaran syarat, maka tindakan penguatkuasaan yang tegas akan dikenakan.

Dari serbuan yang dibuat terdapat sebanyak 171 pusat permainan video yang menjalankan kegiatan judi haram dan tindakan tegas telah dikenakan termasuklah mendenda, merampas mesin-mesin permainan video berkenaan, membatalkan lesen dan mendakwa di mahkamah.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai pusat video berjudi ataupun pusat video haram ini apabila satu laporan dibuat kepada pihak polis, pasti kata ada tindakan. Saya merasa hairan pada setiap tindakan itu apabila satu tindakan diambil lagi banyak pusat video berjudi yang dibuka.

Jadi, saya ingin tahu apakah hukuman terhadap pengusaha pusat video haram ini dan adakah undang-undang yang tertentu atau tindakan yang boleh dikenakan kepada tuan punya kedai ataupun premis yang menyewa kepada pengusaha pusat video haram ini.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar tentang masalah yang dihadapi oleh terutamanya ibu bapa di beberapa negeri, setahu saya seperti di Johor, di Kuala Lumpur, di Selangor dan sebagainya dan pada masa kini kementerian sedang mengambil tindakan melalui polis untuk menangkap - waran tangkap sedang disedia untuk menangkap pengusaha-pengusaha yang benar-benar terlibat secara serius dan kita tidak akan teragak-agak lagi kali ini, tentu akan menggunakan Akta Kediaman Berhad, kita akan

buang negeri untuk beberapa pengusaha yang notorious, dengan izin, mungkin pergi ke tempat yang paling ‘remote’ sekali supaya mereka ini kena fikir baik-baik di situ.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah pihak kementerian menyedari bahawa video yang berunsur lucu atau pornography, dengan izin, telah beredar begitu hebat di dalam negara kita ini. Ini adalah merupakan salah satu dari punca kerosakan moral anak-anak muda kita.

Apakah pihak kementerian tidak ada perancangan untuk mengetatkan sedikit ataupun memperhebatkan sedikit peraturan-peraturan dan undang-undang kepada mereka yang terlibat sama ada yang mengedar ataupun yang menonton. Terima kasih.

**Dato’ Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini mengenai pusat video games, bukan pita-pita video yang biasa. Tetapi macam mana pun saya akan jawab jugalah.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Tidak, pita video maksud saya.

**Dato’ Ong Ka Ting:** Saya akan jawab juga apa-apa sekali pun.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Bukan video game.

**Dato’ Ong Ka Ting:** Semua yang lucu itu memang tetap diharamkan, tetap diperangi oleh kerajaan hari ini. Saya rasa kerajaan hari ini tidak bertolak ansur, jangan bimbang Yang Berhormat, saya rasa Barisan Nasional lebih

prihatin, lebih tegas [*Tepuk*] dalam hal ini, bukan sahaja pemimpin dari pembangkang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Maximus Johnity Ongkili.

*[Soalan No. 3 - Y.B. Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau] tidak hadir]*

**PERTANIAN BERSKALA BESAR -  
PENYERTAAN SEKTOR SWASTA**

4. **Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) sama ada kerajaan sedang menggalakkan pertambahan penyertaan sektor swasta dalam pertanian skala besar, khasnya di dalam pengeluaran komoditi-komoditi makanan dan keluaran nilai tinggi dan jika ia, bagaimana; dan
- (b) sama ada kerajaan sedang mempercepatkan pengambilan teknik-teknik yang menjimatkan tenaga kerja, penjenteraan dan automasi supaya negara kurang bergantung kepada pekerja-pekerja asing, dan jika ia, bagaimana.

**Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan memang menggalakkan lebih ramai penyertaan sektor swasta dalam pertanian berskala besar, khasnya di dalam pengeluaran komoditi-komoditi makanan dan keluaran-keluaran pertanian yang bernilai tinggi. Di antara kegiatan pertanian yang digalakkan ialah pengeluaran buah-buahan, sayur-

sayuran, ternakan, perikanan laut dalam dan akuakultur. Langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi menarik minat penyertaan swasta termasuklah antara lain yang berikut:-

- (i) menyediakan pakej insentif dan skim pembiayaan pertanian yang lebih menarik yang bertujuan bukan sahaja untuk menggalakkan penyertaan lebih ramai sektor swasta dalam pertanian secara besar-besaran tetapi juga untuk meningkatkan taraf pengusaha-pengusaha yang kecil kepada pengusaha yang berskala sederhana dan komersial;
- (ii) menyediakan khidmat nasihat teknikal, kursus-kursus dan latihan kepada pengusaha-pengusaha yang berminat untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran mereka sama ada dalam bidang pengeluaran pertanian mahupun pemasaran produk-produk pertanian;
- (iii) menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di peringkat sebelum dan selepas tuai yang bertujuan

bukan sahaja untuk meningkatkan pengeluaran dan kualiti keluaran tetapi juga bagi mengurangkan kos pengeluaran dan pemasaran;

- (iii) menyediakan kemudahan infrastruktur pertanian seperti kemudahan sistem pengairan, kemudahan jalan-jalan perhubungan dan khidmat nasihat pertanian; dan
- (v) memperbaiki sistem pemasaran termasuk mengadakan maklumat harga, penyediaan infrastruktur pemasaran, khidmat nasihat pemasaran dan risikan pemasaran.

(b) Kerajaan memang menggalakkan pengusaha-pengusaha pertanian menggunakan mekanisasi dan peralatan automasi sebagai langkah mengurangkan pergantungan kepada pekerja-pekerja asing. Di antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) kerajaan, melalui Bank Pertanian Malaysia (BPM) telah mewujudkan satu Skim Pinjaman Mekanisasi dan Automasi Pertanian yang bertujuan membantu

petani, usahawantani dan Pertubuhan Peladang memiliki jentera pertanian dan peralatan ladang. Pinjaman di bawah skim ini diberi dengan syarat-syarat yang mudah;

- (ii) meneruskan usaha penyelidikan teknologi dan mengubahsuai rekabentuk kejenteraan yang sedia ada untuk disesuaikan dan boleh digunakan di ladang-ladang bagi meningkatkan produktiviti pertanian dan dalam masa yang sama dapat mengatasi masalah-masalah seperti kekurangan buruh; dan
- (iii) menggalakkan pengusaha-pengusaha yang kecil bersatu supaya dapat menggembeng modal yang lebih besar dan beroperasi secara ladang kelompok atau mini estet atau satu unit pengeluaran yang berskala besar, bersifat komersial, lebih cekap dari segi kos operasi dan meningkatkan penggunaan jentera-jentera pertanian dan automasi.

**Dr. Tan Kee Kwong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berikutan dari pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru tentang teknik canggih bagi sektor pertanian yang akan diperkenalkan di Kedah, soalan saya, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan yang lebih terperinci tentang projek yang akan dilaksanakan.

**Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah supaya kita mengadakan seolah-olah macam satu eksperimen untuk mengadakan satu ladang pertanian yang komersial, kerana kalau kita lihat satu dari sebabnya mengapa petani-petani kita tidak mendapat pendapatan yang begitu lumayan, ada dua fakta yang utama.

- (i) land holdings, dengan izin, adalah kecil.
- (ii) monocrop, tidak memakai banyak crop.

Jadi, apabila kita rasa ini patut kita ubahsuai, sebab itulah dalam rancangan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita sedang mengenalpasti satu kawasan yang cukup besar, dengan izin, di Kedah dan kita telah mengenalpasti ada tiga, empat tempat tetapi nampaknya adalah serba sedikit masalah yang kecil dan curam dan lain-lain lagi.

Walau bagaimanapun, kajian sedang dibuat di beberapa kawasan termasuklah di beberapa negeri lain juga untuk mencari kawasan yang lebih sesuai. Dan kita telah pun melantik satu Consultant dari Royal Agriculture College dan baru-baru ini semasa saya pergi menghadiri FAO, saya telah

berbincang dengan mereka juga untuk meneruskan penyelidikan bagi membolehkan rancangan ini dilaksanakan dengan jayanya kita harap. Kalau sekiranya rancangan ini berjaya nanti, maka ini kita boleh gunakan sebagai satu dasar atau garispanduan untuk mengadakan commercial agriculture dalam negara kita.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, bila saya bangun, depa banyak berdehem! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri Pertanian, tadi jawapannya banyak berhubung dengan buah-buahan, dusundusun, saya ingin tahu keadaan sekarang di Kedah ini, saya ingin bertanya kisah padi, sebab sekarang ini dengan kenaikan harga traktor, harga harvester, harga racun, harga buruh di sektor padi, jadi, nampaknya macam tidak ada galakan langsung untuk petani-petani dalam kawasan saya termasuk Tanjung Karang di Kedah dan semuanya ini, tidak ada galakan langsung untuk orang yang bertanam padi, sebab harga padi di'control' RM49.61 daripada tahun 1990 hingga sekarang.

Tidak adakah rancangan menteri ataupun kerajaan untuk menaikkan harga padi kepada keadaan yang lebih sesuai, sebab harga beras kita control premium dengan standard sahaja, harga super kita tidak control, tetapi harga padi kita control RM49.61 dari tahun 1990 sampailah sekarang, tujuh tahun dah.

Saya hendak bertanya adakah rancangan kerajaan untuk menaikkan harga padi.

**Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya telah pun mengemukakan satu kertas Jemaah Menteri di negeri Kedah, di Langkawi pada minggu yang lepas tetapi dukacitanya oleh kerana banyak perkara lain yang telah dibincang maka kita tidak dapat membincangkan kertas itu. Insyaa-Allah, pada besok atau lusa ataupun akan datang, kita akan membincangkan tentang harga padi ini.

Saya memang faham dalam soal ini, umpamanya hasrat Ahli Yang Berhormat dari kawasan padi ini, selalu juga berjumpa saya, tetapi kita harus ingat bahawa kalau kita menaikkan harga padi, kemungkinan besar harga beras pun naik juga.

Jadi, kalau kita berbuat demikian, kesannya kepada semua termasuklah penanam padi itu sendiri. Jadi, apa yang kita rancangkan sekarang ialah mencari cara lain bagaimana caranya kita dapat menolong menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh petani-petani padi ini, sama ada kita memberi special incentive kepada harga padi sahaja, bukan menaikkan harga padi iaitu insentif kepada petani ataupun dengan cara lain memberi bantuan tentang baja ataupun mekanisasi, itu di antara beberapa perkara yang sedang ditimbangkan oleh kerajaan, oleh Kabinet pada hari Rabu yang akan datang.

#### **KENDERAAN MENGELUARKAN ASAP HITAM - JUMLAH YANG DISAMAN DAN PUNCA**

5. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) bilangan kenderaan yang disaman kerana mengeluarkan asap hitam yang berlebihan; dan

- (b) adakah benar masalah ini disebabkan oleh diesel yang digunakan berkualiti rendah dan apakah tindakan yang akan diambil untuk menangani masalah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee**

**Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban bersama-sama dengan soalan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong yang membangkitkan pada hari ini, memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan adalah berhubung dengan perkara yang sama.

Jumlah bilangan kenderaan yang disaman kerana mengeluarkan asap hitam yang berlebihan bagi bulan Januari hingga September tahun ini ialah sebanyak 17,912 kes. Punca utama kenderaan mengeluarkan asap yang berlebihan adalah disebabkan oleh kurangnya penyelenggaraan kenderaan dengan baik.

Justeru itu adalah tidak tepat jika dikatakan bahawa masalah pengeluaran asap hitam yang berlebihan oleh kenderaan yang terlibat adalah berpunca dari kualiti minyak diesel yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, mengadakan penguatkuasaan secara berterusan melalui rondaan dan statik sekatan jalan raya, maka JPJ juga memberi tumpuan penguatkuasaan asap hitam terhadap kenderaan perdagangan yang gagal menghadiri pemeriksaan berkala.

Ini adalah disebabkan kenderaan perdagangan yang berenjin diesel dikehendaki menjalani ujian asap di pusat pemeriksaan kenderaan bermotor

iaitu semasa pemeriksaan awalan dan seterusnya pemeriksaan berkala dalam setiap enam bulan sekali.

**Tuan Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah content sulphur content di dalam minyak diesel ialah satu faktor yang akan mengakibatkan mengeluarkan banyak asap hitam. Kalau benar, apakah langkah atau kawalan yang akan diberikan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah itu.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, memang tidak benar iaitu kandungan sulfur dalam minyak diesel yang digunakan dalam negara kita adalah punca ataupun sebab utama yang menyebabkan kenderaan mengeluarkan asap hitam berlebihan.

Sebenarnya, minyak diesel ini kandungannya hampir 100% ialah iaitu mengikut pengetahuan saya ialah hidrokarbon dan sulphur memang ada. Sulphur ini merupakan bahan-bahan cemar dan mengikut undang-undang kita, minyak diesel yang digunakan di negara kita memang tidak dapat dielak iaitu sulphur free, dengan izin, tetapi parasnya yang kita dapat kawal ialah minyak diesel yang mengandungi sulphur tidak melebihi paras 0.5% dan pada keseluruhannya masalah kenderaan yang mengeluarkan asap hitam yang berlebihan adalah oleh kerana enjin kenderaan mereka yang tidak dijaga baik, tidak dimaintain, dengan izin, dan menyebabkan pembakaran karbon yang tidak sempurna dan oleh yang demikian akan menyebabkan pengeluaran asap

yang hitam dan memanglah kerajaan telah pun menjalankan kegiatan penguatkuasaan di merata tempat di negara kita.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyebutkan bahawa salah satu sebab ialah penyelenggaraan kenderaan itu, oleh kerana itu kena disaman. Saya ingin tahu, mengapa kenderaan yang baru juga dikenakan saman, kononnya telah mengeluarkan asap hitam yang berlebihan. Jadi, mengapa sebabnya, juga hendak bertanya sama ada kenderaan baru itu telah diuji dan diperiksa sebelum dijual kepada orang ramai.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan kementerian saya segala kenderaan baru yang dijual di negara kita memang tidak akan mempunyai masalah iaitu enjin mengeluarkan asap hitam yang berlebihan dan tidak ada sebarang rekod yang menunjukkan demikian, tetapi walau bagaimanapun jika Ahli Yang Berhormat dapat memberikan butir-butir yang lanjut, mungkin kita dapat menjalankan siasatan sama ada benar atau tidak.

#### **HALANGAN NON TARIF KE ATAS BARANGAN NEGARA**

6. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) sejauh manakah halangan-halangan non-tarif digunakan untuk menyekat barangan-barangan negara ini daripada memasuki negara-negara maju; dan
- (b) sejauh manakah kejayaan SMIDEC dalam membentuk rangkaian SMI dan bagaimana pula dengan penyertaan bumiputera.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua,**

(a) Halangan non tariff, dengan izin, digunakan secara meluas oleh beberapa negara maju dan tertumpu kepada beberapa barangan. Ianya bertujuan melindungi industri tempatan. Di antara jenis halangan non tariff ialah:-

- (i) Kuota import terhadap tekstil dan pakaian oleh Amerika Syarikat dan European Union (EU);
- (ii) Penggunaan peraturan kesihatan dan kuarantin yang ketat ke atas hasil pertanian oleh Jepun, Korea dan Australia;
- (iii) Syarat penggunaan kontena khusus ataupun dedicated containers, dengan izin, ke atas eksport minyak kelapa sawit oleh EU;
- (iv) Undang-undang dan peraturan-peraturan alam sekitar oleh pihak berkuasa tempatan yang mengehadkan penggunaan kayu tropika terutamanya di EU; dan

- (v) Peraturan-peraturan tempasal ataupun rules of origin, dengan izin, yang ketat oleh EU dan Amerika Syarikat.

Halangan-halangan ini memberi kesan kepada eksport negara.

- (b) Pembentukan rantaian IKS memerlukan usaha yang berterusan oleh SMIDEC, di antara aktiviti dan program yang telah dijalankan ialah:

- (i) perjanjian persefahaman ditandatangani dengan syarikat-syarikat besar, institusi kewangan dan institusi latihan untuk tujuan penyertaan dalam program rantaian industri dan meningkatkan kemahiran tenaga pekerja IKS;
- (ii) membangunkan rantaian perniagaan dan perdagangan hasil IKS dengan pengilang dan pembeli termasuk dengan mengadakan ekspo IKS bagi mempromosi barangan IKS; dan
- (iii) mengadakan sesi taklimat di antara syarikat besar dengan syarikat-syarikat IKS yang berpotensi untuk diberikan bimbingan dan bantuan.

Sektor utama yang diceburi oleh syarikat-syarikat IKS dengan bimbingan SMIDEC ialah sektor elektronik, automatif dan perabot. Sebanyak 1,593 buah syarikat telah berdaftar di bawah program ini dan 614 ataupun 39% adalah syarikat milik bumiputera.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi Yang Berhormat ada menggariskan sedikit usaha-usaha untuk membantu SMI ataupun industri-industri kecil. Saya hendak bertanya sedikit dalam suasana ekonomi sekarang ini yang kita akan hadapi dalam setahun, dua ini adakah dengan pertumbuhan yang akan menjadi lebih rendah.

Saya hendak bertanya adakah SMIDEC ataupun kementerian akan menggariskan usaha-usaha ataupun strategi tertentu untuk membantu mereka dalam rangkaian atau mereka yang berniaga secara kecil-kecilan ini dalam SMI ini. Adakah industri tertentu akan dibentuk untuk membantu mereka ini.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi belanjawan negara yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menggariskan bahawa satu tabung yang berjumlah RM1 bilion dibentuk bagi tujuan IKS dan juga kita ada program dengan Bank Industri bernilai sebanyak RM50 juta bagi tujuan IKS juga dan saya rasa sepertimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini bahawa galakan khas akan diperhebatkan bagi bidang perdagangan dan perindustrian dan sudah

semestinyalah SMIDEC ataupun IKS akan mendapat tempat yang tertentu di dalam bidang tersebut.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang jumlah nilai eksport negara yang kita terpaksa menanggung kerugian, ekoran halangan non tariff ini yang dikenakan oleh negara-negara maju dan apakah langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk meminta negara-negara maju ini menghapuskan halangan-halangan non tariff ini untuk memenuhi prinsip perdagangan bebas sepertimana yang ditetapkan oleh WTO. Adakah pihak kementerian bersetuju dengan cadangan saya bahawa untuk menghapuskan halangan non tariff, pihak kerajaan akan membuat aduan secara rasmi terhadap negara tersebut dengan WTO supaya tindakan boleh diambil ke atas negara maju tersebut.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikutkan prinsip WTO dalam tahun 2003, segala bentuk barriers akan dengan sendirinya dikurangkan. Jadi, ini adalah sepertimana jawapan saya tadi adalah merupakan langkah negara tersebut seperti negara-negara European Union dan juga Amerika Syarikat yang hanya mengadakan non tariff barriers, dengan tujuan untuk menghalang industri yang ada di negara lain untuk memasuki negara tersebut. Tetapi dengan adanya proses liberalisasi yang termaktub dalam WTO, saya berpendapat bahawa segala halangan ini akan berkurangan oleh kerana dari segi duti pun di dalam tahun 2003, duti kita hanyalah pada tahap 0% hingga 5% sahaja dan dengan sendirinya the non tariff barriers will go down by itself, dengan izin. Terima kasih.

**JAWATANKUASA KHAS MEMERHATI PELAKSANAAN  
PELAN TINDAKAN KEBERSIHAN**

7. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan kementerian telah merangka wawasan kebersihan untuk pihak berkuasa tempatan melaksanakan pelan tindakan kebersihan yang mengutamakan enam kawasan:-

- (a) adakah kementerian menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk merancang dan memastikan supaya pelan tindakan kebersihan dilaksanakan di semua pihak berkuasa tempatan; dan
- (b) adakah kementerian memberi wang bantuan kepada pihak berkuasa tempatan memandangkan pelaksanaan pelan tindakan kebersihan ini memerlukan perbelanjaan yang besar dan sememangnya terdapat sesetengah pihak berkuasa tempatan yang tidak mampu untuk melaksanakannya.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato'**

**Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sedang mengambil tindakan penubuhan satu jawatankuasa bertindak untuk memastikan agar pelan tindakan kebersihan dilaksanakan di semua pihak berkuasa tempatan.
- (b) Kementerian ini sedang mengkaji sejauh mana dan apa bentuk bantuan kewangan yang perlu diberikan kepada pihak berkuasa tempatan untuk melaksanakan pelan tindakan kebersihan berkenaan. Buat masa ini pemberian peruntukan tahunan kepada pihak berkuasa

tempatan melalui program yang sedia ada meliputi juga program berkaitan dengan tindakan kebersihan.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada pihak kementerian yang mengambil serius untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas dalam tindakan ataupun pelan tindakan kebersihan. Saya ingin tahu selama ini ataupun sejak kempen ini dilaksanakan berapa banyakkah pihak berkuasa tempatan yang menyambut baik dalam menjalankan pelan tindakan kebersihan ini. Adakah selama ini untuk menjalankan kempen kebersihan ini ada pihak berkuasa tempatan yang tidak bekerjasama dengan pihak kementerian untuk menjalankan kempen-kempen seumpama ini dan adakah peruntukan yang tertentu di tolak ataupun di tarik balik kepada pihak berkuasa yang tidak bekerjasama selama ini.

**Dato' Azmi bin Khalid:** *[Bangun]*

**Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein:** Sorry, sorry!

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, ada gangguan sementara. Minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Gangguan buat sementara ya! *[Ketawa]*

**Dato' Azmi bin Khalid:** Sementara ya.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan tadi sama ada berkesan atau tidak program ataupun kempen kebersihan ini. Sebenarnya semua pihak berkuasa tempatan telah mengambil berat untuk mengadakan kempen dan untuk berusaha membersihkan kawasan-kawasan bandar masing-masing, tetapi pada umumnya kementerian masih tidak berpuas hati oleh kerana keberkesanan

tindakan yang dijalankan itu tidak begitu memuaskan. Oleh itu, kementerian telah membuat satu keputusan untuk mewujudkan jawatankuasa bertindak untuk menjalankan pengauditan dan untuk juga membantu pihak berkuasa tempatan dari segi pemberian nasihat.

Oleh kerana pihak berkuasa tempatan adalah di bawah tanggungjawab pihak-pihak berkuasa kerajaan negeri. Jadi, badan bertindak ini dianggarkan boleh membantu secara memberi nasihat dan juga memberi maklum balas kepada pihak Kabinet. Dari segi kewangan tidak ada pihak berkuasa tempatan yang ditarik balik dari segi peruntukan bahkan banyak yang meminta bantuan kewangan berlebihan untuk membolehkan mereka menjalankan tindakan kebersihan, tetapi ini masih di dalam pertimbangan kementerian.

**Tuan Md. Isa bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri tadi, nampaknya tindakan kebersihan ini lebih pendekatannya ke arah financial based, di mana pihak kerajaan tempatan ada yang memohon tambahan peruntukan. Jadi, dalam keadaan sekarang, kita menghadapi halangan atau constraint kewangan. Jadi, apakah pendekatan kementerian untuk membuat pendekatan supaya tindakan kebersihan ini lebih menumpukan kepada aktiviti base daripada financial base supaya pendekatan ini lebih menumpukan aktiviti ini melibatkan seluruh masyarakat.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dalam soalan ini. Kita memang menggalakkan pihak-pihak berkuasa tempatan supaya melibatkan masyarakat dalam urusan dan tindakan kebersihan. Maka ini memerlukan satu pendekatan

pendidikan yang menyeluruh yang kesannya tidak dapat diketahui dalam jangka pendek.

Walau bagaimanapun banyak pihak berkuasa tempatan mengeluh tentang urusan mereka ialah kerja mereka sebagai 'superman' tetapi tidak mempunyai 'superpower' bermakna pihak kuasa-kuasa yang bertindih di dalam kawasan masing-masing ada yang di bawah bidang kuasa JKR, ada yang di bawah bidang kuasa badan-badan lain, maka ada juga constraint dari segi kuasa yang ada di tangan pihak berkuasa tempatan.

Dari segi kewangan memang pada keseluruhannya ini menjadi masalah dan seperti yang saya telah sebutkan tadi, pihak kementerian sedang memberi pertimbangan dalam perkara ini tetapi dalam keadaan ekonomi yang belum mengizinkan, saya rasa prioritinya tidak wujud.

### **KAMPUNG HARAM PENDATANG ASING - TINDAKAN KERAJAAN**

8. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang kerajaan sedang buat bagi menyekat menghapuskan perkampungan haram pekerja asing di seluruh negara dan gejala sosial yang dibuat oleh mereka. Juga nyatakan jumlah rumah keluarga dan perkampungan pekerja asing dan jumlah keluasan tanah kerajaan yang diterokai oleh mereka.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri melalui polis dan Imigresen akan mengambil tindakan menangkap, mendakwa dan seterusnya mengusir pendatang asing yang dikenalpasti berada di negara secara tanpa izin. Ini termasuklah mereka yang membuat perkampungan haram.

Berhubung pekerja asing yang memasuki negara ini secara sah dan diketahui melakukan kesalahan termasuk meneroka tanah kerajaan, Kementerian Dalam Negeri bersedia membatalkan pas pekerja mereka dan mengusir mereka pulang. Berhubung dengan jumlah keluarga dan keluasan tanah kerajaan yang diterokai, dukacita dimaklumkan bahawa ini adalah di luar bidang kuasa kementerian saya kerana tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Mengenai gejala sosial yang dilakukan oleh pekerja asing, agensi-agensi penguatkuasa terutamanya polis dan Imigresen sentiasa mengadakan pemeriksaan mengejut ke tempat-tempat yang biasa menjadi tumpuan kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang yang dilakukan oleh pendatang asing ini.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat membiarkan pendatang-pendatang yang halal ini datang ke Malaysia dan berkhidmat dan apabila mereka berada di sini, sudah tentu setengah itu berkeluarga. Jadi, kita tidak juga dapat boleh menafikan bahawa mereka ini perlu diberi satu penempatan. Jadi, adakah pihak Kementerian Dalam Negeri bercadang untuk hendak mengemukakan kepada kerajaan supaya pendatang-pendatang ini ataupun pekerja luar negara kita ini diberi satu kawasan penempatan supaya gerak geri mereka dapat diawasi di dalam kawasan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ingat zaman darurat dahulu, untuk menjaga keselamatan rakyat, kita bubuh mereka dalam kawasan kampung baru,

jadi, kita dapat awasi pergerakan. Jadi, adakah pihak kerajaan bercadang untuk membuat sedemikian supaya kita dapat mengurangkan masalah sosial dan juga jenayah yang berlaku ini.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada masa kini, memang sentiasa berfikir tentang tempat kediaman mereka ini dan telah pun mengenakan syarat kepada majikan yang ingin mengupahkannya mereka ini supaya menyediakan tempat kediaman ataupun, dengan izin, hostel. Kerajaan juga faham ini bukan satu perkara yang mudah sangat dari segi praktiknya, ada tempat-tempat di mana para pekerja itu susah hendak diberikan tempat kediaman.

Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat itu kita kena kaji dengan mendalam kerana kalau kita senang sangat memberikan tempat kediaman sehingga ianya menjadikan perkampungan, maka mungkin kita akan menarik lebih ramai mereka ini datang secara tidak sah dan pada masa untuk mengeluarkan mereka nanti, hendak menghantar mereka pulang lagi susah. Jadi, implikasi dari semua aspek perlu kita kaji dengan lebih teliti.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah Operasi Nyah adalah satu operasi yang bercita-cita untuk menghapuskan perkampungan haram pendatang asing yang dianjurkan oleh pihak Imigresen, polis dan pihak berkuasa tempatan. Tetapi saya gagal mendapatkan butir-butir mengenai bilangan jumlah penduduk dan perkampungan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan nampaknya Operasi Nyah ini pun tidak lagi bergiat sejak pertengahan tahun ini, apakah sebabnya dan adakah Operasi Nyah ini juga

dapat dilancarkan terhadap perkampungan haram pendatang asing yang terletak di atas tanah bukan milik kerajaan.

**Dato' Ong Ka Ting:** Tuan Yang di-Pertua, Operasi Nyah tidak dihentikan, sebenarnya, baru-baru ini ditingkatkan lagi, kalau kita lihat setiap hari, kita baca dalam media massa ataupun kita melihat atau menonton TV memang Jabatan Imigresen dan polis tidak berhenti siang malam menguatkuasa undang-undang iaitu Operasi Nyah. Dalam tahun ini sahaja sembilan bulan yang pertama, polis dan imigresen telah berjaya menahan 33,971 orang pendatang asing dan dalam dua bulan ini saya jangka angka pun agak tinggi. Dari segi sama ada tempat-tempat setinggian ini, kementerian saya sentiasa bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri dan juga kerajaan tempatan dan kita tetap terus menjalankan operasi.

### **PROJEK BAKUN - KEADILAN PENGAGIHAN KERJA KEPADA SUBKONTRAKTOR**

9. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:-

- (a) pelaksanaan projek Bakun Hidro ditunda dan bilakah perlaksanaannya dijangka dimulai semula. Apakah tindakan kerajaan agar keperluan tenaga negara untuk melonjak ke melinium 2000 tidak terjejas; dan
- (b) pelaksanaan semula projek Bakun menimbulkan banyak tandatanya kepada rakyat Malaysia, apakah peranan kerajaan agar perkara semudah faktor 'cost over run' tidak berlaku lagi. Apakah terjadi kepada 3500 lebih kontraktor Bhd. Adakah kawalselia yang boleh mencetuskan keadilan pengagihan kerja kepada sub-kontraktor 3500 itu boleh dibuat tanpa menjejaskan perjalanan projek.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyebut nombor soalan ini, izinkan saya membuat satu pembedulan. Saya berbincang dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dan mengatakan soalan ini telah dijawab bulan lepas. Tetapi persoalan khusus dalam soalan (b) iaitu ‘Apakah kawalselia yang boleh mencetus keadilan pengagihan kerja kepada subkontraktor 3,500 itu boleh dibuat tanpa menjejaskan perjalanan projek.’ Soalan ini belum lagi dijawabkan. Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyoalkan. Terima kasih.

**Seorang Ahli:** Marah?

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tak marah, baik!

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato’ Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya Tuan Yang di-Pertua benarkan saya boleh jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, boleh.

**Dato’ Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai kedudukan 3,500 subkontraktor, isu ini tidak berbangkit sekarang kerana projek Bakun telah pun ditangguhkan. Walau bagaimanapun kontraktor yang mempunyai kemampuan dari segi teknikal dan kewangan akan diberi pertimbangan sewajarnya iaitu apabila kerajaan membuat keputusan untuk mengaktifkan semula projek Bakun.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Bintulu. Yang 3,500 sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Chiew Chiu Sing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pelaksanaan projek Hidro Bakun ditunda, adakah kerajaan bercadang untuk membuat satu atau dua empangan yang lebih kecil di Sarawak dan bukan macam satu empangan yang begitu besar seperti Bakun supaya ini submarine cable yang menjadi satu masalah tidak perlu ditimbul kalaulah empangan yang begitu kecil dibina di Sarawak dan bukan satu saiz seperti Bakun ini.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan memang ada cadangan untuk membina projek hidro yang lain tetapi setakat ini bukan di Sarawak, kalau sekiranya difikirkan sesuai mungkin kerajaan akan memberikan pertimbangan untuk membina satu projek hidro yang lebih kecil saiznya di Sarawak, kalau sekiranya perlu.

#### **GURU MAHIR KOMPUTER - LATIHAN**

10. **Datuk Abu Seman bin Yusop [Alor Gajah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian mempunyai cadangan untuk melatih guru-guru terutama di sekolah-sekolah di luar bandar supaya mahir dalam bidang komputer agar mereka dapat mengajar murid-murid mereka dalam bidang ini. Jika ada, apakah pelan tindakan kementerian.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah pun melaksanakan beberapa strategi bagi melengkapkan guru-guru sama ada di sekolah bandar atau di luar bandar dengan pengetahuan dan kemahiran komputer. Antaranya ialah seperti

melaksanakan program latihan untuk jurulatih utama dan memasukkan mata pelajaran teknologi maklumat ke dalam kurikulum latihan guru.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai maklumat tentang berapa ramaikah guru yang telah dilatih untuk menguasai kemahiran komputer setakat ini dan apakah insentif yang diberikan oleh kementerian untuk menggalakkan mereka menguasai kemahiran ini.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, sejak program Kementerian Pendidikan untuk mewajibkan mata pelajaran Teknologi Maklumat sebagai satu mata pelajaran di maktab perguruan, seramai 37,000 orang guru pelatih telah diberi latihan dan mereka sekarang telah ditempatkan ke sekolah-sekolah di seluruh negara. Selain dari itu juga, seramai 1,700 orang guru telah diberi latihan untuk dijadikan sebagai jurulatih utama dan mereka akan menganjurkan program jangka pendek di peringkat daerah supaya semua guru di seluruh negara boleh dapat latihan dalam satu masa yang singkat.

**Tuan Mohd. Khaled bin Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada isu yang berkaitan dengan soal latihan komputer untuk guru ialah soal perisian (software) yang mana lebih-lebih lagi dalam kawasan luar bandar yang diperlukan ialah perisian yang sesuai yang relevan dan juga dalam bahasa Malaysia. Jadi, dalam hal ini ianya amat berkurangan sekali walaupun guru-guru dilatih untuk mampu mengendalikan komputer tetapi perisian yang tidak begitu sesuai yang belum ada dalam pasaran kerana akhirnya guru itu terpaksa mengajar murid-murid dan komputer itu hendak digunakan oleh murid-murid

tentunya perisian yang sesuai diperlukan. Jadi, apakah usaha kementerian untuk melihat kepada perkara ini supaya perisian dalam bahasa Malaysia yang sesuai, relevan dalam semua subjek dapat disediakan oleh kementerian.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan dengan usaha kita sendiri telah menulis dan membentuk beberapa program software, dengan izin, untuk digunakan di sekolah-sekolah di seluruh negara dan program itu adalah ditempatkan di pusat sumber daerah supaya ianya boleh dipinjam oleh semua sekolah.

Selain dari itu juga, tidak boleh dinafikan bahawa kita perlu juga sokongan dari pasaran khususnya sektor swasta untuk kita memperluaskan program ini dan dalam konteks ini Kementerian Pendidikan selalu membincangkan masalah ini dengan pihak swasta supaya boleh mendapat sokongan dari pihak mereka.

#### **MINYAK DAN GAS NEGARA - JUMLAH PENGELUARAN**

11. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) jumlah pengeluaran minyak dan gas negara sehingga kini dan adakah usaha mencari kawasan baru telaga minyak dijalankan dan dimanakah usaha-usaha itu dijalankan; dan
- (b) sejauh manakah hasil dari eksport minyak dan gas dapat membantu menyokong nilai Ringgit Malaysia di pasaran mata wang antarabangsa.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Dari tahun 1974 sehingga bulan September 1997 jumlah terkumpul pengeluaran minyak adalah 3,770 juta tong bagi kondensat, saya diberitahu kondensat ini solid gas, 108 juta tong dan gas 10,201 trillion kaki padu. Usaha mencari gali minyak dan gas sedang giat dijalankan di kawasan baru yang lebih mencabar iaitu di kawasan laut dalam. Setakat ini kontrak perkongsian pengeluaran atau dengan izin, production sharing contract, untuk lapan blok laut dalam telah ditandatangani di mana kontraktor-kontraktor terbabit kini sedang giat menjalankan aktiviti eksplorasi. Di samping kegiatan eksplorasi di laut dalam kontraktor-kontraktor untuk blok-blok di pesisir pantai masih tetap menjalankan kegiatan mencari gali minyak dan gas.
- (b) Untuk menambah pendapatan eksport negara, pengeluaran minyak mentah telah dipertingkatkan sebanyak 20,000 tong sehari semenjak bulan September iaitu dari 630,000 tong sehari kepada 650,000 sehari. Namun penambahan ini adalah secara kebetulan untuk menyempurnakan permintaan yang bertambah disabitkan kedatangan musim sejuk di Eropah dan Amerika.

**Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai simpanan gas dan minyak tetapi masalahnya penggunaan kita pada hari ini, penggunaan minyak adalah lebih banyak berbanding dengan penggunaan gas. Jadi, saya ingin tahu apakah usaha dan juga kempen yang dijalankan oleh pihak kementerian supaya tahap kesedaran rakyat kita ke arah menggunakan lebih banyak gas asli kerana penggunaan gas asli ini sudah tentu salah satu kebaikannya adalah untuk membantu kepada pengurangan pencemaran udara dan juga pemulihan alam sekitar dan juga kosnya murah.

Jadi, saya ingin tahu apakah usaha dan kempen yang telah dijalankan dan akan dijalankan agar rakyat sedar dan lebih prihatin.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, kita sememangnya menggalak orang ramai untuk menggunakan gas di mana kegunaannya itu boleh mengganti kegunaan minyak petrol dan kita tahu iaitu bahawa kadangkala kegunaan gas dan petrol ini adalah berbeza dan kita telah pun memperkenalkan penggunaan gas untuk masakan dan kita juga telah memperkenalkan beberapa buah kereta untuk penggunaan gas bagi menjalankan kereta-kereta ini. Jadi, Petronas sentiasa berusaha ke arah untuk memastikan penggunaan gas itu di masa yang akan datang kerana seperti yang Ahli Yang Berhormat sebutkan iaitu bahawa memang gas itu daripada segi kebersihannya jauh lebih bersih jika dibandingkan dengan petrol. Jadi, kita sentiasa berusaha ke arah itu.

**Dr. Yap Yit Thong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri amount keuntungan yang

didapati dari eksport minyak dan gas pada tahun yang lalu dan apakah mata wang digunakan untuk menyimpan keuntungan.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta notislah untuk keuntungan tahun lepas, tetapi penjualan petrol ialah dalam mata wang US Dollar.

### **PEMASANGAN IKLAN DI JALAN SIBUK - TINDAKAN**

**12. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa iklan yang dipasang di jalan sibuk telah menyumbang kepada kemalangan dan oleh itu apakah tindakan yang sesuai yang akan diambil bagi mengatasi masalah berkenaan.

**Tuan Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, semua iklan yang dipasang di tepi-tepi jalan diberi permit oleh pihak berkuasa tempatan di mana ia berada. Sebelum kelulusan diberikan untuk iklan-iklan tersebut dipasang, pandangan-pandangan daripada jabatan-jabatan yang terlibat seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bomba dan lain-lain adalah diminta untuk memastikan kesesuaian dari segi keselamatan dan gangguan-gangguan yang lain.

Adalah tidak benar bahawa papan iklan yang dipasang menyumbang kepada kemalangan. Kemalangan boleh berlaku disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti kecuaiian, memandu dengan laju ataupun memandu dengan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan. Menurut data analisa kemalangan jalan raya yang dikendalikan oleh Polis Diraja Malaysia, ia telah menunjukkan bahawa tiada rekod tentang kemalangan yang berlaku kerana iklan dipasang di tepi jalan yang sibuk dan mengikut analisa ini pula, faktor-faktor penyumbang utama kepada kemalangan jalan raya ialah memandu laju, memotong garisan

berkembar, membawa muatan berlebihan, tidak berhenti di simpang jalan, tidak mematuhi lampu isyarat, kesalahan berkaitan dengan topi keledar dan akhirnya tidak mengikut peraturan lalu lintas. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim.

*[Soalan No. 13 - Y.B. Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim [Sabak Bernam] tidak hadir]*

#### **PUTERA NORODUM SIHANOUK - PENGIKTIRAFAN MALAYSIA**

**14. Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan pergolakan yang berlaku di negara Kemboja kini masih belum nampak keamanan yang terjamin, adakah Kerajaan Malaysia berhasrat untuk mengiktiraf peranan Raja Kemboja Putera Norodom Sihanouk untuk membawa perundingan puak yang bertelagah atau adakah Kerajaan Malaysia menganggap itu adalah cara yang terbaik.

**Menteri Pertahanan [Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab bagi pihak Menteri Luar Negeri.

Kerajaan Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain sedang berusaha untuk mencari penyelesaian politik berikutan dengan pergolakan yang berlaku di Cambodia pada awal bulan Julai 1997. Beberapa mesyuarat dan pertemuan telah diadakan oleh troika ASEAN yang terdiri daripada Menteri-menteri Luar Negeri Indonesia, Filipina dan Thailand dengan pemimpin-pemimpin Cambodia dan antarabangsa bagi maksud mencari penyelesaian politik.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Raja Norodom Sihanouk merupakan satu tokoh yang dihormati dan disegani oleh semua lapisan masyarakat di Cambodia. Sehubungan dengan ini, Kerajaan Malaysia berharap bahawa semua golongan yang bertelagah berunding bagi mencari satu penyelesaian politik di Cambodia.

## **RUMAH KOS RENDAH - PELAKSANAAN SYARAT 30%**

**15. Tuan Kamarudin bin Ahmad [Arau]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada syarat 30% rumah kos rendah yang mesti dilaksanakan oleh pemaju perumahan dilaksanakan dan apakah tindakan setakat ini bagi pemaju yang gagal mematuhi syarat tersebut. Bagaimana pula syarat-syarat bagi pemaju kondominium dan apartment.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang sama telah dijawab dalam Parlimen ini iaitu menjelaskan bahawa syarat 30% rumah kos rendah dikenakan oleh pihak berkuasa negeri, maka dengan itu apa-apa kegagalan melaksanakannya diawasi oleh pihak berkuasa negeri dan tindakan terhadap pemaju berkenaan diambil oleh pihak berkuasa negeri. Oleh itu, kementerian atau mana-mana agensi kerajaan persekutuan tidak menyimpan maklumat mengenai pemaju yang gagal melaksanakannya. Syarat 30% rumah kos rendah ini dikenakan juga bagi pemaju yang membina kondominium atau apartment.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sama ada kerajaan ada rancangan untuk menaikkan peratusan daripada 30% ke tahap yang tinggi atau menaikkan harga untuk low cost house ini lebih daripada RM25,000. Sekian, terima kasih.

**Dato' Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua soalan. Satu, sama ada kerajaan ingin hendak menaikkan peratus, jawabnya belum ada cadangan. Keduanya, mengenai harga. Cadangan telah pun dibuat oleh pihak pemaju dan kementerian telah pun mengkajinya dan kementerian akan mengemukakan perkara ini kepada Kabinet untuk pertimbangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut tamat.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 13, 16 hingga 31 akan dijilid dalam buku berasingan]*

**PENERANGAN OLEH YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI  
KEWANGAN DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 14(1)(i) -**

**Langkah-langkah Strategik Bagi Mengukuhkan  
Kestabilan Ekonomi dan Kewangan Negara**

**3.35 ptg.**

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, negara berdepan dengan suasana getir. Tatkala cadangan Belanjawan 1998 dibentangkan di Dewan ini pada 17 Oktober lalu, pasaran saham Thailand dan mata wang Bahtnya telah jatuh merudum dipukul badai spekulator pasaran. Sejak itu badai ini telah melanda hampir semua negara Asia Timur, akhirnya negara-negara Thailand, Indonesia dan kini Korea Selatan pula terpaksa meminta bantuan dan perlindungan dari Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Namun Malaysia masih mampu bertahan, walaupun Ringgit dan pasaran saham kita juga menjadi sasaran serangan bertubi-tubi para spekulator. Kita mampu bertahan kerana kita memiliki asas ekonomi mantap dan sistem kewangan yang tegap. Kita masih mampu bertahan kerana kita memiliki perisai yang kebal, iaitu keyakinan dan sokongan rakyat kepada kerajaan. Justeru itu, tidak timbul suasana yang bermasalah di kalangan rakyat. Suasana ini membolehkan rakyat terus menjalankan kerja dan tugas harian dengan tabah, tenang dan berani.

Namun, kita tidak boleh menafikan kenyataan bahawa kegawatan ekonomi yang sedang dihadapi ini menimbulkan pelbagai masalah yang rumit dan beban besar di kalangan rakyat di semua peringkat, baik petani mahupun

nelayan, guru dan pegawai kerajaan, peniaga kecil dan jutawan, semua dihimpit kesulitan.

Sesungguhnya selain dari faktor-faktor ekonomi yang utuh, kestabilan politiklah yang menjadi akar tunjang, yang membolehkan negara kita berdiri tegak dan teguh di tengah pancaroba ekonomi yang sedang menguji kekuatan rantau ini. Justeru itu, kerajaan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua rakyat, dari segenap peringkat lapisan dan golongan, termasuk rakan-rakan dari parti pembangkang yang telah memberikan sokongan kepada segala tindakan dan cadangan kerajaan. Kerajaan berharap sokongan sebegini akan terus diberikan agar kerajaan dapat melaksanakan segala tindakan susulan secara tenang, teratur dan berkesan, insya-Allah.

Kerajaan juga insaf bahawa langkah-langkah segera yang keras dan tegas seperti yang diumumkan Jumaat lalu perlu dilaksanakan untuk mententeramkan pasaran, membendung dan memperbaiki kerosakan. Anggaphlah ia sebagai jadam, meskipun pahit, namun perlu ditelan.

Dalam menangani kegawatan ini, kepimpinan kerajaan sedar betapa perlunya mereka bersama rakyat memikul beban dan sama-sama menelan jadam. Justeru itu, anggota Jemaah Menteri dan timbalan-timbalan menteri telah menawarkan gaji mereka dipotong sebanyak 10%. [*Tepuk*] Pegawai-pegawai kerajaan yang memegang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA), Setiausaha Politik dan saya percaya ahli-ahli Parlimen juga dan jawatan-jawatan yang setara juga menawarkan pemotongan gaji sebanyak 3% [*Tepuk*], sementara kenaikan gaji pegawai-pegawai kategori A dan B dibekukan

sehingga ekonomi pulih. Selaras dengan langkah kerajaan, kita mengharapkan sektor swasta turut melakukan langkah serupa untuk melegakan negara dari tekanan inflasi. Sementara itu, kerajaan mengalukan sokongan dan pengertian pihak kesatuan sekerja dalam hal tersebut.

Kedudukan ekonomi semasa menunjukkan tahap daya tahan ekonomi negara masih tinggi. Tahap hutang luar negara berbanding dengan pendapatan eksport dan Keluaran Negara Kasar masih rendah. Begitu juga dengan nisbah khidmat pembayaran hutang negara iaitu 6%.

Meskipun sentimen pasaran kewangan lemah, prestasi sektor sebenar ekonomi terus menggalakkan. KDNK berkembang sebanyak 7.4% dalam tempoh suku ketiga tahun ini. Pengeluaran sektor perkilangan meningkat sebanyak 11.7% dalam tempoh tersebut. Dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1997, pengeluaran perkilangan mencatatkan pertumbuhan yang kukuh sebanyak 13% hasil peningkatan pengeluaran industri berasaskan eksport yang meningkat sebanyak 12.6% berbanding dengan 4.7% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Khususnya, pengeluaran semi-konduktor meningkat sebanyak 23.8% dan keluaran plastik sebanyak 56.3%.

Eksport barangan (f.o.b.) berkembang sebanyak 27.7% kepada RM21.647 bilion dalam bulan Oktober 1997, selepas mencatatkan peningkatan sebanyak 21.7% pada bulan September. Sebaliknya, import (c.i.f.) meningkat sebanyak 23% kepada RM21.789 bilion. Import bulan Oktober termasuklah pembelian sebuah kapal terbang komersial yang bernilai RM535 juta dan dua buah lagi kapal terbang yang dipajak bernilai RM289.9 juta oleh MAS.

Pembelian kapal terbang ini akan meningkatkan perolehan pertukaran mata wang asing dalam jangka panjang bagi industri pengangkutan udara. Akibatnya, imbalan perdagangan pada bulan Oktober mencatat defisit yang kecil sebanyak RM142.1 juta. Sekiranya dua buah kapal terbang yang dipajak tidak diambil kira sebagai import, imbalan perdagangan akan mencatatkan lebihan.

Aliran masuk kasar pelaburan asing langsung, oleh syarikat-syarikat asing bagi pelaburan semula meningkat sebanyak 14% kepada RM25.7 bilion dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini. Dalam tempoh yang sama, pelabur asing mengekalkan 76% daripada keuntungan mereka untuk melabur semula (reinvestment) dalam negara ini. Baru-baru ini syarikat-syarikat besar seperti Tai Ten Petro-Chemical dan Mega Steels Sdn. Bhd. menunjukkan minat untuk meningkatkan pelaburan mereka di negara ini. Walaupun pelaburan ini menyebabkan import barangan modal yang tinggi, keadaan ini tidak akan memberi kesan ke atas imbalan pembayaran kerana pembeliannya dibiayai oleh modal asing.

Berdasarkan prestasi perdagangan sehingga kini, kita yakin bahawa akaun dagangan (f.o.b.) akan mencatat lebihan sebanyak RM9.7 bilion pada tahun ini sepertimana yang diramalkan semasa membentangkan Belanjawan 1998. Kita menjangka defisit akaun semasa akan berkurangan kepada 5% daripada KNK pada tahun ini, daripada 5.2% tahun 1996 dan 10.5% tahun 1995.

Sementara prestasi sektor sebenar ekonomi menggalakkan, kita perlu terus memperkukuh asas ekonomi dan meningkatkan kedudukan sumber negara bagi memastikan kita mempunyai daya tahan untuk menghadapi risiko dari ketidaktentuan aliran modal. Jelas bahawa negara yang terlalu bergantung kepada pinjaman luar, terutamanya pinjaman jangka pendek, sering terdedah kepada risiko yang bersangkutan dengan penarikan keluar modal asing. Justeru itu, kita perlu mengurangkan kebergantungan kepada sumber asing, terutama pinjaman untuk membiayai pertumbuhan ekonomi. Kita juga perlu meningkatkan tabungan bagi memastikan kita dapat mengurangkan pinjaman asing untuk membiayai pertumbuhan ekonomi di samping terus membuat prapembayaran (prepayment) hutang luar sejak 1987. Hasilnya, hutang luar Kerajaan Persekutuan berkurangan daripada RM28.3 bilion pada tahun 1986 kepada RM8.9 bilion pada tahun 1997.

Sungguhpun kadar tabungan negara tinggi, tahap pelaburan juga meningkat dengan lebih pesat. Pelaburan sektor swasta secara keseluruhannya mengembang dengan cepat, melebihi keuntungan atau tabungan. Akibatnya, sektor swasta terus bergantung kepada sumber luar, terutamanya pinjaman, bagi membiayai pelaburan mereka. Sebahagian besar dari pelaburan perlu disalurkan ke sektor hartanah (property) hingga menyebabkan berlakunya keadaan lebih penawaran dalam kebanyakan segmen pasaran. Keadaan ini merupakan salah penggunaan sumber.

Pelaburan yang besar turut memberi kesan ke atas sistem perbankan. Pertumbuhan kredit pada kadar purata tahunan sebanyak 28% adalah tinggi,

iaitu melebihi had berhemat. Syarikat terpaksa bergantung kepada saham-saham dan aset mereka sebagai cagaran untuk membiayai pelaburan. Kejatuhan purata harga saham sebanyak 60% diikuti oleh pengurangan modal pasaran sebanyak RM414 bilion, iaitu daripada RM806.8 bilion pada akhir tahun 1996 kepada RM392.8 bilion pada 4 Disember 1997, telah mendedahkan sektor perbankan dan korporat kepada masalah yang berkaitan dengan kejatuhan nilai aset cagaran. Pada masa yang sama, nilai Ringgit merosot sebanyak 30.6% berbanding dengan Dolar Amerika dalam tempoh yang sama. Ini mengakibatkan peningkatan kadar faedah dan jumlah pembayaran pinjaman pokok serta kos operasi yang tinggi yang memberi kesan ke atas pendapatan dan imbalan kira-kira sektor korporat.

Pelaburan dalam sektor hartanah yang tinggi tidak membantu mengembangkan kapasiti produktif ekonomi dan eksport negara. Sebaliknya, pelaburan ini menyebabkan import barangan dan perkhidmatan yang tinggi dan mengekang eksport kerana bahan pembinaan yang sepatutnya dieksport telah digunakan dalam negeri.

Pemaju hartanah akan terus diberi galakan dan kemudahan membangunkan bangunan kediaman kos rendah dan tidak kondominium atau kediaman mewah, pasar raya dan bangunan pejabat yang telah menyumbang ke arah pembaziran sumber kewangan, gunatenaga dan bahan binaan.

Dalam pengeluaran barangan pula, kita terlalu bergantung kepada import yang mencerminkan penghasilan nilai ditambah yang rendah akibat kurangnya tahap rangkaian antara industri. Di samping itu, berlaku salah-padanan

(mismatch) antara aset dan tanggungan yang berpunca dari pinjaman jangka pendek yang digunakan bagi membiayai pelaburan jangka panjang.

Dasar Penswastaan yang dimulai pada tahun 80-an berjaya mengurangkan beban kewangan kerajaan. Juga telah berjaya mempercepatkan penyiapan projek secara keseluruhannya mempertingkatkan kecekapan dan mutu perkhidmatan kepada rakyat. Namun begitu, untuk mengelakkan penswastaan dari menjadi salah satu punca kepada tekanan terhadap sistem kewangan negara, maka syarikat-syarikat yang diberi projek penswastaan perlulah memberikan tumpuan kepada bidang pelaburan yang mempunyai kaitan rapat dengan perniagaan utama mereka sahaja. Justeru itu, mulai sekarang, kerajaan akan mengawasi setiap rancangan pelaburan syarikat-syarikat sebegitu supaya dasar penswastaan kerajaan tidak terpesong dari matlamat asalnya.

Sektor kewangan.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan mengenai penswastaan di mana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada berkata supaya penswastaan tidak menjadi satu punca pressure kepada sektor kewangan bahawa syarikat-syarikat yang diberi penswastaan tidak akan dibenar untuk berpesong daripada tujuan mereka. Kalau begitu, bagaimana kerajaan boleh reconcile mengenai Lebuhraya Utara-Selatan di mana kerajaan ada memberi pinjaman RM1.3 bilion kepada United Engineers Malaysia dan di mana United Engineers Malaysia sungguhpun dapat wang pinjaman begitu besar RM1.3 bilion, boleh

menggunakan RM2.4 bilion untuk ambil alih Renong dan mencetuskan satu krisis besar dari segi kewangan. Bukankah ini satu penyelewengan?

Sungguhpun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam kenyataan kementerian dalam Dewan ini ada kata bahawa waiver yang diberi kepada UEM sudah dibatalkan, tetapi selepas pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada hari Jumaat malam itu, Suruhanjaya Keselamatan (Securities Commission) ada mengeluarkan satu kenyataan untuk memberi waiver semula. Bukankah ini bercanggah dengan kenyataan yang baru-baru ini ada dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa memastikan penswastaan tidak akan memesong daripada tujuannya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya jelaskan bahawa penswastaan termasuk oleh PLUS merupakan kejayaan kepada negara kerana ia memberikan kemudahan infrastruktur yang cukup baik dan penyelesaian kepada rakyat walaupun beberapa aspek dari cadangan kenaikan tol telah diteliti semula oleh kerajaan.

Keduanya, mengenai persoalan khusus yang menyentuh cadangan UEM-Renong telah pun kita bahaskan dan perkara ini di peringkat akhir siasatan Suruhanjaya Sekuriti dan badan-badan kerajaan yang bertanggungjawab. Oleh yang demikian, saya tidak fikir ia patut dipanjangkan daripada peringkat ini. Syarikat itu pun telah dikenakan denda dan juga teguran atau reprimand dan sementara itu, langkah-langkah lain sedang diambil tindakan sewajarnya.

Susut nilai Ringgit yang ketara dan kemelut urus niaga.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Kemudian. Susut nilai Ringgit yang ketara dan kemelut urus niaga Bursa Saham Kuala Lumpur telah meninggikan risiko ke atas sistem kewangan dan juga ekonomi negara secara keseluruhannya. Kerajaan telah berusaha untuk memastikan kestabilan sistemik dan keutuhan sistem kewangan dipertahankan. Kita telah melaksana dan terus memperkenalkan langkah-langkah segera untuk mengurangkan risiko yang mungkin dihadapi oleh sistem kewangan.

Sistem perbankan dan pasaran saham adalah unsur utama dalam sistem sesebuah ekonomi moden. Oleh itu, adalah wajar kita pertahankan keutuhan dan kestabilan sistem kewangan.

Memandangkan betapa pentingnya sistem kewangan, langkah-langkah hendaklah menjurus kepada mempertahankan keutuhan dan kestabilan demi menjaga kepentingan ekonomi negara. Justeru itu, kerajaan akan mengambil langkah sewajarnya bagi terus menjamin keyakinan para pelabur terhadap institusi kewangan dan infrastruktur pasaran negara.

Semasa membentangkan Belanjawan 98, beberapa langkah baru telah diperkenalkan bagi pengkelasan pinjaman tidak berbayar, pendedahan mengenai pinjaman tidak berbayar dan peruntukan untuk hutang lapuk (NPL) bagi memperkukuh sistem perbankan.

Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Saham Kuala Lumpur pula telah mengarahkan broker-broker saham supaya terus mengawasi dengan teliti kedudukan mudahtunqai mereka yang berhubung dengan aktiviti perdagangan serta viability kewangan mereka. Dilihat dari segi sistemik, kedua-dua aspek

ini merupakan perkara asas bagi mempertahankan keutuhan sistem perbankan. Sementara kerajaan bertanggungjawab untuk menjaga kestabilan tersebut, saya tidak akan membenarkan institusi dan intermediaries, sama ada bank, syarikat kewangan atau broker untuk melepaskan tanggungjawab mereka bagi melindungi sistem kewangan. Kita akan mengambil tindakan ke atas institusi yang didapati melanggar peraturan. Sekatan ke atas aktiviti perdagangan oleh BSKL kepada lima buah syarikat broker saham pada awal minggu lepas menunjukkan iltizam kerajaan untuk memastikan tindakan akan diambil sekiranya arahan dan peraturan tidak dipatuhi. Sekiranya mereka memerlukan suntikan modal, mereka perlu melakukannya sendiri sebelum diarah oleh pihak berkuasa.

Sebagai tambahan, saya telah mengarahkan pihak berkuasa untuk melaksanakan dengan segera rangka kerja kecukupan modal berasaskan risiko (risk-based capital adequacy framework) yang lebih relevan untuk mempertahankan keutuhan pasaran meliputi peringkat institusi pasaran dan intermediaries. Atas alasan inilah, saya telah mengumumkan dalam cadangan Belanjawan 1998 rancangan bagi rangka kerja baru untuk perlindungan aset pelanggan.

Keyakinan pelabur adalah kunci utama dalam penggemblengan tabungan. Keyakinan pelabur tidak harus terjejas akibat kurangnya prinsip ketelusan dan ketidacukupan pendedahan.

Walaupun kita masih belum lagi menuju ke arah pendedahan sepenuhnya berasaskan keadaan (full disclosure based environment), prinsip

utamanya ialah kesesuaian pelaksanaan. Ianya mestilah relevan, penuh pendedahan dan dalam jangka masa yang bersesuaian. Adalah menjadi tanggungjawab penasihat, penganjur dan pengarah bagi memastikan prinsip ini dipatuhi dengan sepenuhnya.

### **Langkah-langkah Tambahan**

Berdasarkan perkara tersebut dan sebagai tindakan kerajaan yang segera dan berterusan, saya mengumumkan langkah-langkah tambahan kepada cadangan Belanjawan 1998 yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 3 Disember, bertujuan:

- (i) memulihkan kestabilan ekonomi; dan
- (ii) memperkukuhkan keyakinan terhadap sistem kewangan.

Saya telah mengumumkan strategi dan langkah dalam cadangan Belanjawan 1998 bagi mengembalikan keyakinan dan mengukuhkan asas-asas ekonomi serta menstabilkan pasaran kewangan. Dalam cadangan Belanjawan 1998 juga, saya telah mengumumkan kadar pertumbuhan kurang daripada 7% bagi tahun hadapan. Berikutan ketidakpastian yang berterusan di rantau ini dan kesannya ke atas ekonomi, kita dengan ini mengurangkan jangkaan pertumbuhan ekonomi pada tahun hadapan kepada antara 4% hingga 5%. Penyemakan semula ini mengambil kira beberapa langkah yang akan saya umumkan. Kita bersyukur bahawa sektor benar ekonomi, iaitu perkilangan dan pertanian, terus kukuh. Oleh itu, kedudukan gunatenaga negara dijangka terus stabil.

Tumpuan dasar terus diberikan bagi menangani defisit akaun semasa. Beberapa langkah telah dicadangkan dalam Belanjawan untuk memperkukuh

kedudukan imbalan pembayaran bagi mengurang defisit akaun semasa kepada 4% daripada KNK. Dengan perkembangan semasa, kita bertekad untuk mengurangkan lagi defisit ini kepada 3% daripada KNK atau pengurangan defisit sebanyak RM5 bilion berbanding dengan tahun 1996. Untuk memastikan ini, saya mengemukakan beberapa lagi langkah tambahan seperti berikut:

- (i) mengurangkan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan sekurang-kurangnya 18% dalam tahun 1998, bermula dengan pemotongan serta-merta secara menyeluruh sebanyak 10% bagi kedua-dua perbelanjaan mengurus dan pembangunan dan 8% lagi potongan secara terpilih. Ini merupakan tambahan kepada pemotongan perbelanjaan yang telah diumumkan dalam Belanjawan 1998. Langkah ini bertujuan untuk memperteguh kedudukan kewangan keseluruhan sumber negara dan seterusnya memastikan negara mampu untuk membiayai pelaburan tanpa bergantung kepada pinjaman luar;
- (ii) banyak projek mega telah ditangguhkan. Selain daripada ini, projek-projek pembinaan yang tidak strategik yang sedang dilaksanakan akan ditangguhkan juga, sementara projek-projek baru yang tidak menyumbang kepada peningkatan kecekapan ekonomi tidak akan dilaksanakan. Ini termasuk cadangan projek besar Proton City di Perak

yang kini dikaji semula dan sebahagian besar projek itu akan turut ditangguhkan. Kerajaan tidak akan melayani sebarang permohonan untuk melaksanakan projek-projek besar dan pembelian yang tidak selaras dengan dasar memperkukuh asas ekonomi. Sebarang pelaksanaan dan pengumuman projek hanya diumumkan oleh pihak kerajaan secara rasmi;

- (iii) usaha berterusan bagi meningkatkan perolehan pertukaran asing akan diperhebatkan, terutamanya menerusi galakan eksport serta pelancongan;
- (iv) langkah-langkah selanjutnya bagi menggalakkan penggunaan keluaran tempatan akan diambil. Import barangan “lumpy” oleh MAS dan MISC akan dijadual semula;
- (v) tabungan negara akan terus dipertingkatkan; dan
- (vi) pelaburan ke luar negara yang berjumlah RM7 bilion dalam tempoh separuh pertama 1997, akan ditangguhkan walaupun pelaburan ini dibiayai melalui pinjaman luar. Bagaimanapun, pelaburan yang mempunyai rantaian dengan ekonomi domestik dan menjana pertukaran mata wang asing akan diteruskan.

Dari segi dasar pertukaran wang asing, Malaysia akan terus mengamalkan dasar pertukaran asing yang fleksibel. Adalah dijangkakan

apabila ketidakstabilan nilai mata wang berakhir, kadar pertukaran akan menuju ke paras yang lebih realistik mencerminkan kekukuhan asas ekonomi. Malaysia juga akan terus mengamalkan sistem pasaran dan tidak bercadang untuk mengenakan sebarang bentuk kawalan ke atas pertukaran mata wang asing.

Saya juga telah jelaskan bahawa peraturan ini akan hanya ditentukan di peringkat badan antarabangsa dan tidak dilakukan secara unilateral oleh Kerajaan Malaysia.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya hendak tolong sedikit kerana kita sama-sama hendak menghadapi gawatan ini. Menurut BIS foreign debt, saya ada dengar di dalam kereta kerana ada kesesakan sedikit, pada Jun tahun ini US\$33 bilion, saya setuju, ini lebih baik daripada Korea Selatan, Thailand dan Indonesia. Tetapi walau bagaimanapun, dengan langkah-langkah yang diumumkan tadi bagaimana kita dapat menyekatkan syarikat-syarikat swasta yang dapat pinjaman daripada luar. Adakah US\$33 bilion ini termasuk pinjaman oleh pihak swasta?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya jelaskan, berbeza dari perkembangan kemelut ekonomi yang kita hadapi pada pertengahan 80-an, pada masa itu beban ialah akibat daripada hutang kerajaan hampir sepenuhnya. Oleh yang demikian, langkah-langkah yang diambil lebih banyak mengawal perbelanjaan kerajaan menghentikan hutang dan memotong perbelanjaan kerajaan dan digunakan untuk membayar semula hutang. Dalam keadaan sekarang, beban hutang kerajaan sangat kecil

dan kerajaan telah tidak membuat pinjaman baru. Disiplin dan pengurusan ekonomi sektor awam itu lebih mantap. Bila kita hubungkan dengan isu asas kukuh atau fundamental negara, kita hubungkan dengan kemantapan pengurusan ekonomi sektor awam. Tetapi yang menjadi masalah dan beban hutang yang besar, itu melibatkan sektor swasta.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Sebab itulah sekarang kita telah menyebut di sini, pertamanya, tentang langkah-langkah bagi mengawal kredit dan pinjaman oleh institusi kewangan tempatan. Kedua, menghalang daripada kemudahan pinjaman dari luar yang tidak akan dibenarkan melainkan dengan kelulusan Bank Negara Malaysia. Jadi dengan hal yang demikian, hutang swasta sama ada dalam negara atau luar negara akan lebih terkawal dalam keadaan sekarang.

Pada masa ini.....

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Yang Amat Berhormat ada kata tadi diharap bahawa nilai pertukaran mata wang Ringgit akan sampai kepada satu tahap yang lebih realistik. Bukankah ini satu perubahan daripada apa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada kata dalam masa membentangkan Budget pada 17 Oktober di mana beliau kata bahawa ada harapan nilai pertukaran mata wang Ringgit boleh dipulihkan kepada tahap yang dahulu. Tentu dalam lima minggu ini nilai Ringgit sudah jatuh sejak Budget yang dibentangkan daripada RM2.71 kepada US\$1 pada hari Jumaat

lalu RM3.8650 kepada US\$1 sebelum Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyelamatkan keadaan dengan pengumumannya.

Tetapi sekarang apabila Yang Amat Berhormat kata harap ada satu tahap pertukaran mata wang yang lebih realistik, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebutkan apa ban di antara nilai yang lebih realistik sama ada RM2.83 kepada RM3.3 atau RM3.5. Hari ini sungguhpun KLSE ada lompat balik sebagai satu keyakinan kepada pakej yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana, tetapi nampaknya Ringgit tidak begitu bergerak, baru-baru ini ialah RM3.7. Nampaknya bila Ringgit jatuh, susah untuk naik semula. Apakah ban yang dianggap oleh kerajaan bahawa level yang realistik?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya ingin jelaskan bahawa apa yang saya sebut dalam belanjawan lalu ialah keyakinan kita dalam kekuatan Ringgit harus berasaskan kepada kedudukan dan kukuh sistem ekonomi dan ia harus naik semula hampir ke tahap yang asal. Keadaan dan kepercayaan kita tidak berubah, tidak dalam jangka masa yang pendek, seperti juga kedudukan Ringgit dan pasaran saham, ia tidak dapat ditentukan dalam kegawatan ekonomi yang kurang menentu. Kita tahu keyakinan pelabur penting dalam negara, tetapi kita tahu juga bahawa dalam sistem global dan kesejagatan yang kita amal sekarang, ia terikat juga dengan tempian perkembangan dan kegawatan di luar.

Hari ini umpamanya, Won Korea dilanda teruk dan kejatuhannya itu terlalu mendadak dan kesannya itu adalah barah bagi semua mata wang di

rantau kita. Jadi, untuk kita kaitkan perkembangan pagi tadi dengan suatu perkembangan yang mendadak dengan Won Korea, itu agak sukar. Yang boleh kita harapkan ialah dengan langkah-langkah tambahan yang kita ambil, yang akan menunjukkan dasar kita yang lebih konsisten dan keduanya, dengan dukungan dan semua kenyataan yang positif yang boleh mengembalikan keyakinan. Itu yang penting.

Pada masa ini, tahap rizab luar bernilai RM61.7 bilion cukup untuk membiayai 3.7 bulan import tertangguh. Rizab ini adalah berdasarkan kadar pertukaran mata wang pada akhir tahun 1996 dan tidak mengambil kira sebarang perubahan nilai akibat perubahan kadar pertukaran mata wang asing. Jadi, ingin saya tekankan kerana ada yang mempertikai jumlah rizab kita menganggap bahawa kita telah revalue rizab kita.

Saya ingin jelaskan sekali lagi bahawa angka yang saya sebut ini ialah berdasarkan nilai pada akhir tahun 1996. Kalau diambil kira revaluation tentulah jumlahnya jauh lebih besar, tetapi kita tidak fikir wajar dan bijak untuk membuat keputusan yang sedemikian. Matlamat kita ialah untuk mencapai tahap rizab yang mampu membiayai sekurang-kurangnya empat bulan import tertangguh.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Saya berbalik sedikit kepada nilai mata wang. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri masih pegang kepada harapan beliau bahawa nilai mata wang Ringgit boleh dipulihkan kepada tahap yang asal? Akibat daripada term-oil pasaran mata wang di Asia bahawa satu playing field yang baru sudah timbul, satu

fundamental mengenai mata wang sudah timbul di mana oleh kerana mata wang lain-lain negara sudah pun depreciated, sudah mewujudkan satu keadaan di mana kalau mata wang pulih kepada tahap yang lama bahawa ini akan menjadikan barangan Malaysia lebih tidak competitive. Bukankah ini sudah mewujudkan satu fundamental yang baru dalam dunia mata wang?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, sistem mikrofon kita ini nampak efisien, Yang Berhormat dari Tanjong patut dengar dengan teliti, saya kata hampir ke tahap yang lalu - hampir. *[Ketawa]* Maknanya, tidak semestinya tahap yang lalu dan 'hampir' itu ialah satu kenyataan yang memberikan sedikit fleksibiliti - kelonggaran.

Sistem perbankan terus kukuh walaupun dalam suasana kegawatan yang telah menggoncang pasaran kewangan rantau ini. Kekukuhan ini dicerminkan oleh nilai permodalan portfolio, peruntukan 'provisioning' dan prestasi keseluruhan sistem perbankan.

Beberapa peraturan berhemah telah dilaksanakan sejajar dengan piawaian antarabangsa. Dalam cadangan Belanjawan 1998, saya telah mengumumkan langkah-langkah berikut:

- (i) peraturan pengelasan pinjaman tidak berbayar akan diperketatkan. Pinjaman yang tertunggak selama tiga bulan akan diklasifikasikan sebagai pinjaman tidak berbayar, berbanding dengan enam bulan masa ini;
- (ii) institusi perbankan dikehendaki memberi lebih banyak maklumat mengenai pinjaman tidak berbayar, pinjaman

mengikuti sektor dan perubahan peruntukan bagi hutang lapuk dan hutang diragui termasuk 'interest-in-suspense'; dan

- (iii) institusi perbankan dikehendaki meningkatkan tahap peruntukan am daripada 1% kepada 1.5% daripada jumlah bersih pinjaman tertunggak tidak termasuk 'interest-in-suspense' dan peruntukan khas.

Bagi memastikan pertumbuhan kredit tidak melebihi kadar yang telah ditetapkan dalam perancangan institusi perbankan, prinsip-prinsip berikut perlu dipatuhi:

- (i) rancangan kredit perlu dipatuhi secara tegas. Institusi perbankan perlu mengamalkan budibicara dalam menarik balik pinjaman (margin calls), bagi kontrak pinjaman yang mempunyai peruntukan membenarkan institusi perbankan berbuat demikian;
- (ii) institusi perbankan perlu memastikan pengagihan kredit hanya diberi keutamaan kepada aktiviti produktif yang berteknologi tinggi, industri yang menjana pertukaran mata wang asing seperti pelancongan serta sektor yang berorientasikan eksport;
- (iii) peminjam korporat dan individu tidak akan diberi bantuan sekiranya pinjaman kepada pihak ini didapati tidak lagi berdaya maju. Kita tidak wajar menggunakan sumber

kewangan bagi membiayai aktiviti yang tidak produktif kerana ini akan memberikan bebanan tambahan dan mendedahkan institusi perbankan kepada risiko dan kerugian yang lebih besar;

- (iv) jaminan kepada peminjam hanya akan diberi kepada mereka yang menghadapi masalah sementara mudahtunai akibat susutan nilai Ringgit. Dalam kes ini, tambahan kredit hanya diberi bagi membolehkan peminjam meneruskan pengeluaran atau memenuhi pesanan eksport;
- (v) institusi perbankan dikehendaki lebih berwaspada dalam membuat panggilan margin. Sekiranya kejatuhan margin sandaran oleh saham syarikat yang mempunyai asas-asas yang kukuh, adalah lebih wajar sekiranya langkah panggilan margin tidak diambil. Walau bagaimanapun, sekiranya saham sandaran dalam syarikat yang tidak berdaya maju, institusi perbankan perlu membuat panggilan margin. Apa yang penting dan perlu diutamakan ialah keselamatan dan kestabilan institusi perbankan. dan
- (vi) kerajaan akan terus melindungi kepentingan pendeposit dalam sistem perbankan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan pengurusan yang baik, telus, bertanggungjawab dan mengikut piawaian pendedahan yang tinggi dalam sektor korporat, langkah-langkah berikut akan dilaksanakan:.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Amat Berhormat, Kepong bangun.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:**

- (i) sektor swasta harus mengambil langkah berjimat cermat bagi meningkat dan mengukuhkan kedudukan kewangan sepertimana langkah-langkah pemotongan perbelanjaan yang dilaksanakan oleh sektor awam;
- (ii) sektor korporat seharusnya mengkaji semula perbelanjaan tidak perlu seperti ganjaran dan faedah kepada kakitangan mereka. Projek-projek baru dan perbelanjaan modal yang tidak penting ditangguhkan supaya syarikat tidak menambah beban hutang mereka;
- (iii) agensi penarafan tempatan perlu mengemukakan penarafan terkini kepada Suruhanjaya Sekuriti;
- (iv) semua bentuk penyusunan semula syarikat-syarikat korporat akan diteliti secara terperinci oleh pihak berkuasa dan hanya mereka yang benar-benar perlu dan boleh mengukuhkan ekonomi, akan diberi kebenaran untuk melaksanakan penyusunan tersebut;

- (v) permohonan bagi penyenaiaan baru, terbitan hak dan penyusunan semula korporat akan dibekukan dan tiada kelulusan baru diberi. Ini bagi memastikan mudah tunai pasaran tidak terjejas. Walau bagaimanapun, pelaburan strategik yang boleh menjana pertukaran mata wang asing dan/atau yang mengelakkan aliran keluar ringgit seperti pelancongan, industri berasaskan makanan dan berorientasikan eksport serta berteknologi, juga projek-projek yang berkaitan dengan MSC akan diluluskan, tetapi akan tertakluk kepada penelitian yang rapi; dan
- (vi) syarikat-syarikat seharusnya membuat pendedahan yang tepat dan telus yang memberi kepastian kepada pelabur-pelabur.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Tuaran bangun.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Memang bagi kita, kita mengalu-alukan segala tindakan dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ini dan kita sedia menyokong dan memperjelaskan keadaan sebenar dan maksud yang dibuat oleh kerajaan kepada rakyat.

Persoalan yang saya ingin timbulkan di sini ialah tentang pengumuman yang baru dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri

tentang pembekuan penyenaian baru syarikat-syarikat. Di Sabah, kerajaan negeri bercadang untuk menyenaikan Sawit Kinabalu daripada tahun ini dan ini amat penting diperjelaskan oleh kerana di dalam anggaran belanjawan yang dibentangkan oleh kerajaan negeri di Dewan Negeri baru-baru ini, kerajaan telah menganggar perolehan sebanyak RM500 juta daripada penyenaian Sawit Kinabalu nanti di BSKL pada tahun hadapan.

Jadi, kalaulah seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi itu penyenaian syarikat-syarikat baru akan dibeku, bererti Kerajaan Negeri Sabah akan menghadapi deficit budget, dengan izin, dan tidak mungkin mampu untuk melakukan perbelanjaan seperti yang dijangkakan di dalam budget yang telah diluluskan baru-baru ini. Jadi, saya minta penjelasan adakah pihak Kerajaan Persekutuan akan memberi pertimbangan khas tentang perkara ini.

**Seorang Ahli:** Cukuplah 'bah'!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, semua cadangan akan tertakluk kepada pendirian dasar yang telah saya umumkan. Kita tidak akan meluluskan mana-mana permohonan bagi penyenaian baru melainkan pelaburan yang boleh menjana pertukaran mata wang asing ataupun mengelakkan aliran keluar Ringgit. Kalau permohonan syarikat tersebut termasuk dalam kategori ini boleh dipertimbangkan, kalau tidak, akan ditolak.

Dengan asas-asas dalam sektor ekonomi sebenar terus kukuh, kita berkeyakinan bahawa dengan langkah-langkah segera walaupun pahit, kita

akan dapat mengatasi kegamatan ini dan menghasilkan asas-asas yang lebih kukuh dalam tempoh sederhana.

Kita akan memperolehi kembali keyakinan para pelabur sekiranya kita menampilkan perpaduan untuk melaksanakan segala strategi yang telah disepakati dengan tabah. Genggam bara api biar sampai jadi arang. Matlamat nasional tidak akan tercapai seandainya setiap golongan rakyat tidak bersatu hati dan ikhlas untuk berusaha menjana kembali keyakinan para pelabur terhadap ekonomi negara.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Nampaknya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun sudah sampai peringkat akhir, oleh kerana apa yang beliau kemukakan pun ialah mengulangi kenyataan beliau pada hari Jumaat, saya pun ada ikuti kenyataan ini.

Saya mahu minta penjelasan. Yang pertama, oleh kerana nampaknya apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memulakan kenyataan kementeriannya, beliau memberi satu serangan terhadap spekulator dan menyalahkan mereka sebagai punca krisis kewangan, krisis mata wang, krisis pasaran saham sampai sekarang. Bukankah ini rhetoric yang kita perlu berhentikan supaya kita boleh address isu-isu yang sebenar.

Kedua, oleh kerana pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai budget dan Budget 1998 belum diluluskan. Sungguhpun belum diluluskan, sudah ada satu pindaan besar khasnya mengenai cut-back 18% yang berjumlah lebih kurang RM11.6 bilion. Bukankah apa yang lebih tepat oleh kerana sudah ada satu pindaan yang besar

kepada Budget 1998 bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga selaku Menteri Kewangan tarik balik Budget 1998 dan digantikan dengan budget yang kedua, yang diubahsuaikan dengan.....[Disorak] pindaan-pindaan yang ada dikemukakan supaya Dewan yang mulia ini meluluskan satu budget yang sebenar dan bukan nanti meluluskan Budget 1998 di mana bukan sudah menjadi hasrat dan tujuan kerajaan.

Ketiga, bukankah mustahak oleh kerana pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi dan hari Jumaat, perlu dapat satu perbahasan yang sepuh oleh Dewan yang mulia ini dan sekurang-kurangnya empat hari perlu diadakan, oleh kerana ini satu mini budget, sebenarnya satu budget yang baru di mana ada 28 hari diberikan untuk budget, ini empat hari cukup.

Keempat.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta penjelasan. Ini perkara serius, bagaimana kita mahu menghadapi national crisis jika ada sikap yang begitu tidak bertanggungjawab - malu!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tanjong!

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini serius.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tertib.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Point of order.

**Tuan Lim Kit Siang:** Rakyat tengoklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tanjong, Tuaran bangun atas Peraturan Mesyuarat.

**Seorang Ahli:** Emotional! Woo!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tertib. Ya, Tuaran bangun atas Peraturan Mesyuarat yang ke berapa?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Saya bangkit untuk membawa kepada perhatian Tuan Yang di-Pertua, 41(e).

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Sebutkan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** “*While a member is speaking.....*”, dengan izin.....

**Seorang Ahli:** Ooi, cakap Melayulah.

**Seorang Ahli lain:** Boleh, boleh, dengan izin.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** I am getting fed-up actually. 41(e), “*masa seseorang ahli itu bercakap, semua ahli-ahli lain hendaklah diam dan tidak boleh mengganggu dengan cara kurang adab*”. [Tepuk]

**Seorang Ahli:** Kita pun fed-up sama youlah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah saya teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Sebab ada Peraturan Mesyuarat, saya kena buat keputusan. Saya rasa, Yang Berhormat, walaupun kadangkala bila seseorang ahli yang lain itu berucap, tidak semestinya ikut selera kita tetapi saya rasa elok juga kita patuhi Peraturan Mesyuarat supaya tidak ada cakap tepian dan sebagainya, saya rasa ini tidak sejajar dengan status kita. Tanjong.

**Tuan Lim Kit Siang:** Keempat, saya mahu tanya, minta penjelasan, kita mengalu-alukan semua usaha yang ada diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri oleh kerana ia merupakan satu suntikan untuk memulihkan keyakinan, tetapi kenapa semua usaha ini tidak diambil lebih awal? Oleh kerana seminggu, dua minggu selepas Budget 1998 sudah boleh dilihat bahawa Budget 1998 sudah gagal untuk memulihkan keyakinan. Bukankah ini satu kelemahan kita?

Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada sebut mengenai perbankan, bukannya benar bahawa ada laporan hari ini dalam *Straits Times*, kalau tidak silap, yang ada buat anggaran oleh seorang analyst bahawa dalam 18 bulan non-performing loan akan thick dalam beberapa negara ini, termasuk Malaysia, yang akan capai 25% daripada pinjaman yang sepenuhnya. Total loan 25% of non-performing loan daripada total loan. Adakah kerajaan ambil tindakan supaya menjamin bahawa sistem perbankan ini akan terus stabil?

Kelima, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada sebut mengenai property sector bahawa tidak sihat, bahawa tidak akan digalakkan. Adakah kerajaan meramalkan apa yang ditunggu-tunggu dan takut-takuti juga bahawa akan berlaku satu property slump. Apabila berlaku satu property slump, bukannya ini akan mengheret bank-bank yang bukan sahaja menimbulkan krisis mata wang, krisis pasaran saham, tetapi akan menimbulkan krisis di sektor-sektor yang lain. Dan apa tindakan ada diambil untuk mengatasi krisis perkembangan ini?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, ini yang saya tekankan, kita hendak tentukan pengurusan ekonomi.....

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Amat Berhormat, Pokok Sena bangun.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:**.....kita hendak tentukan urusan ekonomi negara. Apakah kita mesti tertakluk kepada analisa negatif yang dibuat oleh orang-orang tertentu *[Tepuk]* atau kita yakin dengan langkah-langkah yang kita ambil sendiri? Kalau ditanya oleh Ketua Pembangkang, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, mengapa kita buat penyesuaian? Saya hendak jawab bahawa inilah kekuatan Kerajaan Barisan Nasional. *[Tepuk]* Kalau kita perlu buat penyesuaian untuk mengukuhkan ekonomi kita, kita buat. Kalau perlu kita potong gaji kita sendiri, kita potong. *[Tepuk]* Tidak ada siapa yang menuntut kita potong, tetapi kita mahu tunjukkan kepada negara, kepada rakyat bahawa hal ini serius dan kita mampu tangani. Kita tidak mahu mudah menyerah kerana kekuatan asas ekonomi kita kukuh dan kita berupaya tangani dengan syarat kita ambil langkah-langkah.

Pada bulan Julai berlaku kekecohan mata wang Baht, siapa yang boleh menjangka pada bulan Mei apa yang akan berlaku pada bulan Julai di Thailand? Siapa yang boleh jangka dalam tempoh yang singkat, kejatuhan ekonomi dan krisis kewangan di Korea Selatan? Orang boleh agak tetapi tidak mudah menjangkakan. Sekarang sudah berlaku, hendak jadi pintar, mudahlah. *[Tepuk]*

Sekarang ini apa langkah yang kita ambil ialah untuk membuat penyesuaian kerana sudah berlaku. Masa saya bentangkan di sini, saya cuma menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil di rantau ini, belum dapat tahu bahawa Indonesia kemudian telah meminta pertolongan IMF. Bila menjawab Ucapan Belanjawan, saya belum tahu lagi bahawa Korea akan meminta pertolongan dari IMF. Saya tahu dari sudut yang tertutup dan rahsia bahawa

IMF ada perundingan dengan pihak Korea Selatan, tetapi ini bukan maklumat yang boleh saya dedahkan atau umumkan kepada orang lain. Jadi, sebab itu kita ambil langkah-langkah yang lebih teliti dan satu persatu.

Jadi, kalau ditanya mengenai belanjawan, saya katakan kita tentunya akan bentang semula belanjawan kalau belanjawan itu ditambah, tetapi ini belanjawan hendak dikurangkan, tidak jadi masalah sangatlah. [*Tepuk*] Kalau hendak kurangkan belanjawan dan belanjawan pula dikurangkan kena mengambil kira beberapa perkembangan semasa. Saya anggap kalau kita ambil langkah yang drastik begini dan kita ambil langkah-langkah yang susah lebih baik kerana kita akan dapat kukuhkan ekonomi negara dan mengembalikan keyakinan, tetapi itu pun bukan satu perkara yang mudah dicapai kalau tidak ada satu muafakat. Itu urusan yang terpenting dibangkitkan.

Perkara berikut yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang ialah soal non-performing loans (NPL).

Ini kita ambil langkah bukan baru, dalam belanjawan saya sudah kurangkan dari enam bulan ke tiga bulan. Kalau disebut umpamanya peratus, peratus ini tertakluk kepada bila kita sebut NPL. Seseengah negara NPL sembilan bulan, sesetengah negara enam bulan. Tetapi kita sudah turun tiga bulan, one of the most efficient di dunia, dari segi kategori NPL, sebab itu kalau jangka enam bulan kadarnya lebih rendah. Jadi, kalau tiga bulan kadarnya lebih tinggi. Oleh sebab itu kalau Yang Berhormat dari Tanjong hendak semak analisa pakar-pakar ini saya tidak keberatan kalau dia boleh faks kepada saya, saya boleh beri kerjasama untuk memberi maklumat tambahan yang betullah.

Yang ketiga, soal properties sector. Sektor hartanah ini kita ambil langkah, sebab itu saya katakan pertama tidak ada pinjaman sama sekali, bahkan di Wilayah Persekutuan sendiri, sejak beberapa tahun kebelakangan ini,

walaupun kita berikan beberapa kelulusan baru, puluhan permohonan hartanah telah dibatalkan ataupun telah tidak diluluskan oleh pihak DBKL atas arahan kerajaan kerana kemungkinan lebih penawaran dari permintaan. Jadi, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengerti dalam kes ini.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Pokok Sena.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selama saya duduk mendengar soalan-soalan daripada pembangkang, adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri nampak soalan-soalan daripada pembangkang ini selalunya negatif. Ini yang melemahkan lagi rakyat, tambah Yang Berhormat dari Kepong bangun, lagi teruk. Jadi, soalannya nampak seolah-olah mereka ini suka dengan keadaan sekarang ini, mereka cukup seronok keadaan kita lemah mereka naik dan gunakan kesempatan - pilihan raya! Sekarang tidak ada pilihan raya lagi. Mereka pergi bercerita di kampung, jadi saya minta penjelasan dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebab mereka ini cuma mencadang tidak ada cara-cara untuk menyelesaikan. Jadi, kami semua dari Barisan Nasional ini hendak dengar penjelasan Timbalan Perdana Menteri bagaimana kita hendak memulihkan, bukan hendak mendengar penjelasan ini - jangan beri peluang pada pembangkang itu. *[Tepuk]*.

Kita hendak dengar daripada Timbalan Perdana Menteri apa yang kita hendak buat, mereka ini hendak menggunakan pentas ini untuk berkempen di kampung-kampung. Itu sahaja.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Terima kasih. Saya pun hendak membuat penutup. Saya fikir kita boleh kempen, tetapi saya percaya kepada kebijaksanaan rakyat dan para pengundi, kerana dia tahu bila kita anggap perkara adalah krisis yang serius, dia tahu sama ada puncanya kelemahan pengurusan kita sendiri atau punca dari perkembangan dari luar dugaan dan jangkaan kita, terutama tempiasan dari perkembangan asing, bukan kita bermaksud untuk sombong dan angkuh, tetapi kalaulah keadaan ekonomi kita tidak kukuh, kita telah menyerah lama. Alhamdulillah kerana ekonomi kita kukuh, kita dapat bertahan, tetapi lebih dari itu kalau kita ingin bertahan, kita mahu kerajaan dan rakyat serta seluruh jentera di negara kita bermuafakat, sebab itulah kita menaruh keyakinan. Bila ditanya kepada saya, apakah saya menaruh keyakinan, saya kata apa sahaja langkah yang perlu kita ambil untuk memperbaiki, akan kita ambil dan saya yakin, bahkan pagi tadi saya telah mengarahkan Bursa Saham Kuala Lumpur yang sekarang ini memulakan urusan perniagaan mereka jam 9.30 pagi. Saya kata ini menunjukkan keyakinan kita kepada BSKL, dia boleh mula jam 9.00 pagi serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua,.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Seorang Ahli:** Kepong!

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, dia bangun lagi.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** ....sistem perbankan dan kewangan merupakan.....

**Seorang Ahli:** Mr. Bean sit down!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** .... benteng terakhir pertahanan ekonomi negara. Alhamdulillah sistem bank kita masih tetap teguh. Tetapi keutuhan tersebut perlu kita pertingkatkan. Langkah yang diambil diumumkan setiap belanjawan dan apa yang diumumkan pada hari Jumaat dan hari ini adalah langkah untuk memperkukuh daya tahan sistem kewangan termasuklah apa yang kita tegaskan dari beberapa tahun yang lalu iaitu percantuman bank atau penggabungan bank dan syarikat-syarikat kewangan. Kita telah menggesa supaya bank-bank, syarikat kewangan dan juga firma broker saham melakukan percantuman.

Kini saya sukacita mengumumkan bahawa beberapa kes percantuman bank sudah di peringkat akhir, begitu juga dengan melanjutkan apa yang dilakukan berlaku dalam beberapa tahun kebelakangan ini iaitu percantuman supaya sistem bank kita jauh lebih kukuh daripada apa yang wujud sekarang. Selaras dengan itu kerajaan juga menggalakkan syarikat-syarikat bukan kewangan yang bergiat di bidang atau sektor yang sama bercantum mewujudkan syarikat lebih besar, berdaya maju dan lebih berdaya saing.

Satu lagi kekuatan ekonomi Malaysia yang tidak diperolehi oleh kebanyakan negara di rantau ini ialah gunatenaga penuh. Walaupun kita hadapi sedikit sebanyak masalah di sektor hartanah atau perkilangan, Malaysia masih

mampu meneruskan dengan dasar gunatenaga penuh, kerana jumlah pekerja asing sekarang ini 1.7 juta orang.

Kita tentunya terpaksa mengambil tindakan tegas untuk menghantar balik pekerja asing yang tidak berdaftar dan oleh yang demikian, peluang pekerjaan di sektor perladangan, perkilangan yang masih mempunyai kekosongan sekarang boleh diisi oleh penduduk-penduduk tempatan dan ini sepertimana saya tegaskan sekali lagi adalah kekuatan yang tidak diperolehi oleh kebanyakan negara di rantau ini dan ini akan menuntut supaya permintaan-consumption demand di negara kita ini masih utuh kerana gunatenaga penuh dan semua rakyat mempunyai pekerjaan, sebab itu juga kita telah menggesa langkah-langkah yang diambil secara menyeluruh. Umpamanya Kementerian Pertanian dan Jabatan Pertanian yang berkaitan harus meneruskan langkah mereka, kerja-kerja dan usaha mereka mempergiatkan kegiatan pertanian termasuk menanam sayur-sayuran di persekitaran rumah mereka, tidaklah semestinya menjalankan kegiatan seperti 'Buku Hijau' dahulu, tetapi sekurang-kurangnya mempunyai pendekatan mirip kepada pendekatan tersebut, kerana ini akan dapat mengurangkan kos import yang lebih dari RM9 bilion barang-barang pertanian, makanan dan sayur-sayuran.

Di dalam bidang pendidikan kita telah menggalakkan perkembangan institusi swasta yang banyak, sebab itulah kerajaan telah mengarahkan supaya penghantaran pelajar keluar negara diberhentikan serta-merta melainkan bagi beberapa kursus yang tidak diperolehi di institusi pengajian tinggi tempatan ataupun bagi kursus-kursus lanjutan. Dalam kursus lanjutan sekali pun kita telah menegaskan bahawa keutamaan haruslah memilih untuk meneruskan pengajian di dalam negara.

Sementara itu memandangkan ada masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat kecil dan sederhana (SMI atau IKS) agar menjadi lebih produktif, kelulusan dana RM1 bilion disegerakan dan kita sedang melaksanakan

kemudahan pinjaman sektor pembuatan RM1 bilion ini bagi membantu perkembangan IKS terutama di sektor yang boleh mendatangkan pulangan yang lebih baik dan menjana kegiatan eksport yang lebih efisien. Kemudahan ini disediakan bagi syarikat pembuatan yang mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM50 juta.

Tuan Yang di-Pertua, segala strategi dan langkah tambahan yang dibentangkan adalah merupakan usaha kita bersama memulihkan keyakinan terhadap ekonomi Malaysia serta menstabilkan Ringgit dan pasaran modal. Asas ekonomi, saya ulangi masih teguh. Namun kita harus bertindak segera dan tegas agar kemerosotan keyakinan jangan sampai menjejaskan ekonomi sebenarnya, dengan asas-asas sektor sebenar terus kukuh, kita berkeyakinan bahawa langkah-langkah segera diambil walaupun pahit, kita akan dapat mengatasi krisis ini dan menghasilkan asas-asas yang lebih kukuh dalam tempoh sederhana.

Kita membuat perancangan untuk menghadapi cabaran yang getir, namun kita insaf bahawa manusia hanya boleh merancang dan berusaha, Allah S.W.T yang menentukan segala sesuatu. Walau bagaimanapun kita harus memiliki keyakinan dan harapan. Justeru itu marilah kita bersatu hati dan berganding bahu untuk menjayakan rancangan ini, marilah kita berdoa ke hadrat Allah S.W.T. mudah-mudahan rancangan kita ini berjaya dan ekonomi Malaysia melonjak kembali. Terima kasih. *[Tepuk]*

## USUL

### **MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH PERUNTUKAN MESYUARAT 62**

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng**

**Ding]:**

*[Tiada]*

**Seorang Ahli:** Mana pergi!

**Seorang Ahli:** Ala malulah, potong gaji RM10.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat Dato' Menteri.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam menggulung kementerian saya pada hari itu kita mula sahaja masa sudah habis. Hari ini kita sambung lagi, macam mana menteri lain akan jawab?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tidak, Yang Berhormat salah anggap, sebenarnya yang itu belum sampai giliran lagi Yang Berhormat, perbahasan bagi Kementerian Kerja Raya tetap akan diadakan, tetapi belum sampai giliran.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya sudah jawab pada hari itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, tetapi yang ini Peraturan Mesyuarat 62, Yang Berhormat - lain perkara.

**RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN (PINDAAN) 1997**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Menteri Dalam Negeri ingin mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya memohon menangguhkan Rang Undang-undang Pertubuhan (Pindaan) untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga kepada mesyuarat akan datang.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA MINYAK SAWIT  
MALAYSIA 1997**

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya memohon menangguhkan Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1997 untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga pada mesyuarat yang akan datang.

**RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN)(NO.2) 1997**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya memohon menangguhkan Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) (No. 2) 1997 untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga pada mesyuarat yang akan datang.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998**

## **Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dan Anggaran Pembangunan 1998 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” [**Hari Ketujuh Belas**]

### **Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan*

### *Jawatankuasa*]

**Maksud B.52 [Jadual] -**

**Maksud P.52 [Anggaran Pembangunan, 1998] -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Menteri diminta sambung.

**4.44 ptg.**

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Seremban telah membangkitkan mengenai jajaran Lebuhraya Kajang-Seremban yang belum selesai mengenai Seremban ring road bagi mengatasi masalah kesesakan. Walau bagaimanapun ada juga rancangan-rancangan, saya tidak tahu kita akan meneruskan dengan pembinaan jalan ini atau tidak. Sebagai tanggungjawab, kementerian saya hendak jawablah kepada soalan-soalan yang telah dibangkitkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jajaran lebuhraya di antara di antara persimpangan bertingkat iaitu Jelebu dan persimpangan bertingkat Paroi masih di dalam kajian syarikat konsesi. Atas permintaan kerajaan negeri

berkenaan dengan Seremban ring road, sememangnya ada kajian dibuat oleh Bahagian Perancangan Jalan, Kementerian Kerja Raya dan terdapat juga pihak konsortium yang berminat untuk menjalankan projek tersebut secara penswastaan. Walau bagaimanapun, pihak Unit Perancangan Ekonomi Negeri masih lagi mengkaji keperluan ini.

Yang Berhormat dari Seremban juga ada menyentuh mengenai masalah bekalan air di Negeri Sembilan....

**Dato' Hon Choon Kim:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Seremban bangun.

**Dato' Hon Choon Kim:** Saya minta penjelasan. Saya rasa hairan tentang penjelasan yang diberikan bahawa kajian masih dibuat tentang sama ada perlu atau tidak hendak membuat ring road di bandar Seremban, kerana saya rasa perkara ini telah lama dibincangkan dan telah lama diputuskan dahulu, cuma masih belum dapat peruntukan untuk melaksanakannya. Tetapi saya mencadangkan supaya Yang Berhormat Dato' Seri dapat memberi perhatian yang serius mengenai keperluan ring road yang saya sebutkan tadi.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, kementerian serius juga untuk melaksanakan projek-projek seperti ini, tetapi keadaan sekarang seperti apa yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi, saya percaya kita mesti mengadakan satu kajian yang lebih serius sebelum kita mengadakan projek-projek seperti ini. Walau bagaimanapun, seperti apa yang saya jelaskan tadi, banyak jawapan daripada Unit Perancang Ekonomi

Negeri belum diterima lagi, oleh kerana itu kita tidak boleh membuat apa-apa keputusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Seremban juga pada tahun 1997 jumlah kapasiti bekalan air seluruh Negeri Sembilan ialah 433 juta liter sehari dan permintaan ialah 386 juta liter sehari. Ini bermakna bekalan air adalah mencukupi.

Mengenai kawasan Bukit Pelandok yang terganggu bekalan air selama dua bulan, pihak kementerian akan menyiasat perkara ini dengan lebih terperinci lagi.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kubang Kerian membangkitkan mengenai rumah Menteri Besar Selangor yang diperbaiki dengan kos yang tinggi, beliau tidak ada di dalam Dewan, lebih baik potong satu bulan gajinya [Ketawa] bangkit isu tetapi tidak mahu datang ke Dewan, tidak bertanggungjawab. [Ketawa] Orang mahu jawab dia tidak ada di sini, orang tidak di sini dia marah orang. [Ketawa] Kos yang tinggi iaitu sehingga RM5 juta mengenai Jalan Simpang Pulau, Lojing Gua Musang, Kuala Berang serta jalan dan jambatan Pasir Mas Kelantan.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, suka saya memaklumkan bahawa pembaikan rumah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor bukanlah merupakan satu projek di bawah Kementerian Kerja Raya. Itu adalah projek Negeri Selangor, oleh kerana itu kami tidak mempunyai apa-apa penjelasan berkenaan dengan perkara itu.

Mengenai dengan projek Simpang Pulau, Lojing Gua Musang, Kuala Berang, projek ini mempunyai beberapa pakej dan terdapat pakej yang telah mula pembinaannya dan ada yang masih dalam peringkat reka bentuk.

Berkaitan dengan pembinaan jalan dan Jambatan Pasir Mas, Kelantan, projek ini masih di peringkat reka bentuk sekarang.....

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Teluk Intan bangun.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Bolehkah saya dapat tahu dari Simpang Pulau, jalan yang telah dibina lebih kurang 2 tahun ini, tidak digunakan langsung oleh orang. Ia dibina dari Simpang Pulau ke Cameron Highlands yang dijangka sepatutnya siap pada tahun ini, apakah sebab-sebab yang tertentu jalan itu dari Pos Line ke Kampung Raja atau Cameron Highlands tergedala, apakah sebab-sebab tertentu dan bilakah ianya akan disiapkan?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek itu tidak tergendala, ada juga penukaran dalam skop projek itu. Pada satu masa yang lalu projek ini daripada Simpang Pulau ke Lojing selepas itu ke Kampung Raja dekat Cameron Highlands. Tetapi kerajaan telah mengambil berat berkenaan dengan beberapa cadangan yang telah dihantar oleh beberapa pihak berkenaan dengan environment iaitu alam sekitar dan juga untuk mendapatkan air dan lain-lain. Ini mengambil masa yang lebih daripada apa yang ditetapkan. Walau bagaimanapun kerja sudah

dimulakan sekarang dengan penyelesaian dalam bentuk, oleh kerana itu saya percaya projek ini akan diteruskan.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan pembinaan jalan dan jambatan awam, oh! ini sudah.....

**Tuan M. Kulasegaran:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Teluk Intan bangun lagi.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Sila.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebelum ini saya ada bertanya bilakah ia akan disiapkan dan dari Post Line ke Kampung Raja kerana dari pekan Ipoh, Jalan Simpang Pulai ini sudah lama disiapkan, tetapi tidak digunakan. Bukankah ini membazirkan wang kerajaan berjuta-juta ringgit, it doesn't need to know when.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Dengan izin, it will lead to somewhere very soon *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat saya bersetuju dengan beliau oleh kerana satu pakej, walaupun sudah siap tidak dapat digunakan lagi, oleh kerana jikalau orang menggunakan jalan itu dia tidak ada sambungan di mana-mana. Jadi, kita akan dapat lebih keterangan dari Ahli Yang Berhormatlah, jikalau mahu keterangan yang lebih, saya boleh minta syarikat itu memberitahu berapa lamakah masa yang mereka boleh ambil dan bilakah tarikh yang tetap untuk menyelesaikan projek.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bagan menyentuh mengenai pembaikan Jambatan Pulau Pinang, laluan kedua di Seberang Perai ke Pulau Pinang dan mengenakan bayaran tol bagi motosikal.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pembaikan di Jambatan Pulau Pinang yang dijalankan setakat ini adalah penyelenggaraan biasa dan tidak bermakna struktur jambatan ini kurang kukuh. Kerajaan ada menerima cadangan untuk membina satu lagi laluan di antara Seberang Perai dengan Pulau Pinang. Cadangan ini masih dikaji oleh kerajaan oleh kerana cadangan ini sedang dikaji keputusan untuk membina lorong ketiga di Jambatan Pulau Pinang yang sedia ada terpaksa ditangguh buat sementara. Penunggang motosikal perlu membayar untuk menggunakan Jambatan Pulau Pinang. Mereka juga perlu membayar bila menggunakan feri yang sedia ada sekarang.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Serdang pula telah menyentuh mengenai lebuhraya, penyuraian trafik Kajang di mana Jalan Sungai Chua tidak dimasukkan dalam skop kerja sementara Jalan Balakong, Jalan Sungai Besi sebanyak 660 meter tidak dimasukkan di dalam projek penswastaaan.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat tujuan utama lebuhraya ini adalah untuk menyuraikan lalu lintas bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas yang amat teruk di Kajang ketika ini, dengan demikian lebuhraya utama bagi projek tersebut perlulah by-past Kajang untuk memastikan kesesakan dapat dikurangkan.

Berkenaan dengan Jalan Balakong, Jalan Sungai Besi sepanjang 660 meter itu, ianya akan dibesarkan dan dinaiktaraf oleh pemaju sepertimana kelulusan development order oleh pihak berkuasa.

Yang Berhormat dari Serdang juga ada menyentuh mengenai masalah bekalan air di Lembah Kelang dan bekalan air ke Putrajaya, Cyberjaya dan KLIA.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Kerja Raya dan kerajaan negeri telah sedia maklum mengenai kekurangan bekalan air pada tahun 1998 akan datang sebanyak 500 juta liter sehari dan sedang bekerjasama untuk mengatasi masalah ini. Beberapa langkah penyelesaian telah dikenalpasti dan sebahagiannya sedang dilaksanakan untuk mengatasi masalah tersebut. Kawasan di sekitar Putrajaya, Cyberjaya dan KLIA akan menerima bekalan air bersih dari loji Sungai Semenyeh. Permintaan bekalan air oleh ketiga-tiga kawasan tersebut pada tahun 1998 telah diambil kira di dalam perancangan tanpa melibatkan penjejasan bekalan kepada kawasan sekitaran yang lain.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Penampang telah membangkitkan mengenai masalah penyelenggaraan Jalan Persekutuan di Sabah. Projek Jalan Kelayang dan projek Jalan Penampang dua lorong dari bangunan KDCA ke Pekan Dongungan.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Kerja Raya bertanggungjawab menyelenggara Jalan Persekutuan yang panjangnya 1,000 kilometer. Peruntukan tahunan yang disediakan lebih kurang

RM30 juta tiap-tiap tahun dengan permintaan yang terhad. Keutamaan diberi untuk memperbaiki kerosakan yang kritikal seperti jalan runtuh, membaiki cerun-cerun yang runtuh dan juga menurap semula jalan.

Berkaitan dengan Jalan Penambang ring road, projek ini mengalami kelewatan disebabkan masalah pengambilan balik tanah dan juga kelewatan memindahkan kemudahan-kemudahan awam oleh pihak menjaga utiliti. Walau bagaimanapun kerja-kerja berkenaan meminda kemudahan awam telah siap.

Berkenaan dengan pembinaan Dual Carriageway iaitu projek ini 10% lewat daripada jadual asal oleh kerana pihak kontraktor lewat memulakan kerja, akibat kelemahan pengurusan, pihak kontraktor telah meningkatkan prestasi kerja dan dijangka projek ini dapat disiapkan dalam tempoh kontrak yang berakhir pada 27 Februari 1999.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Penampang juga ada menyentuh mengenai pengkorporatan Jabatan Air Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua urusan pengkorporatan dan penswastaaan agensi kerajaan hendaklah dirujuk kepada Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.

Mengenai pengkorporatan Jabatan Air Sabah, perkara ini tidak dirujuk kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya akan cuba berunding dengan pihak Jabatan Air Sabah bersama dengan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri untuk memahami lagi isu pengkorporatan yang telah terjalin bersama Timage Water Sd. Berhad supaya sesuatu dapat dilakukan untuk selaras dengan polisi kerajaan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Yan menyentuh mengenai penyelenggaraan di hentian sebelah serta kawasan rehat dan rawat di Lebuhraya Utara-Selatan seperti tandas, lampu di gerai-gerai buah dan kebersihan makanan.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak PLUS adalah bertanggungjawab bagi memastikan kebersihan di semua hentian sebelah serta kawasan rehat dan rawat di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan. Untuk itu Syarikat Profel Sdn. Bhd. telah ditugaskan secara 24 jam bagi membuat kerja-kerja pembersihan ini. Dalam masa yang sama pihak PLUS sedang membuat kerja-kerja menaiktaraf tandas dan gerai-gerai di kawasan yang tertentu di lebuh raya mengenai kebersihan makanan, peniaga-peniaga gerai adalah bertanggungjawab bagi memastikan kebersihan makanan dan gerai dipatuhi. Walau bagaimanapun pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia dan PLUS akan menegur dan memberitahu kepada yang berkenaan bagi membuat tindakan sewajarnya jika perlu.

Yang Berhormat dari Yan juga menyentuh mengenai penswastan bekalan air. Mengenai penswastan bekalan air termasuk negeri Kedah, setakat ini adalah menjuruskan kepada operasi loji rawatan air sahaja, dengan demikian bekalan air pada keseluruhannya masih tidak memuaskan kerana pihak Jabatan Bekalan Air negeri dibebani dengan masalah sistem agihan dan kerajaan telah membuat ketetapan pada masa akan datang, penswastan akan meliputi kesemua komponen iaitu dari sumber bekalan operasi logi ke sistem agihan serta kutipan hasil.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Mentakab menyentuh mengenai kesulitan lalu lintas di Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dan pembinaan Lebuhraya Pantai Timur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak ketika ini sedang di dalam proses pembinaan, dengan demikian pihak konsesi akan melencungkan laluan bagi memastikan kerja-kerja pembinaan dapat dijalankan dengan lancar. Bagi tujuan ini pihak konsesi dikehendaki memasang papan tanda-papan tanda keselamatan bagi menasihatkan pengguna-pengguna lebuhraya. Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia dari masa ke semasa akan memastikan langkah-langkah keselamatan yang mencukupi diadakan.

Berkenaan dengan Lebuhraya Pantai Timur, keputusan dan rundingan masih belum dimuktamadkan lagi oleh Unit Perancang Ekonomi. Kerajaan tidak mahu tergesa-gesa menandatangani satu perjanjian konsesi yang tidak akan membawa manfaat maksimum kepada pihak kerajaan dan rakyat Malaysia.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Muar membangkitkan

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.....

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** ..... mengenai bangunan-bangunan pejabat di daerah Muar.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Tumpat bangun.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Yes sir.

**Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:** Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih Dato'. Apakah pihak kementerian dan pihak Dato' tidak ada program atau perancangan untuk membuat satu lebuh raya yang menghubungkan Karak dengan Kuala Lipis, sebab saya tengok jalan itu amat tidak baik baik, bengkok-bengkok, macam-macam paling teruk, memalukan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, saya tidak mempunyai beberapa maklumat berkenaan dengan apa yang disoal oleh Ahli Yang Berhormat. Saya boleh mendapat sedikit maklumat dari kementerian dan saya akan memberi jawapan secara bertulis lebih baik, kerana tanpa maklumat saya tidak boleh jawab disebabkan kita telah menggunakan komputer sekarang.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat .....

**Tuan Fu Ah Kiow:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Mentakab bangun.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Pengerusi, saya juga ada bangkitkan tentang kemungkinan kementerian Yang Berhormat akan swastakan kerja penyelenggaraan jalan. Saya telah bangkitkan dalam ucapan saya, bolehkah saya minta penjelasan?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Saya tiada dengar Tuan Pengerusi.

**Tuan Fu Ah Kiow:** Tuan Pengerusi, adakah benar kementerian Yang Berhormat akan menswastakan kerja penyelenggaraan jalan untuk seluruh negara dan jika benar apakah rasional, sebab kementerian Yang Berhormat

telah lama menjalankan kerja tersebut, ada kepakaran dan jentera-jentera yang diperlukan. Jadi, apakah rasional jika kementerian bercadang untuk menswastakan kerja tersebut, jika benar apakah tema, syarikat mana dan apakah kos kerja penswastaaan tersebut?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Penyelenggaraan telah ditimbang kepada sebuah syarikat untuk menjalankan kerja tiap-tiap tahun daripada utara ke selatan, iaitu Jalan Persekutuan route I. Saya percaya maklumat-maklumat belum disampaikan kepada saya, tetapi ini bukan berertinya kita tidak menyelenggarakan jalan-jalan yang lain. Sesuatu bahagian dijalankan oleh satu syarikat, selain dari itu JKR akan menyelenggara.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Muar, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan telah pun bersetuju supaya satu Bangunan Kerajaan Persekutuan dibina di Muar. Sebagai permulaan peruntukan untuk membeli tapak telah pun diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi dan tindakan sekarang ialah di peringkat penentuan tapak oleh pihak Jabatan Hartanah Kerajaan di Jabatan Perdana Menteri.

Berkenaan dengan jambatan kedua di Bandar Muar, skop kerja penswastaaan Lebuhraya Muar-Tangkak-Segamat adalah juga termasuk pembinaan sebuah jambatan baru di Bandar Muar.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kota Melaka menyentuh mengenai pembinaan bangunan Dewan Undangan Negeri Melaka telah menghadapi.....

**Tuan Hashim bin Ismail:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Ledang bangun.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Dato' Menteri ada bercakap tentang Muar tadi, jadi saya cuma hendak tahu bagaimanakah perkembangan serta cadangan untuk membina interchange di Pekan Simpang Lima, Bukit Gambir. Apakah perkembangannya yang terkini?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, butir-butir lanjut berkenaan projek itu belum diselesaikan lagi. Saya kena rujuk balik kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk mendapat lebih keterangan berkenaan dengan di manakah tapak yang kita akan membina persimpangan bertingkat itu.

Mengenai masalah menghadapi peningkatan kos hampir 80% dan ingin tahu siapa kontraktor projek ini. Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bangunan Dewan Undangan Negeri yang sedang dalam pembinaan untuk tempoh Mei 1996-Jun 1998 adalah projek Kerajaan Negeri Melaka. Penglibatan Kerajaan Persekutuan cuma setakat pemberian pinjaman kepada kerajaan negeri sebanyak RM37 juta melalui satu perjanjian pinjaman yang telah ditandatangani antara kerajaan negeri dan Kementerian Kewangan pada 28 Julai 1994. Kontraktor terlibat dilantik oleh kerajaan negeri.

Yang Berhormat dari Kota Melaka jika beliau mahu juga maklumat yang lebih saya akan menulis kepada JKR Negeri Melaka untuk mendapatkan keterangan.

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri kerana sudi datang ke Parlimen untuk menjawab sendiri bagi pihak kementeriannya bukan seperti rakan-rakan kabinet yang takut ataupun malas datang ke Parlimen. Soalan saya, Tuan Pengerusi ialah sejauh manakah JKR negeri di bawah kawalan Kementerian Kerja Raya kerana sebelum ini saya ada menimbulkan tentang kes kediaman rasmi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor, di mana ia ada didakwa di dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Selangor bahawa pengubahsuaian sebanyak RM5 juta ini dibuat atas cadangan JKR Selangor. Sekarang apabila saya mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tentang peningkatan kos bangunan Dewan Undangan Negeri Melaka daripada RM52 juta kepada RM88 juta pun di bawah JKR Negeri tidak ada hubung kait dengan kerajaan pusat.

Di sini nampaknya ada sesuatu yang tidak kena kerana Ketua Pengarah JKR adalah di bawah Kementerian Kerja Raya, tetapi adakah ini bermakna bahawa Pengarah JKR Negeri tidak diletak di bawah JKR pusat. Jadi, saya rasa kita tidak harus mengatakan kerana ini projek ini, JKR tidak ada minat langsung.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, suka saya menjelaskan sedikit, semua Pengarah-pengarah Kerja Raya di peringkat negeri dihantar oleh ibu pejabat JKR sebagai satu secondment di negeri. Apabila mereka sampai di negeri, mereka tidak bertanggungjawab untuk menjawab apa-apa kepada ibu pejabat, oleh kerana mereka bekerja di bawah arahan negeri-negeri masing.

Jadi, jikalau ada masalah-masalah seperti apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat barulah kita boleh menyoal kepada mereka, jawapan itu kalau suka dia boleh jawab, jikalau tidak dia kata 'oh! saya tidak payah jawab', jadi kita tidak boleh buat apa-apa. *[Ketawa]*

Setakat ini saya suka menjelaskan semua pengarah yang kita hantar ke negeri-negeri, apabila kita minta penjelasan mereka jawab juga, oleh kerana jikalau mereka tidak jawab dalam satu bulan, kita tarik dia balik tukar ke lain negeri. Itulah satu kuasa sahaja yang kita ada. Selain daripada itu kita ada kuasa. Walau bagaimanapun, perkara berkenaan dengan negeri Selangor, di masa saya membawa surat khabar dengan serta-merta sahaja saya merujuk perkara ini kepada Ketua Pengarah Kerja Raya untuk mendapat maklumat dan saya telah berbincang dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Selangor, beliau telah berjanji satu laporan akan dihantar kepada kita. Saya dengar tadi laporan sudah sampai ke pejabat saya, beliau akan menghantar laporan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkenaan dengan projek yang kita ada dalam perbincangan kita sekarang. Walau bagaimanapun saya akan dapat lebih maklumat esok sahajalah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi, bolehkah saya mendapat maklumat secara terperinci tentang bangunan Dewan Undangan Negeri Melaka, kerana saya rasa Yang Berhormat Menteri tidak ada sekarang, mungkin saya tanya secara bertulis.

Kedua, mengenai kediaman rasmi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor, kalau benar pengubahsuaian sebanyak RM5 juta dibuat atas cadangan JKR Negeri Selangor, adakah Yang Berhormat akan mengambil tindakan ke atas JKR Negeri Selangor kerana adalah tidak wajar pada masa sekarang perbelanjaan yang begitu besar dibuat untuk hanya sesuatu pengubahsuaian sahaja?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Berkenaan dengan ada bangunan di negeri Melaka iaitu....

**Tuan Lim Guan Eng:** Dewan Undangan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Apa nama bangunan itu?

**Tuan Lim Guan Eng:** Dewan Undangan Negeri Melaka.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Dewan Undangan Negeri. Saya akan mengarahkan kepada Ketua Pengarah untuk mendapat satu laporan terperinci, bila kerja dimulakan, berapakah harga dan apakah tawaran, siapa yang dapat projek dan mengapakah projek ini menjadi satu projek yang boleh dikatakan lebih kurang 'sakitlah' - lewat. Apabila saya mendapat laporan saya akan menjawab balik.

Yang Berhormat dari Kota Melaka juga menyentuh mengenai isu kadar kebocoran air dan penswastan bekalan air negeri Melaka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kadar kehilangan hasil air negara, termasuk kebocoran air, kecurian air, salah baca meter air ialah 37%. Ini terjumlah kepada hasil yang hilang sebanyak RM1.8 juta sehari untuk kerajaan pusat mengambil alih

bekalan air seluruh negara melibatkan pindaan kepada Perlembagaan negara dan persetujuan kerajaan negeri.

Mengenai penswastaaan air di Melaka, adalah difahamkan bahawa penswastaaan bekalan air negeri Melaka telah ditangguh buat sementara. Kementerian Kerja Raya boleh menasihatkan kerajaan negeri untuk memastikan kadar air adalah munasabah dan tidak terlalu tinggi, walaupun kos pembangunan kemudahan bekalan air dan operasi bekalan air kian meningkat.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Jerlun membangkitkan mengenai.....

**Tuan Lim Guan Eng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Mengenai kebocoran air, di mana kehilangan hasil adalah sebanyak RM1.8 juta sehari. Saya rasa kehilangan hasil ini hampir RM700 juta setahun. Bukankah ini satu jumlah yang agak besar kerana kehilangan sebanyak 37% saya rasa melebihi kadar kebocoran yang dialami oleh negara-negara lain, khususnya negara-negara maju. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan untuk mengurangkan yang pertama, kebocoran air dan untuk memastikan bahawa kehilangan hasil ini tidak berlaku begitu besar.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin

*mempengerusikan Jawatankuasa]*

Yang kedua ialah tentang penswastaan Perbadanan Air Negeri Melaka. Saya terkejut tadi apabila saya mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa penswastaan ini telah ditangguh, kerana saya baru membaca dalam Internet on-line Business Hedge, sebuah majalah attractive di dalam Internet, di mana dinyatakan bahawa Gives Card sebuah syarikat swasta telah mendapat penswastaan pembekalan air di negeri Melaka. Surat perjanjian ini pun telah diputuskan pada bulan Disember tahun lepas, tetapi sekarang pula nampaknya keadaan sudah berlainan. Bolehkah saya mendapat tahu kalau penswastaan ini telah diluluskan, apakah jumlah dan syarat-syaratnya dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memastikan dan mempertahankan hak pengguna-pengguna di Melaka dengan memberikan satu tempoh masa bahawa kadar air tidak akan dinaikkan kerana saya difahamkan tentang kes penswastaan ini telah melibatkan sedikit kekecohan dalam Perbadanan Air Negeri Melaka sehingga Pengurus Besar Perbadanan Air Negeri Melaka yang telah di 'second' oleh JKR, semasa Melaka menghadapi krisis ketiadaan air di 'seconded' specially oleh JKR untuk menyelesaikan masalah ini. Selepas diselesaikan kerana masalah penswastaan air beliau terpaksa meletak jawatan. Adakah beliau sedar tentang masalah ini sehingga kita telah kehilangan seorang kakitangan, seorang pegawai teknikal yang baik seperti ini.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Yang Berhormat dari Kota Melaka, perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu saya kena menyasat dengan lebih mendalam lagi. Satu.

Yang kedua, pada masa dahulu apabila kerajaan menswastakan bekalan air, mereka mengambilkira loji-loji sahaja, membersihkan air, syarikat-syarikat yang telah mendapat kontrak dan menandatangani dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk membersihkan air sahaja. Selepas mereka membersihkan bekalan dan juga retikulasi membekal kepada pihak yang mengguna bil dan lain-lain tidak masuk dalam tanggungjawab mereka. Tetapi apabila mereka membersihkan 50 juta gelen atau 50 juta liter air dengan serta-merta sahaja dalam satu bulan kita kena bayar, tetapi kita tidak dapat balik bayaran itu daripada pengguna-pengguna. Jadi, ini satu masalah yang besar.

Tiga minggu yang lalu Majlis Pembangunan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di mana beberapa soalan telah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan kebocoran serta kehilangan air dan lain-lain. Beliau bertanya mengapakah tidak boleh ditukar paip-paip lama untuk menjadi paip baru, saya telah memberi satu cadangan kepada beliau bahawa banyak air telah dicuri oleh rumah-rumah setinggan, di mana kita tidak benarkan mereka mengambil air, tetapi mereka curi. Oleh kerana itu saya telah mencadangkan kepada kerajaan kita beri dia air, kita beri dia paip dan minta dia bayarlah, macam itu kita tidak hilang. Jadi, semua perbincangan ini adalah diambilkira untuk mendapat satu keputusan, selepas itu saya boleh beritahu kepada Yang Berhormatlah.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Jerlun membangkitkan mengenai penurapan Jalan Kodiang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat

penuparan jalan ini telah diluluskan supaya menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, ingin saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah .....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong minta jalan lagi.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kerana pada awal jawapan, Kementerian Kerja Raya pada hari Khamis, Dewan ini ada diberi tahu bahawa perundingan sedang dijalankan di antara PLUS dengan kementerian dalam dua hari weekend lalu mengenai perkara tol. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi satu update mengenai apa yang sudah berlaku dalam perkara ini sama ada permintaan orang ramai bahawa tidak ada kenaikan tol akan dipenuhi.

Saya memuji Yang Berhormat Menteri oleh kerana beliau adalah Menteri yang tunggal, yang datang ke Dewan ini di dalam Committee stage, saya harap ini akan menjadi satu contoh oleh semua menteri yang lain.

Akhirnya saya mahu meminta sama ada Yang Berhormat Menteri sanggup untuk memberi satu gambaran, memberi satu keterangan mengenai kedudukan penswastaaan JKR. Apakah peringkat yang telah dicapai di dalam penswastaaan JKR, siapakah yang akan memperolehi penswastaaan tersebut atau adakah ianya akan dibekukan?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Ketua Pembangkang, arahan ini adalah dari

Jumaah Menteri kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menyiasat berkenaan tol dan juga berbincang dengan syarikat-syarikat, tetapi semua maklumat daripada kementerian saya akan diserahkan kepada Kementerian Kewangan. Setakat ini saya dapat tahu lebih kurang tiga perbincangan telah berlaku dengan Ketua Eksekutif Syarikat itu pun telah dipanggil untuk membincang, tetapi keputusan muktamad belum diselesaikan lagi. Jikalau ada apa-apa keputusan baru saya akan memberitahu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kerana saya akan menimbulkan tentang penyelenggaraan oleh Profel ke atas lebuhraya kita. Kalau mengikut jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa sehingga sekarang atau maklumat yang terkini ialah bahawa PLUS telah mengutip lebih RM3.5 bilion atau RM3.8 bilion saya sudah lupa, tetapi sejak Lebuhraya Utara-Selatan diswastakan, dari segi penyelenggaraan adalah difahamkan bahawa kos penyelenggaraan saya rasa hampir RM1/2 bilion. Adakah benar bahawa kerana penyelenggaraan dijalankan oleh Profel dan Profel juga adalah satu daripada anak syarikat UEM dan Renong, adakah benar bahawa kadar yang dibayar kepada Profel melebihi kadar pasaran, itulah sebabnya kos dipertingkatkan untuk PLUS dan mereka hendak menyalurkan kos tambahan ini kepada pengguna dalam bentuk kenaikan tol?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, mengenai penyelenggaraan jalan, termasuk memotong rumput, mencuci tempat-tempat rehat dan lain-lain, tetapi penyelenggaraan jalan tidak termasuk dalam syarikat itu. Itu dijaga oleh PLUS sendiri, oleh kerana mereka mempunyai satu bahagian untuk menjaga penyelenggaraan jalan dan macam mana memperbaiki keadaan jalan, semua itu termasuk di dalam syarikat itu sendiri.

Mengenai kerja dan tugas syarikat telah disebutkan tadi iaitu Profel akan menjaga kawasan-kawasan jalan dan juga memotong rumput, membersihkan kawasan, mencuci stesen-stesen tol dan lain-lain. Ini bukan termasuk dalam penyelenggaraan jalan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Adakah ini melebihi kadar pasaran?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya?

**Tuan Lim Guan Eng:** Above market rates?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tidak, mereka tender. Tiap-tiap kali apabila ada projek mereka akan tender dan tender yang paling rendah sahaja mereka terima. Baru-baru ini saya mendapat satu aduan sebuah syarikat tidak dapat kontrak, tetapi dia membuat harga yang lebih tinggi daripada harga yang disebutkan oleh orang lain. Tiap-tiap tahun perkara ini akan disiasat oleh Kementerian Kewangan, mereka mesti bertanggungjawab untuk memberi laporan kepada Kementerian Kewangan adakah tender-tender telah ditawarkan kepada siapa, apakah harga dan berapakah tawaran serta siapakah yang berjaya, semua diberi. Jikalau ada satu penyelenggaraan jalan, jika PLUS kata RM50 juta, kita bukan terima sahaja, kerja mesti ditawarkan dahulu dan kita

dapat tahu siapakah yg menawarkan harga yang paling rendah baru Kementerian Kewangan boleh membenarkan mereka untuk menjalankan tugas. Ini bukan berertinya PLUS dengan sesuka hati sahaja boleh menjalankan apa-apa kerja, tiap-tiap projek mesti diluluskan oleh Kementerian Kewangan, seperti kerja di Gua Tempurong, Ipoh ada juga banyak masalah.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Penswastaaan JKR.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dato' Seri S. Samy Vellu: Parit Sulong, Yang Berhormat.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, .....

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Sebenarnya saya menunggu juga jawapan .....

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Penswastaaan JKR, saya percaya ada dalam di dalam peringkat EPU, saya tidak ada apa-apa maklumat, mereka sedang berbincang dengan pegawai-pegawai dalam kementerian saya. Saya tahu ada juga beberapa cadangan, tetapi kita tidak mengambil apa-apa keputusan yang serius lagi.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** *[Bangun]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, Parit Sulong.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya tertunggu-tunggu juga dengan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Di dalam perbahasan saya ada menimbulkan mengenai ketidaksenangan rakyat terhadap kenyataan Yang Berhormat Dato' iaitu mengenai satu kenyataan bahawa dalam keadaan apa sekali pun kerajaan akan memberi perhatian mengenai harga tol. Jadi, saya ada membangkitkan soalan itu.

Yang keduanya saya minta penjelasan ataupun saya menegur pihak kementerian supaya di dalam menandatangani kontrak-kontrak konsesi di masa akan datang, khususnya konsesi penswastaaan jalan raya harus dikaji kkontrak itu dengan teliti supaya pihak kerajaan tidak berada dalam keadaan terikat, the hands are tied dalam segi kontrak, di mana kita tidak mempunyai ruang untuk benegosasi dengan pihak pemenang konsesi.

Yang ketiganya, saya ingin bertanya dalam keadaan sekarang ini sebagaimana langkah-langkah strategi telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi mengenai kewangan dan ekonomi negara. Saya ingin bertanya adakah kerajaan akan menangguhkan sebarang permohonan menaikkan harga tol oleh pihak pemegang konsesi dan kalau sekiranya boleh ditangguhkan, bolehkah penangguhan ini di 'offset'kan atau digantikan dengan pemanjangan tempoh konsesi tersebut bagi sesuatu konsesi penswastaaan jalan raya.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Apabila kita mengumumkan mengenai apa-apa perkara berkenaan dengan kementerian

bukannya semua berita itu dikeluarkan, separuh jawapan daripada saya telah diterbitkan pada hari itu, ada juga permintaan daripada saya dan juga daripada pihak-pihak pemberita, adakah kenaikan tol akan berlaku pada 1 Januari 1998? Saya kata 'ya' berikutan dengan perjanjian yang telah dibuat dalam tahun 1997. Baru-baru ini Kementerian Kewangan telah mengambilalih keputusan menaikkan tol, mula-mulanya pada tahun 1996 kita mesti menaikkan 33%, tetapi kita memberhentikan kenaikan tol itu dan kita berbincang semula. Di dalam perbincangan itu kita kata tol ini boleh dikenakan dalam tempoh tiga tahun bukan dalam satu tahun. Jadi, tahun pertama sudah selesai, tahun kedua iaitu tahun 1997 yang akhirnya pada tahun 1998 iaitu berikutan dengan keputusan oleh Kementerian Kewangan dan Jemaah Menteri, jadi Menteri bertanggungjawab untuk mengumumkan. Ada lagi yang saya kata, tetapi ia tidak dilaporkan. Walau bagaimanapun keputusan ini akan diambil oleh kerajaan oleh kerana mahu membenarkan mereka untuk menaikkan kadar tol atau tidak. Jikalau kita tidak menaikkan kadar tol, kita kena bayar gantirugi. Jadi, semua ini tidak diterbitkan pada hari itu.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, ini bermakna pihak kerajaan memilih untuk tidak menaikkan harga tol dan terpaksa membayar gantirugi. Adakah itu maksudnya? Kalau begitu adalah pihak kerajaan memilih untuk tidak menaikkan harga tol dan gantirugi tidak payah dibayar dengan pemanjangan tempoh konsesi, untuk mengelakkan beban kepada rakyat.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada pandangan Ahli Yang Berhormat tadi. Itulah pandangan kami pun, tetapi kami tidak boleh keluarkan pandangan ini. Saya juga bangkitkan pandangan ini kepada pegawai-pegawai saya untuk mengadakan perbincangan dengan PLUS, macam mana kita akan mencari satu sistem di mana tidak payah dinaikkan tol selama 22 tahun akan datang. Jikalau itu berlaku berapakah gantirugi yang kita kena bayar kepada mereka, semua ini sudah dibincangkan tiap-tiap hari di Kementerian Kerja Raya. Kita bukan sahaja berkerja dengan tugas, tetapi tugas yang pertama hari-hari ialah kira tol - masuk dalam kepala kita. Keluar daripada pejabat sakit hati juga, tidak tahu berapa lama kita tinggal dalam dunia ini. Walau bagaimanapun, saya suka menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai satu perkara iaitu tol ini bukanlah satu keputusan daripada Menteri Kerja Raya, ini adalah keputusan kerajaan. Ada banyak juga menteri yang telah mengumumkan, walaupun saya tidak suka pada hari itu, tetapi saya bersetuju, kerana kami melihat itulah tanggungjawab mereka. Walau bagaimanapun tanggungjawab saya, saya akan menjalankan tugas mengikut keputusan Jemaah Menteri, kalau Jemaah Menteri kata jangan kenakan tol, lebih baik. Saya hubungi lebih awal daripada itu untuk jangan kenakan tol.

Itu sahajalah Tuan Pengerusi, dengan ini saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa isu di dalam kementerian saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM980,480,480 untuk Maksud B.52 di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM980,480,480 untuk Maksud B.52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM4,639,048,600 untuk Maksud P.52 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1998 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM4,639,048,600 untuk Maksud P.52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1998.

**Fasal 1 dan 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM18,491,268,800 (Ringgit Malaysia lapan belas bilion, empat ratus sembilan puluh satu juta, dua ratus enam puluh lapan ribu, lapan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1998, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai

Belanjawan Persekutuan, 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1998, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1998 telah ditimbang dalam Jawatankuasa Perbekalan

dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu.

Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM18,491,268,800 (Ringgit Malaysia lapan belas bilion, empat ratus sembilan puluh satu juta, dua ratus enam puluh lapan ribu, lapan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1998, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1998, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang

bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

hendaklah disetujui.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM18,491,268,800 (Ringgit Malaysia lapan belas bilion, empat ratus sembilan puluh satu juta, dua ratus enam puluh lapan ribu, lapan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1998, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 12 Tahun 1998, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersementakan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

## **RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (No.2) 1997**

### **Bacaan Bagi Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.35 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya suatu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Kastam 1967 dan Akta Zon Bebas 1990 dibacakan buat kali kedua sekarang.

Kebanyakan pindaan-pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang telah dikemukakan semasa membentangkan Belanjawan 1998 baru-baru ini. Di sini saya memohon memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui rang undang-undang ini.

Bab 1 rang undang-undang ini adalah merupakan pengenalan kepada skop pindaan yang terlibat di bawahnya. Bab II, rang undang-undang ini adalah berkenaan dengan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967, bab-bab seterusnya adalah mengenai, pertama, Bab III adalah pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Kedua, Bab IV adalah pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Ketiga, Bab V adalah pindaan kepada Akta Setem 1949. Keempat, Bab VI adalah pindaan kepada Akta Cukai Jualan 1972. Kelima, Bab VII adalah pindaan kepada Akta Kastam 1967, dan keenam Bab VIII adalah pindaan kepada Akta Zon Bebas 1990.

Tuan Yang di-Pertua, mulai tahun taksiran 1995 pendapatan dari sumber asing yang dibawa masuk oleh sesebuah syarikat bermastautin tidak dikenakan cukai pendapatan, kecuali pendapatan dari perniagaan insurans, perbankan dan

pengangkutan laut dan udara yang dikenakan cukai mengikut skop sedunia. Peruntukan mengenai perkara ini adalah disediakan di bawah Seksyen 3C Akta Cukai Pendapatan 1967. Dividen yang diagihkan dari pendapatan tersebut juga dikecualikan cukai. Walau bagaimanapun, keputusan dasar untuk mengecualikan keuntungan sumber asing yang dibawa masuk dan juga dividen yang diterima dari sumber asing itu oleh syarikat pemegang saham tidak dapat dilaksanakan kerana Seksyen 3C.

Akta Cukai Pendapatan 1967 tidak mengambil kira perjalanan sistem imputasi. Bagi mengemaskinikan kedudukan ini pindaan Fasal 4 dibuat untuk memansuhkan peruntukan Seksyen 3C. Dengan pemansuhan ini mulai tahun taksiran 1998 pengecualian cukai ke atas pendapatan dari sumber asing itu dan juga dividen yang diagihkan kepada pemegang saham syarikat berkaitan akan diberi melalui perintah pengecualian yang akan dikeluarkan kelak.

Selaras dengan usaha kerajaan untuk melibatkan rakyat di semua lapisan menjayakan program Koridor Raya Multimedia dan bagi menggalakkan pemilikan komputer peribadi oleh setiap keluarga. Fasal 5 bertujuan memasukkan subseksyen baru 6A (3A) yang memperuntukkan bahawa rebat sebanyak RM400 diberikan kepada individu pemastautin berkenaan dengan pembelian komputer peribadi. Rebat ini akan diberikan sekali dalam tempoh lima tahun, manakala Fasal 6 juga bertujuan memasukkan seksyen baru 6C yang memperuntukkan bahawa individu yang telah membayar levi bagi pengeluaran Pas Kerja di bawah Akta Fee 1951 adalah layak untuk menuntut levi itu sebagai rebate setakat cukai pendapatan yang dikenakan.

Pada masa kini caruman majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan skim yang diluluskan telah diberi potongan bagi maksud Cukai Pendapatan sehingga 17% daripada gaji seseorang kakitangan. Daripada jumlah itu 12% adalah caruman mandatori dan 5% ialah caruman sukarela sebagai langkah untuk meningkatkan tabungan negara. Fasal 9(a) bertujuan meminda perenggan 34(4)(a) supaya potongan bagi caruman majikan kepada skim diluluskan ditingkatkan dari 17% kepada 19%.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk menggalakkan sektor swasta berganding bahu dengan agensi kerajaan bagi memperluaskan lagi aktiviti dan program kebudayaan, Fasal 9(d) bertujuan memasukkan perenggan baru (k) di bawah Subseksyen 34(6). Dengan itu, perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat sehingga RM200 ribu untuk menganjurkan, menaja ataupun menaja apa-apa aktiviti kesenian atau kebudayaan yang diluluskan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan adalah layak diberi potongan cukai bagi maksud Cukai Pendapatan.

Fasal 10 pula bertujuan memasukkan subseksyen baru 39(1)(h) Akta supaya bayaran bonus kepada kakitangan melebihi dua bulan gaji dalam sesuatu tahun tidak dibenarkan sebagai potongan untuk maksud pengiraan cukai pendapatan majikan berkenaan. Langkah ini dijangka dapat mengawal pembayaran bonus yang agak lebih supaya keuntungan yang diperolehi sebahagian besarnya dilaburkan semula ke dalam perniagaan bagi meningkatkan lagi daya pengeluaran.

Di dalam Belanjawan 1996 pengumuman telah dibuat supaya sumbangan syarikat kepada projek kebajikan dan kemasyarakatan yang diluluskan di dalam bidang kesihatan, pendidikan, perumahan serta infrastruktur, dan kemudahan awam diberi potongan bagi maksud Cukai Pendapatan.

Sebagai usaha untuk menggalakkan sumbangan dari pihak individu pula, Fasal 11 bertujuan memasukkan subseksyen baru ataupun 44(9) untuk membenarkan potongan cukai ke atas derma wang tunai atau barangan yang diberikan oleh individu bagi menyediakan kemudahan di tempat awam untuk memanafaat golongan kurang upaya. Manakala subseksyen baru 44(10) pula adalah pula untuk membenarkan potongan cukai bagi derma wang tunai atau hadiah peralatan perubatan yang diberikan oleh seorang individu sehingga RM20 ribu kepada mana-mana kemudahan penjagaan kesihatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan.

Di samping itu, Fasal 11 juga bertujuan untuk meminda subseksyen 44(6A) supaya potongan bagi maksud cukai pendapatan kepada syarikat atau individu bagi sumbangan artifak dan manuskrip diperluaskan untuk meliputi sumbangan lukisan kepada kerajaan mengikut nilai yang akan ditentukan Jabatan Muzium dan Antikuiti atau Arkib Negara. Fasal 11 juga seterusnya memasukkan Subseksyen 44(9) supaya potongan daripada pendapatan diberi bagi hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau Balai Lukis Negeri.

Pada masa ini, ibu bapa yang menghantar anak belajar ke luar negara diberi pelepasan cukai dua kali ganda kadar pelepasan anak. Sebagai usaha

untuk mengurangkan bilangan pelajar tempatan yang akan melanjutkan pelajaran ke luar negara. Fasal 12, bertujuan meminda Subseksyen 48(3) supaya hanya potongan biasa akan dibenarkan berkenaan dengan anak yang menerima pendidikan lanjutan di luar Malaysia mulai dari 17 Oktober 1997.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk membangunkan industri insurans semula hayat, Fasal 13 bertujuan memasukkan Subseksyen 60(5C) dan 60 (6C) untuk menyediakan peruntukan layanan cukai yang khusus untuk pendapatan, perniagaan insurans semula hayat dan pendapatan perniagaan insurans semula hayat alir masuk.

Selaras dengan langkah untuk memperkemas dan memendekkan tempoh penyimpanan rekod-rekod perniagaan, Fasal 15 bertujuan meminda Seksyen 91 untuk memendekkan tempoh sesuatu taksiran cukai pendapatan itu boleh dibangkitkan oleh Ketua Pengarah dari 12 tahun kepada 6 tahun. Pindaan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1999.

Seterusnya Fasal 16, bertujuan memasukkan subseksyen 108(2E) supaya cukai yang dipotong ke atas dividen yang diterima oleh pemegang saham dalam tahun 1997 serta dividen yang dibayar oleh syarikat bagi maksud Seksyen 108(4) dianggap seolah-olah telah dipotong pada kadar 28%.

Fasal 17 bertujuan untuk meminda Subseksyen 110(1) supaya kenaikan dalam amaun yang dirujuk di bawah Subseksyen 109(2) dan 109B(2) iaitu mengenai cukai pegangan ke atas faedah royalti dan beberapa jenis pendapatan tidak akan diambil kira bagi maksud tolakan cukai. Fasal 17 juga memperkenalkan Subseksyen 110(1E) supaya tolakan cukai ke atas dividen

yang diterima oleh pemegang saham dalam tahun 1997 adalah seolah-olah telah dibuat pada kadar 28% selaras dengan penurunan kadar cukai korporat kepada 28% mulai tahun taksiran 1998.

Bagi menjamin keberkesanan kaedah kutipan hasil, satu peruntukan panel perlu diwujudkan supaya majikan akan lebih bertanggungjawab dalam urusan menjelaskan cukai pekerjaanya. Dengan itu, Fasal 18 bertujuan meminda Seksyen 120(e) untuk membolehkan ketua pengarah mengambil tindakan mahkamah terhadap majikan yang gagal mematuhi arahnya di bawah Subseksyen 83(5) untuk merumitkan dalam tempoh yang ditetapkan gaji pekerja yang ditahan bagi tujuan menjelaskan cukai.

Fasal 19 bertujuan untuk meminda perenggan 2, Bahagian 1, Jadual 1 kepada akta untuk memperuntukkan bahawa kadar cukai bagi syarikat badan amanah pentadbir dalam hal simati yang berdomisil di luar Malaysia semasa kematiannya dan penerima dikurangkan daripada 30% kepada 28%.

Fasal 20 bertujuan meminda perenggan 37C, Jadual 3 Akta supaya perbelanjaan modal yang dilakukan berkenaan dengan bangunan yang digunakan untuk menyimpan barang-barang untuk eksport atau barang-barang import yang akan diproses dan diedarkan atau dieksport semula layak mendapat elaun bangunan industri pada kadar 10%. Langkah ini dijangka akan dapat menggalakkan pelaburan untuk meningkatkan kemudahan penggudangan di negara ini.

Fasal 21 bertujuan meminda Jadual 7A Akta yang mana perenggan 1 dan 1A dipinda untuk memasukkan syarat tambahan bagi syarikat pemastautin

untuk menuntut dan elaun pelaburan semula. Pindaan ini mensyaratkan supaya elaun pelaburan semula ataupun EPS layak dituntut hanya oleh syarikat yang telah beroperasi tidak kurang dari 12 bulan dan menunjukkan peningkatan produktiviti. Manakala perenggan 2 digantikan dengan perenggan yang baru untuk memperuntukkan bahawa tuntutan EPS dibenarkan bagi lima berturut-turut bermula dari tahun pertama pelaburan EPS dibuat. Perenggan 2A dimasukkan untuk memperuntukkan bahawa aset yang diperolehi di bawah EPS tidak boleh dilupuskan dalam tempoh 2 tahun. Perenggan 3 pula dipinda untuk membolehkan syarikat yang telah mencapai tahap produktiviti yang ditentukan layak menikmati EPS tanpa sebarang sekatan. Perenggan 8(a) dipinda untuk memasukkan automasi dalam takrif projek yang layak mendapat EPS.

Tuan Yang di-Pertua, Bab III Rang undang-undang ini adalah berkenaan dengan pindaan-pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Fasal 23 bertujuan meminda perenggan (3)(a) dalam Seksyen 16 untuk meningkatkan kadar caruman maksimum majikan kepada skim diluluskan yang dibenarkan sebagai potongan dari 17 % kepada 19% daripada gaji seseorang kakitangannya. Fasal ini juga bertujuan memasukkan Subseksyen 7E untuk membenarkan potongan bagi perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat sehingga RM200 ribu untuk menganjurkan apa-apa aktiviti kesenian atau kebudayaan yang diluluskan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Selaras dengan pindaan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, Fasal 24 bertujuan memasukkan subseksyen baru 18(1)(I) supaya potongan cukai yang

dibenarkan bagi majikan ke atas bayaran bonus kepada pekerjanya adalah terhad kepada dua bulan iaitu bersamaan 2/12 daripada upah atau gaji dalam sesuatu tahun yang dibayar kepada pekerja.

Fasal 25 bertujuan meminda Subseksyen 22(1A) supaya hadiah lukisan juga dibenarkan sebagai potongan mengikut nilai yang ditentukan oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti atau Arkib Negara, iaitu bagi memberi layanan yang sama seperti hadiah artifak dan manuskrip yang telah dibenarkan sebagai potongan. Fasal ini juga bertujuan memasukkan subseksyen baru 22(1B) dan 22(1C) dan 22(1D) untuk membenarkan potongan ke atas derma wang tunai atau sumbangan manfaat untuk menyediakan kemudahan di tempat awam bagi golongan kurang upaya. Derma wang tunai atau hadiah peralatan perubatan kepada kemudahan penjagaan kesihatan sehingga RM20 ribu dan juga hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau Balai Seni Lukis Negeri.

Pada masa syarikat yang terlibat dalam aktiviti carigali dan pengeluaran petroleum adalah tertakluk kepada cukai pendapatan petroleum pada kadar 40%. Bagi menggalakkan syarikat minyak memajukan medan minyak marginal dan meningkatkan usaha mencari gali medan minyak baru, Fasal 26 bertujuan meminda Subseksyen 23(1) supaya kadar cukai pendapatan petroleum dikurangkan sebanyak 2% kepada 38%.

Fasal 27 bertujuan untuk meminda Seksyen 39 supaya tempoh sesuatu taksiran dan taksiran tambahan boleh dibangkitkan, dikurangkan dari 12 tahun kepada 6 tahun selaras dengan pindaan yang telah dibuat ke atas Akta Cukai Pendapatan 1967.

Bab IV adalah berkenaan dengan pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) 1976. Fasal 30 bertujuan meminda Seksyen 15 untuk memendekkan tempoh sesuatu taksiran itu boleh dibangkitkan dari 12 tahun kepada 6 tahun selaras dengan pindaan tempoh yang sama di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Untuk mengurangkan manupulasi dan untuk menyeragamkan layanan cukai di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah bagi syarikat harta tanah dengan individu yang melupuskan harta tanah, Fasal 31 bertujuan meminda subperenggan 34A(3) Jadual 2 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) untuk menetapkan kos pemerolehan (chargeable asset) pada kos sebenar. Kecuali dalam kes di mana sesebuah syarikat itu menjadi syarikat harta tanah (SHT) yang mana kos pemerolehan (chargeable asset) adalah berasaskan nilai tambahan atau kos saham SHT pada tarikh syarikat itu menjadi SHT. Keuntungan pelupusan harta dikenakan CKHT pada kadar 5% hingga 30% bagi syarikat dan di antara 0% hingga 30% bagi individu bermastautin bergantung kepada tempoh pegangan atau pemilikan dari tarikh hartanah berkenaan diperolehi.

Walau bagaimanapun, individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap dikenakan CKHT pada satu kadar sahaja, iaitu 30% tanpa mengambil kira tempoh pegangan atau pemilikan. Selaras dengan kelonggaran yang diberi ke atas syarikat pemulihan hartanah oleh kepentingan asing kebelakangan ini, Fasal 32 mencadangkan pindaan kepada Bahagian III, Jadual 5 Akta supaya kadar cukai yang terpakai bagi pelupus individu yang bukan

warganegara dan bukan pemastautin tetap dikenakan cukai pada kadar 5% jika pelulusan dibuat selepas tahun kelima dari tarikh pemerolehan harta tanah berkenaan.

Bab V adalah berkenaan dengan pindaan kepada Akta Setem 1949, Fasal 34 bertujuan untuk meminda Subseksyen 55(2) Akta untuk menaikkan fee adjudikasi daripada RM1.00 kepada RM10 supaya selaras dengan kadar fee adjudikasi di bawah Subseksyen 36(1) Akta. Pindaan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1998.

Tuan Yang di-Pertua, Bab VI adalah berkenaan pindaan kepada Akta Cukai Jualan 1972. Pada masa ini pengilangan barangan bercukai jualan yang mempunyai nilai jualan kurang daripada RM100 ribu setahun adalah dikecualikan dari lesen di bawah Akta cukai jualan 1972. Dengan itu, syarikat tidak layak mendapat inputnya bebas dari cukai jualan tetapi keluaran adalah tidak tertakluk kepada Cukai Jualan. Sebagai langkah untuk meringankan beban pengilang-pengilang kecil daripada dikenakan cukai jualan up-front, dengan izin, ke atas inputnya, Fasal 36 bertujuan meminda Seksyen 14 Akta untuk membolehkan mereka mempunyai pilihan sama ada untuk dilesenkan di bawah Akta Cukai Jualan 1972 untuk mendapat input-input bebas dari cukai atau untuk terus dikenakan cukai jualan di peringkat output seperti amalan semasa.

Bab VII adalah berkenaan dengan pindaan kepada Akta Kastam 1967 adalah didapati pelaksanaan pelepasan dagangan yang diamalkan sekarang masih mempunyai ruang untuk diperbaiki supaya perkhidmatan serta kemudahan pelepasan dapat dipertingkatkan, dan masa bagi pelepasan

pegangan dapat disingkatkan. Dengan ini, Fasal 39 hingga Fasal 46 adalah bertujuan meminda Seksyen 21, 24, 29, 35, 66(1), 80(2), 87A dan 91A Akta, iaitu berkaitan dengan pindaan kepada beberapa prosedur yang diamalkan oleh Jabatan Kastam bagi pelepasan dagangan eksport dan import agar proses lepasan boleh dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut perjanjian GATT 1954 negara-negara anggota dikehendaki melaksanakan Sistem Penilaian Kastam di bawah Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mulai Januari 1995. Walau bagaimanapun, bagi negara-negara membangun perjanjian membenarkan pelaksanaannya ditangguhkan selama lima tahun dari tarikh tersebut. Ini bermakna bahawa Malaysia diberi masa sehingga tahun 2000 untuk melaksanakannya. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Sistem Penilaian Kastam ini telah diputuskan oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN di Bandar Sri Bagawan pada September 1995 untuk dipercepatkan pelaksanaannya pada tahun 1997 demi kemudahan dan perkembangan perdagangan peringkat ASEAN. Keputusan ini telah di'endorse'kan oleh Mesyuarat Ketua-ketua Negara ASEAN pada Disember 1995. Pada masa ini, penilaian Kastam adalah berasaskan kepada Brussel Defination Value (BDV) di mana pihak Kastam menentukan nilai Kastam ke tahap pasaran terbuka ataupun, dengan izin, open market, jika harga ikrar tidak mencapai konsep harga pasaran terbuka, pihak Kastam akan membuat penyelarasan harga melalui kaedah agency up-lift, dengan izin, dan penaksiran semula. Sementara penilaian Kastam di bawah Perjanjian WTO adalah berdasarkan harga yang sebenarnya dibayar atau kena

bayar oleh pengimport dengan beberapa penyesuaian yang ditetapkan. Sekiranya penyesuaian tidak dapat ditentukan semasa diimport, maka penyesuaian dibuat kemudian oleh yunit, dengan izin, Post Importation Audit.

Dengan itu, Fasal 47, 48, 49, 51 dan 52 bertujuan untuk meminda Subseksyen 2(1) dan subperenggan 115(1)(b)(i) dan juga mewujudkan Subseksyen Baru 100A, 125A, 142(35B) dan 143A, iaitu berkenaan dengan pematuhan kaedah penilaian baru oleh Malaysia bagi barang-barang yang diimport.

Bagi Bab VIII adalah berkenaan dengan pindaan kepada Akta Zon Bebas 1990, Fasal 54 dan 55 bertujuan untuk meminda Subseksyen 2(1) dan subperenggan 27(1)(b)(i) iaitu berkenaan dengan pematuhan kaedah penilaian baru oleh Malaysia bagi barang-barang yang diimport sebagaimana yang dipersetujui di bawah Perjanjian WTO.

Fasal 45 dan 50 adalah berkaitan dengan pindaan-pindaan kecil atau berbangkit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah

1976, Akta Setem 1949, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Kastam 1967 dan Akta Zon Bebas 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Tanjong, sebelum perbahasan ada usul. Sila Timbalan Menteri kemukakan. Usul di bawah Peraturan 12(1).

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.02 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah “Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Tanjong.

**6.08 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, DAP memang puji Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang mengemukakan pakej kewangan kecemasan pada hari Jumaat lepas dan hari ini dalam Dewan yang mulia ini sebagai arah wajar memulihkan keyakinan pasaran yang terjejas dengan buruk dalam tempoh lima bulan kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, tindakan tersebut masih belum mencukupi untuk memulihkan keyakinan dengan sepenuhnya, dan adalah lebih wajar jikalau satu Belanjawan kedua telah dibentangkan di Parlimen pada akhir Oktober lepas apabila jelas terbukti Belanjawan 1998 gagal menangani isu kekurangan keyakinan pasaran.

Saya pernah mencadangkan pada 30 Oktober 1997 bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri harus membentangkan Belanjawan 1998 yang kedua di Parlimen pada 5 November 1997 semasa beliau menggulung perbahasan Belanjawan kerana Belanjawan 1998 yang dibentangkan pada 17 Oktober 1997 telah gagal menangani isu asas mengenai soal pemulihan keyakinan terhadap ekonomi Malaysia atau menyelesaikan krisis mata wang

serta pasaran saham, memandangkan kedua-dua pasaran saham serta Ringgit telah jatuh setelah Belanjawan dibentangkan.

Sekiranya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menerima nasihat DAP pada awal November maka keyakinan terhadap cara kerajaan menangani isu ekonomi negara semasa menghadapi krisis ekonomi ini tidak akan menjunam ke tahap yang begitu rendah sehingga pasaran memperlihatkan kadar Ringgit yang jatuh ke tahap paling rendah iaitu 3.865 memandangkan dengan Dollar Amerika pada hari Jumaat, 5 Disember 1997 dari 3.17 sehari sebelum Belanjawan 1998 diumumkan pada 16 Oktober sementara Indeks Komposit BSKL menjunam ke mata terendah 512 berbanding dengan 802.02 sebelum Yang Amat Berhormat berdiri di Parlimen membentangkan Belanjawannya.

Pakej kewangan kecemasan yang diumumkan Jumaat lepas telah mendapat sambutan yang lebih merangsangkan daripada Belanjawan 1998 pada 17 Oktober lepas kerana berbanding reaksi negatif pasaran saham dan mata wang pada masa tersebut sidang akhbar Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada jam 4.00 petang Jumaat lepas telah berjaya menangani krisis kejatuhan Ringgit ke tahap paling rendah, iaitu 3.8650 berbanding Dollar Amerika dalam tempoh satu jam, Indeks Komposit BSKL ditutup lebih tinggi dengan kenaikan 31.51 mata selepas pengumuman Yang Amat Berhormat, bersamaan dengan 5.47%, iaitu 607.40 mata. Kali pertama Indeks Komposit naik melebihi 600 mata sejak 19 November 1997.

Sebelum pengumuman Yang Amat Berhormat mengenai langkah-langkah kewangan yang akan dilaksanakan itu Indeks Komposit hanya tertinggi 572 mata sahaja. Sungguhpun reaksi pasaran adalah begitu positif terhadap pakej kewangan kecemasan yang diumumkan tetapi langkah-langkah yang dicadangkannya masih tidak cukup comprehensive untuk memulehkan keyakinan dengan sepenuhnya yang mana adalah amat genting dan kritikal dalam strategi kerajaan untuk meletakkan ekonomi Malaysia ke atas landasan pemulihan semula.

Semasa saya membangkitkan soal Belanjawan kedua pada 30 Oktober, saya telah mengemukakan beberapa cadangan yang harus dimasukkan ke dalam Belanjawan kedua ini. Antaranya:

- (i) merunding semula kontrak Lebuhraya Utara Selatan dan menghapuskan hak PLUS untuk menaikkan kadar tol setiap tahun tempoh untuk tempoh 21 tahun sehingga tahun 2018;
- (ii) pengumuman dasar bahawa Malaysia akan mengemukakan tuntutan pampasan secara rasmi kepada Indonesia mengenai kerugian berbilion ringgit yang menimpa ekonomi alam sekitar serta kesihatan rakyat Malaysia hasil dari malapetaka jerebu dari kebakaran hutan beratus ribu ekar dan ladang di Indonesia;
- (iii) mengumumkan pembatalan dan bukannya penangguhan projek-projek mega seperti Lapangan Terbang

Antarabangsa Bahagian Utara Semenanjung di atas tanah tebusan semula di Kedah, Projek KL Linear City, Projek Lebuhraya Cameron Highlands, Fraser Hill, Genting Highlands serta Jambatan Selat Melaka Malaysia-Indonesia.

Saya mengalu-alukan Belanjawan Yang Amat Berhormat yang kedua, sungguhpun ekonomi dan rakyat Malaysia sebenarnya dapat mengelakkan kerugian dan kemusnahan yang begitu buruk dalam tempoh lima minggu ini sekiranya beliau menerima nasihat saya dan mengemukakan pakej kewangan kecemasan lima minggu lebih awal.

Dalam Budget 1998 keduanya, Yang Amat Berhormat telah mengkaji semula ramalan kerajaan mengenai pertumbuhan ekonomi tahun depan kepada 4% ke 5%, sungguhpun tujuh minggu yang lepas beliau sendiri telah membuat ramalan terhadap pertumbuhan tahun depan setinggi 7%. Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menetapkan sasaran baru bagi defisit akaun semasa, mengurangkannya dari 4% dari KDNK dalam Belanjawan 1998 asal menjadi 3% dari KDNK. Sikap kerajaan yang mahukan growth at any price langsung tidak berdaya kekal dan negara kita haruslah memfokus ke atas pertumbuhan yang berkekalan.

Persoalannya sama ada kerajaan akan terus mengurangkan ramalan pertumbuhannya sebagaimana yang dicadangkan oleh beberapa penganalisa kewangan dan ekonomi sekiranya kerajaan masih gagal memulihkan keyakinan di kalangan para pelabur sama ada dalam mahupun luar negara. Untuk

mencapai objektif ini, Yang Amat Berhormat telah mengumumkan potongan sekurang-kurangnya 18% dari perbelanjaan kerajaan dalam 1998, bermula dengan 10% potongan mesti dari kedua-dua perbelanjaan operasi serta pembangunan dan 8% potongan atas dasar selective.

Saya mengalu-alukan pengurangan perbelanjaan oleh kerana ia menunjukkan bahawa kerajaan memang untuk kali pertama sejak krisis ekonomi tercetus lima bulan yang lepas lebih serius dalam mengakui keseriusan krisis ini yang sememangnya akan menjejaskan negara serta rakyat jelata. Semasa membahas Belanjawan 1998 pada 20 Oktober lepas saya pernah mengkritik Belanjawan 1998 yang melepaskan peluang mengemukakan mesej yang jelas ke seluruh negara supaya berjimat-cermat dalam perbelanjaan harian. Saya berkata bahawa sungguhpun kerajaan telah mengurangkan perbelanjaan dalam Belanjawan 1998 dengan mengurangkan 2% peruntukan kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan, tetapi perbelanjaan operasi untuk tahun 1998 yang berjumlah RM45.6 bilion masih jauh melebihi peruntukan Belanjawan 1997 iaitu RM42.7 bilion. Sementara anggaran pembangunan untuk 1998 berjumlah RM18.5 bilion juga melebihi peruntukan Belanjawan 1997, iaitu RM17.3 bilion. Jumlah besar Belanjawan 1998 sebanyak RM64.1 bilion masih jauh lebih tinggi daripada jumlah Belanjawan 1997 yang berjumlah RM59.9 bilion. Saya berkata bahawa sekiranya kerajaan berniat untuk melaksanakan langkah berjimat-cermat, maka mesej yang paling jelas adalah jumlah peruntukan Budget 1998 dikurangkan sekurang-kurangnya 2%

dari jumlah peruntukan Belanjawan 1997 yang mana Belanjawan Persekutuan 1998 hanya akan berjumlah lebih kurang RM58 bilion.

Cadangan saya adalah supaya potongan sebenarnya harus dilakukan ke atas perbelanjaan Kerajaan Persekutuan tahun depan berbanding dengan Belanjawan 1997 kecuali dalam sektor-sektor yang melibatkan perbelanjaan pendidikan dan kesihatan tidak diendahkan pada masa itu. Maka saya mengemukakan pakej kewangan kecemasan yang bertujuan mengurangkan perbelanjaan kerajaan sebanyak 18% tahun depan yang berjumlah sekurang-kurangnya RM11.6 bilion dan Belanjawan 1998 terbaru akan berjumlah lebih kurang RM52.5 bilion, satu jumlah yang lebih rendah dari Belanjawan 1996 iaitu RM55.4 bilion.

Bagaimanapun, kerajaan mesti memastikan bahawa 18% potongan dalam Belanjawan, operasi dan pembangunan Persekutuan ini tidak akan menjejaskan golongan miskin khususnya dalam sektor-sektor seperti kesihatan, kebajikan sosial serta pendidikan. Perkhidmatan awam echelon/atasan yang sepatutnya memikul beban berikutan pemotongan Belanjawan Persekutuan ini. Maka saya ingin mendapatkan jaminan yang jelas dari Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bahawa potongan perbelanjaan kali ini tidak akan dikenakan ke atas mereka yang miskin dan kerajaan akan terus melabur dalam program-program latihan dan latihan kemahiran yang akan membawa kepada kebaikan jangka panjang kepada negara kita.

Bagaimanapun, adalah amat penting supaya Belanjawan 1998 kedua ini yang termasuk pakej kewangan kecemasan yang diumumkan pada hari Jumaat

lepas dan hari ini diluluskan menerusi proses yang sah sewajarnya supaya tidak membangkitkan persoalan mengenai kesesuaian, keesahan serta Perlembagaan kelak. Sebagai contoh, Parlimen tidak harus diabaikan dalam proses ini, dan semua Ahli Parlimen tidak kira dari kerajaan ataupun pembangkang harus menjaga prerogative Parlimen dengan setegas-tegasnya supaya Parlimen tetap merupakan badan membuat keputusan muktamad di negara ini mengenai soal perbelanjaan Kerajaan Persekutuan tahunan.

Oleh sebab Budget 1998 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 17 Oktober 1997 di Parlimen belum diluluskan oleh Parlimen semasa kerajaan mengumumkan pada Jumaat lepas, RM11.6 bilion potongan iaitu sekurang-kurangnya 18% perbelanjaan Kerajaan Persekutuan 1998, maka cara yang betul dan sewajarnya adalah penarikan balik Belanjawan 1998 asal oleh Yang Amat Berhormat dan dibentangkannya Belanjawan 1998 kedua yang telah mengambil kira potongan RM11.6 bilion serta lain-lain langkah berjimat-cermat cara ini.

Belanjawan 1998 kedua ini harus dibahaskan dengan sepenuhnya dan sekurang-kurangnya empat hari harus diperuntukkan untuk tujuan ini. Inilah sebab mengapa saya telah mencadangkan supaya mesyuarat Parlimen kali ini dilanjutkan sekurang-kurangnya selama dua minggu supaya perbahasan dapat dijalankan mengenai keperluan mengemukakan cadangan Belanjawan set ketua sebagai tambahan ke atas Belanjawan 1998 serta mengenai isu Majlis Tindakan Ekonomi Kebangsaan (NEAC) dan memberikan secukup masa untuk para ahli

Parlimen membahas 13 rang undang-undang kerajaan yang tersenarai di atas urusan mesyuarat yang perlu dibahas dan dilulus kali ini.

Saya boleh faham bahawa dalam keadaan kecemasan sebagaimana yang berlaku pada hari Jumaat lepas, tindakan remedy perlu dilakukan dengan serta-merta. Krisis tersebut sebenarnya tercetus hasil dari pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Langkawi sehari sebelum itu bahawa Malaysia akan meneruskan projek jambatan darat bernilai RM10 bilion yang menyambungkan Utara Semenanjung dengan Selatan negara Thai. Sungguhpun nilai Ringgit telah tersusut dan pengumuman itu telah membangkitkan kesangsian terhadap komitmen kerajaan dalam bulan September lepas untuk menanggung atau memansuhkan beberapa projek mega. Hasilnya, keyakinan pasaran tergoncang sekali lagi berikutan dengan tindakan kita sendiri. Pada hari tersebut nilai mata wang negara-negara Asia yang lain telah naik berikutan dengan pengumuman bahawa Korea Selatan telah mencapai persetujuan dengan IMF untuk mendapatkan bantuan sebanyak US\$57 bilion. Tetapi hanya Ringgit Malaysia yang jatuh dengan drastik sekali dan mencapai 3.7300 pada hari Khamis dan 3.8560 pada jam 4.00 petang hari Jumaat. Keadaan ini hanya sempat diselamat oleh pengumuman Yang Amat Berhormat mengenai pakej kewangan kecemasan. Sekiranya tidak, Ringgit akan terus jatuh dan tidak siapa yang akan merasa terperanjat sekiranya ia terus jatuh ke tahap US\$1 = RM4.00 pada hari Jumaat lepas sekiranya Yang Amat Berhormat mengumumkan langkah-langkah pakej kewangan kecemasan ini lebih awal lagi iaitu sebaik sahaja diketahui.

Budget 1998 gagal memulihkan keyakinan, maka kejatuhan Ringgit secara drastik Jumaat lepas tidak akan berlaku. Kita mestilah bersedia mengetahui bahawa malapetaka kewangan Khamis serta Jumaat lepas bukanlah sesuatu yang tidak boleh dielakkan. Sidang akhbar Yang Amat Berhormat dan kenyataan beliau hari ini yang mengumumkan pekej kewangan kecemasan merupakan kali pertama dalam tempoh lima bulan ini kerajaan mengakui bahawa negara kita sedang menghadapi krisis ekonomi dan bahawa rakyat serta negara akan terjejas dengan serius sebelum krisis ini dapat diselesaikan.

Pada bulan lepas sahaja para editor tempatan telah diarahkan supaya jangan gunakan perkataan 'krisis' dalam media massa tempatan supaya tidak mencemaskan rakyat Malaysia. Saya berharap kerajaan telah mengakhiri denial faktornya dan bersedia mengakui kepada rakyat jelata bahawa kita sedang menghadapi krisis ekonomi yang serius dan keadaan akan bertambah buruk lagi sebelum pemulihan yang berlaku. Rakyat Malaysia tentu masih ingat lagi pada masa Yang Amat Berhormat mengemukakan Belanjawan 1998 di Parlimen pada 17 Oktober yang lepas para pemimpin Barisan Nasional seperti Presiden MCA serta Presiden Gerakan berlumba-lumba untuk memberikan pujian yang terbaik kepada Belanjawan itu menghuraikannya sebagai, dengan izin, *painless way to overcome current economic problem* dan mendakwa bahawa ia adalah cukup untuk membolehkan keyakinan pasaran. Malah Yang Berhormat Pengangkutan menghuraikannya sebagai *another good and caring Budget*. Pada hakikatnya, Belanjawan 1998 merupakan satu kegagalan dalam segi memulihkan keyakinan terhadap ekonomi kita. Sebaik sahaja Belanjawan ini

dibentangkan, kedua-dua pasaran mata wang serta saham jatuh di mana Indeks Komposit BSKL jatuh dari 800 jadi 512 mata dan Ringgit pula jatuh dari 2.72 kepada 3.8650 berbanding dengan Dollar Amerika pada hari Jumaat.

Sudah sampai masanya kerajaan bersikap lebih terbuka berterus-terang dan jujur dan memberitahu rakyat bahawa negara kita memang tengah menghadapi krisis ekonomi yang serius dan kita tidak akan dapat mengatasi krisis ini tanpa melalui banyak kesukaran dan pengorbanan. Semasa Yang Berhormat dari Kepong dan saya bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Langkawi Sabtu lepas dan bertukar-tukar pandangan mengenai krisis ekonomi negara, kami telah menekankan bahawa sebarang kempen berjimat-cermat bukan sahaja harus dilakukan secara adil di kalangan rakyat tanpa kira status atau kedudukan, pemimpin kerajaan juga harus menunjukkan teladan yang baik dalam kempen ini. Bagaimanapun, kerajaan nampaknya masih belum menyampaikan mesej ini dengan baik, di mana semua orang dan bukannya terhad kepada orang biasa sahaja yang harus melibatkan diri dalam kempen berjimat-cermat ini.

Ini juga sebab mengapa berlakunya insiden seperti kos pengubahsuaian setinggi RM5 juta untuk kediaman Menteri Besar Selangor dan RM1.3 juta untuk pejabat Menteri Besar. Keputusan Majlis Daerah Tampin untuk menggelapkan kawasan Tampin dengan menutup bekalan elektrik selama empat jam setiap malam dari 1 pagi sampai ke pukul 5 pagi kononnya untuk mengurangkan kos elektrik sebanyak RM80,000 sebulan tanpa mengambil kira keselamatan para penduduk kawasan itu ataupun masalah peraturan, law and

order kawasan tersebut. Semua ini telah menyampaikan mesej yang salah kepada seluruh negara.

Kerajaan Persekutuan harus memberitahu Kerajaan Negeri Selangor serta Negeri Sembilan bahawa contoh berjimat-cermat yang ditunjukkan mereka itu langsung tidak masuk akal dan tidak dapat diterima. Sungguhpun keputusan pengubahsuaian rumah kediaman serta pejabat Menteri Besar Selangor telah dibuat sebelum berlaku krisis ekonomi, tetapi tindakan membazir tanpa tahu batasan jenis itulah yang sebenarnya merupakan punca keadaan krisis ekonomi serius hari ini.

Dengan wujudnya krisis ekonomi bermula dengan dua krisis mata wang dan pasaran saham, timbullah kekhuatiran bahawa ia akan tersebar ke sektor hartanah serta pembangkang. Kerajaan harus membantu rakyat jelata supaya bersiap sedia menghadapi keadaan ekonomi yang akan bertambah buruk sebelum pemulihan dapat dijangkakan. Sejak berlakunya krisis ekonomi ini nilai pasaran saham Malaysia telah jatuh 60%, sementara Ringgit Malaysia pula tersusut lebih dari 5% dari Jumaat lepas di mana Ringgit Malaysia adalah 3.8650 berbanding dengan Dollar Amerika. Ini bererti RM100 ribu dalam pasaran saham sebelum tercetusnya krisis ekonomi kita hanya bernilai RM45,000 sahaja. Sekiranya jumlah ini ditukar menjadi mata wang asing sama ada Dollar Amerika mahupun Pound British, ia hanya bernilai RM22,500 bila dibanding dengan nilai sebelum krisis ekonomi.

Sebelum berlakunya krisis ekonomi, ibu bapa Malaysia boleh menanggung dua anak yang belajar di luar negeri dengan RM100,000 sebulan.

Tetapi kini jumlah ini jika dilaburkan di dalam pasaran saham selepas kejatuhan pasaran saham dan nilai Ringgit, ia tidak lagi cukup untuk membiayai perbelanjaan seorang anak di luar negeri walau untuk setengah bulan pun, kerana nilai wangnya telah jatuh menjadi 22.5% bila ditukar kepada Dollar Amerika kepada Pound British. Ini dapat menggambarkan keseriusan krisis kewangan yang dihadapi oleh semua rakyat Malaysia yang mempunyai anak yang sedang menuntut di luar negeri.

Bagaimanapun, ini bukanlah satu-satu contoh yang menggambarkan kesan serius krisis ekonomi negara sahaja, selepas kongsi Raya bulan depan harga barang-barang keperluan semuanya akan naik. Antaranya dilaporkan bahawa harga gula akan naik 35%, manakala harga tepung gandum akan naik 40%. Semua ini akan membawa kepada ancaman inflasi yang tinggi di negara ini. Semua ini bermakna rakyat jelata khasnya mereka dari golongan miskin serta mereka yang ada fixed income seperti para pensioner semua akan menghadapi kehidupan yang sukar.

Semasa perbahasan Parlimen di atas Budget 1998 berlangsung, kerajaan serta para ahli Parlimen Barisan Nasional telah berlagak dengan agak berpura-pura sahaja enggan mengakui bahawa negara ini sedang menghadapi krisis ekonomi yang serius yang semakin dirumitkan lagi dengan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh kerajaan sendiri sama ada secara sengaja atau tidak. Keseriusan krisis ekonomi negara kita telah diperkecil-kecilkan lagi berikutan dengan keputusan pihak berkenaan untuk menukarkan Parlimen ini menjadi

Parlimen 10 minit di mana para ahli Parlimen dihadkan masa berucap 10 minit semasa perbahasan peringkat Jawatankuasa.

Biarlah saya memberikan satu contoh untuk menjelaskan denial syndrome kerajaan yang telah mengizinkan Parlimen digunakan untuk memperkecil-kecilkan keseriusan krisis ekonomi negara ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggunakan setiap peluang yang ada di luar negeri untuk menyelarkan masalah spekulator mata wang. Merujuk kepada malapetaka yang menimpa Malaysia di mana US\$30 bilion atau RM108 bilion telah dicuri dari kita hasil dari krisis mata wang. Bagaimanapun, dalam Parlimen kita sendiri pemimpin kerajaan mengambil keputusan untuk memberikan gambaran yang berlainan.

Minggu lepas sebagai contoh, apabila menyertai perbahasan ke atas Kementerian Luar Negeri, Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah merujuk kepada kerugian RM108 bilion yang dialami oleh Malaysia hasil dari krisis mata wang. Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, semasa itu Dato' Dr. Affifudin pula mencelah dan berkata bahawa semua ini hanyalah paper lost sahaja. Versi berkontradiksi yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin kerajaan mengenai kerugian US\$30 bilion yang dihadapi oleh Malaysia hasil dari krisis mata wang telah membangkitkan kesangsian sama ada kerugian itu memang berlaku ataupun hanya merupakan paper lost. Ini menunjukkan bahawa kerajaan masih tidak bersedia untuk menghadapi dan menangani masalah persepsi para pelabur terhadap negara ini dan keyakinan mereka terhadap ekonomi Malaysia tidak seperti negara lain seperti negara Thailand, Indonesia dan Korea Selatan. Malaysia nampaknya masih belum bersedia untuk menghentikan semua cakap-cakap berani, dengan izin, beat the bullet, melaksanakan penyesuaian kewangan dan mikro ekonomi yang sukar

tetapi perlu serta menjalani pembaharuan kewangan supaya Malaysia boleh memulakan usaha memulihkan ekonomi kita.

Parlimen mestilah melakukan sesuatu untuk membetulkan kesilapan ini. Biarlah ahli Parlimen sama ada dari kerajaan ataupun pembangkang sama-sama mengakui realiti bahawa rakyat Malaysia serta ekonomi sebenar negara kita semuanya akan menghadapi masa depan yang sukar perlu melalui cabaran yang menderitakan dalam bulan-bulan yang akan datang. Persoalannya sekarang adalah berapa lama krisis ekonomi ini akan berterusan, dua tahun, tiga tahun atau lebih. Dan apakah yang telah dilakukan oleh kerajaan serta rakyat kita demi memastikan bahawa krisis ekonomi ini tidak akan berlanjutan lama, dan jika boleh selewat-lewatnya tahun 2000 ekonomi kita akan pulih kembali.

Kerajaan mestilah sedar bahawa hanya melalui perpaduan dan komitmen rakyat jelata krisis ekonomi ini dapat diatasi. Inilah juga mengapa kerajaan mesti bersedia untuk mendengar pandangan-pandangan pelbagai pihak, keprihatinan, harapan serta kekhawatiran rakyat kita sebagaimana yang disampaikan menerusi wakil-wakil mereka di Dewan ini. Para menteri harus menghapuskan denial syndrome mereka dan berhenti dari menyalahkan krisis ekonomi negara ke atas faktor-faktor luaran dengan mengakui bahawa pelbagai kesilapan yang dilakukan oleh kita sendiri yang membawa kepada tahap krisis yang begitu serius hari ini sama ada kesilapan memaksa 100 desinator security, penubuhan tabung RM60 untuk tujuan merangsangkan pasaran saham, ugutan untuk menggunakan ISA untuk menahan para penganalisa kewangan dan wartawan yang menulis laporan-laporan negatif mengenai ekonomi Malaysia, salah guna peraturan, dagangan oleh FIC, kemarahan yang dipertunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di forum-forum luar negeri sungguhpun beliau sedar apa yang dicakapkannya akan membawa kesan buruk ke atas pasaran mata wang dan saham dalam negeri, urusan UEM, Renong serta pengambilalihan Projek Bakun oleh kerajaan serta pengumuman terbaru berkenaan dengan Jabatan Darat bernilai RM10 bilion.

Para menteri kerajaan harus berhenti dari mendakwa bahawa tidak ada sebarang kesilapan dalam dasar-dasar kerajaan atau tetap bertegas bahawa dasar yang sama telah membantu mengembangkan ekonomi negara ini dengan fundamental yang kukuh. Kita nampaknya belum mempelajari dari contoh-contoh negara lain, misalnya Korea Selatan, di mana dasar-dasar yang serupa telah membolehkan negara berkenaan mencapai pertumbuhan yang begitu pesat dan membantunya muncul dari sebuah negara miskin selepas perang menjadi economical kesebelas besar di dunia, di mana KDNKnya lebih besar dari jumlah KDNK negara-negara Thailand, Indonesia serta Malaysia dan membolehkannya diterima masuk ke kelab negara-negara kaya, iaitu Organisation and Economic Corporation dan Development (OECD) Disember lepas, kini Asia ini telah berubah menjadi Asia begger yang memerlukan bantuan IMF sebanyak US\$57 bilion, jumlah paling besar dalam sejarah IMF.

Kita tidak boleh hanya menyalahkan George Soros sahaja ke atas setiap tahap kemerosotan ekonomi kita sama ada mandi darah atau blood bath di BSKL selepas urusan UEM-Renong yang dibuktikan sebagai malapetaka negara mahupun kejatuhan Ringgit tidak berhenti-henti selepas pengumuman Jabatan Darat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Semasa Malaysia terus membangkitkan keperluan mengadakan peraturan sedunia untuk mengawal pasaran saham mata wang global, agenda kita yang paling penting seharusnya adalah hentikan kejatuhan Ringgit dan pasaran saham kita serta memulihkan ekonomi negara secepat yang mungkin.

Cabaran Malaysia yang paling besar wujud hari ini adalah bagaimana untuk memberhentikan masalah hakisan keyakinan yang berlarutan selama bulan, melancarkan kempen pemulihan keyakinan menerusi reformasi kewangan, ekonomi dan politik dengan menyatupadukan rakyat Malaysia supaya mengambil sesetengah ubat pahit IMF tanpa perlu meminta bantuan IMF. Antaranya termasuklah pembasmian rasuah dan cronisme, ketelusan kerajaan serta korporat. Saya telah memberitahu Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri di Langkawi Sabtu lepas bahawa salah satu sebab mengapa kerajaan gagal memulihkan keyakinan adalah kerana defisit maklumat.

Tragedi defisit maklumat di Malaysia adalah rakyat Malaysia kini bergantung kepada laporan media massa asing untuk mendapatkan berita, analisa dan maklumat mengenai krisis ekonomi Malaysia, sementara meragui berita dan analisa yang dilaporkan oleh media tempatan sungguhpun setengah laporan media asing sering mengandungi laporan yang kurang tepat. Kerajaan harus berhenti dari melayan rakyat Malaysia bagaikan mereka semua budak-budak yang tidak dapat menghadapi berita buruk. Rakyat Malaysia harus dilayan sebagai orang yang berupaya menghadapi berita buruk dan membuat pertimbangan mengenai apa yang patut dipercayai.

Pihak berkuasa harus menyedari bahawa tidak ada apa yang lebih buruk lagi dari menyembunyikan 'berita buruk', yang bukan sahaja tidak mungkin dilakukan dalam era Teknologi Maklumat, tetapi sebaliknya akan membuatkan berita-berita buruk ini lebih berkredibel dan penting yang sebenarnya tidak membantu dalam objektif penting memulihkan keyakinan dalam tempoh krisis ekonomi kini.

Sebenarnya, kerajaan yang benar-benar mahu berada di baris hadapan teknologi maklumat, sepatutnya mula melepaskan sekatannya ke atas kebebasan berakbar dan membolehkan kemunculan politik demokrasi.

DAP menyokong pendirian kerajaan untuk tidak meminta bantuan IMF kerana melalui pemberian bantuannya, IMF akan memaksa Malaysia menyerahkan kedaulatan negara kita, dan peraturan-peraturan yang dikenakan akan berat sekali tanpa mengambil kira keadilan sosial kepada rakyat kita. Bagaimanapun, Malaysia mestilah dapat dengan sendirinya

mengambil ubat pahit yang mungkin akan dikenakan oleh IMF seperti reformasi kewangan dan ekonomi serta menunjukkan ketelusan yang lebih dalam sektor kerajaan serta korporat dan mengisytiharkan perang segenap penjuru memerangi rasuah dengan kata lain, mengambil ubat pahit IMF tanpa campur tangan IMF.

Adalah benar sekali bahawa dalam setiap krisis ekonomi, puncanya bukanlah ekonomi tetapi politik. Maka soal yang paling penting sekali adalah sama ada kerajaan memiliki semangat politik yang secukupnya untuk melakukan reformasi kewangan, ekonomi dan politik untuk mengatasi krisis ekonomi.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengumumkan pada hari Jumaat lepas bahawa tidak akan berlaku tindakan menyelamatkan syarikat-syarikat yang ditimpa kesusahan. Sungguhpun reaksi pasaran saham pagi ini begitu merangsangkan, dengan kenaikan 87.7 mata, menjadikan indeks komposit BSKL tutup dengan 695.19 mata pada masa penutup pagi ini dan petang ini lebih rendah, tutup 676.647 mata. Ia naik hari ini 69.07 mata tetapi Ringgit masih lemah. Hari ini ialah 3.7 kepada US\$1, nampaknya sudah jatuh dan susah untuk naik. Tetapi sama ada keadaan ini akan dapat dikekalkan akan banyak bergantung kepada sama ada kerajaan bersedia untuk 'bite the bullet' dan mengambil segala bitter medicine untuk memulihkan kesihatan ekonomi negara ini.

Sebagai contoh, rakyat Malaysia ingin tahu sama ada kerajaan akan melakukan apa-apa untuk menyelamatkan seorang yang berumur 27 tahun yang

merupakan 'economic wonder-boy' negara ini yang tanpa sebarang rekod korporat atau pengalaman dapat mengambil alih syarikat-syarikat bernilai sejumlah RM1.2 bilion hanya berpandu kepada sokongan para 'uncle'nya. Untuk meyakinkan rakyat Malaysia bahawa kerajaan kita bersedia untuk melepaskan 'deniel syndrome'nya dan menghadapi realiti, maka ia harus mengumumkan satu pakej langkah-langkah yang komprehensif, antaranya termasuklah:-

- \* Membatalkan Tabung RM60 bilion yang diumumkan pada 15 September lepas dengan tujuan untuk merangsang harga saham;
- \* Memansuhkan dan bukan sekadar menangguhkan projek-projek mega, antaranya seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Bahagian Utara Semenanjung di atas tanah tebusan semula di Kedah, Projek KL Linear City, Projek Lebuhraya Cameron Highlands-Fraser Hill-Genting Highlands yang mana semuanya bernilai sejumlah RM50 bilion;
- \* Menangguhkan pelaksanaan Akta Kawalan Sewa sehingga berakhirnya krisis ekonomi;
- \* Mengisytiharkan perang segenap penjuru memerangi rasuah dengan menguatkuasakan dengan serta merta Akta Pencegahan Rasuah 1997;
- \* Mengkaji semula Dasar Ekonomi Baru;

- \* Memastikan bahawa NEAC merupakan satu kuasa yang dapat menyatupadukan negara dan memulakan kerja pemulihan ekonomi negara dengan melakukan reformasi kewangan, ekonomi dan politik yang sewajarnya demi menjayakan sebarang rancangan pemulihan negara dan membolehkan NEAC berurus dengan punca dan bukan hanya symptom krisis ekonomi negara.

Semasa perjumpaan kami di Langkawi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw dan saya bahawa kerajaan tidak berniat untuk memasukkan perwakilan dari parti pembangkang ke dalam NEAC, yang mana akan dipengerusikan oleh dirinya sendiri dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai timbalannya dan ahli-ahli majlis tersebut akan termasuk para menteri ekonomi dan perwakilan dari pelbagai sektor masyarakat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya juga difahamkan bahawa NEAC akan merupakan satu majlis kacukan di mana ia akan memiliki kuasa eksekutif Jemaah Menteri sungguh pun ia akan membuat laporan kepada Jemaah Menteri dari masa ke semasa untuk menangani krisis ekonomi kebangsaan. Ini bererti kuasa menteri-menteri Kabinet kini telah mengurang di mana tanggungjawab dan kuasa mereka kini perlu dibahagi-bahagikan dengan pihak lain, malah diambil alih. Nampaknya masa telah tiba untuk rombakan semula Jemaah Menteri, supaya orang baru dapat dibawa masuk untuk menggantikan beberapa orang menteri yang jelas

tidak lagi berupaya untuk melaksanakan tugas mereka dengan baik dalam dunia baru yang berubah dengan pantas berikutan dengan kemajuan teknologi maklumat dan globalisasi.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, biar apapun kuasa dan struktur NEAC ini, majlis ini mestilah bertanggungjawab terhadap Parlimen dan suatu mekanisme harus dibentuk untuk merasmikan perhubungan NEAC dengan Parlimen ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kubang Kerian.

**6.35 ptg.**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kewangan 1997 yang dibentangkan tadi dan bersama dengan pembentangan dan pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi menarik perhatian rakyat di seluruh Malaysia pada hari ini dan akan menjadi perbincangan hebat pada esok hari.

Kita mengalu-alukan bahawa penegasan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hal hendak menangani masalah ekonomi Malaysia sekarang dan pada masa yang akan datang. Kita ingin mempertegaskan beberapa perkara dalam hendak memberi keyakinan kepada rakyat untuk membantu kerajaan dan seterusnya membantu Malaysia ke arah memulihkan ekonomi yang sedang parah sekarang ini.

Kita harap kerajaan menghentikan melahirkan golongan instant millionaire, sebab golongan yang kaya segera tanpa perlu bekerja, golongan pelobi kepada pemimpin, yang rapat dengan pemimpin, yang menjadi kaya

dengan segera, mereka inilah kebanyakannya yang menjadi pengkhianat negara. Mereka mendapat projek tanpa melalui tender, melalui rundingan, kemudian setelah dapat misalnya mereka subkan kepada orang lain. Mereka dapat untung 10% kalau jambatan berharga RM20 juta, disubkan lalu dia dapat RM2 juta tanpa bekerja, maka RM2 juta itulah mereka ini selalunya menghabiskan wang ke luar negara ataupun hendak hantar anak mereka ke England untuk bersekolah, mereka sendiri pergi untuk melihat sekolah itu dan duduk berminggu-minggu kemudian balik dan mencadangkan sama ada anaknya boleh bersekolah di situ ataupun tidak. Semasa saya berada di England kira-kira tiga bulan dahulu, saya jumpa golongan instant millionaire ini yang menjadi kononnya kontraktor tetapi mereka boleh berjalan-jalan untuk mencari sekolah yang sesuai untuk anak mereka setelah mereka mendapat kekayaan mendadak dari mereka rapat dengan pemimpin dan sebagainya.

Kerajaan mesti berjanji bahawa perkara ini mesti dikurangkan ataupun kita lihat bahawa yang mendapat tender itu hendaklah mereka yang berkeupayaan, boleh diberi untuk kali pertama untuk mendapatkan satu projek, tetapi untuk kali kedua, pihak kementerian atau pihak kerajaan mesti membuat kajian sama ada kalau dia seorang kontraktor adakah ia telah membina infrastruktur di negerinya dan di syarikatnya. Kadang-kadang sudah menjadi kontraktor selama sepuluh tahun, tetapi sebuah lori pun tidak ada, sebuah mesin pembancuh simen pun tak ada. Bahkan kita lihat perkakas-perkakas itu tidak disediakan untuk membolehkan dia bekerja sendiri, kadang-kadang dia

mendapat tender tetapi projeknya di mana, work sitenya di mana pun kadangkala tidak diketahui.

Jadi, kerajaan mesti serius dalam menangani perkara ini. Sembang-sembang di luar Parlimen, kita dengar misalnya projek itu belum lagi bermula, belum diannouncedkan dalam buku Belanjawan tetapi telah diketahui siapa yang akan dapat projek tersebut. Ini kita lihat yang melahirkan instant millionaire ataupun golongan kaya segera inilah yang kita lihat sekarang dimarahi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mereka tidak bersifat patriotik.

Saya yakin bahawa mereka yang mencipta kekayaan melalui usaha, melalui kerja mereka, mereka amat sukar menghabiskan wang mereka di luar negeri ataupun memindahkan wang mereka ke luar negeri sebab tapak operasi mereka adalah di sini, sebab itulah kita harap kerajaan benar-benar serius menangani perkara ini untuk memulihkan keyakinan rakyat seluruhnya sekarang ini.

BPR mestilah diberi peranan sehabis-habis baik dan tidak ada gangguan langsung dari golongan atasan, misalnya seorang Menteri Besar, Menteri Besar Perlis mengumumkan, rakannya mengumumkan dalam Dewan Undangan Negeri, Menteri Besar itu tidak mengambil sebarang elaun. Sudah tentulah ia menjadi bahan renungan rakyat di Perlis dan seluruh Malaysia bagaimana tidak mengambil elaun tetapi boleh hidup dalam keadaan yang cukup mewah, ada bot mewah, ada kereta mewah, rumah mewah dan jet ski dan sebagainya. Menjadi tanda tanya kepada kita terutama sekali dalam keadaan sekarang ini

kita lihat harga beras hendak dinaikkan, potongan terhadap padi dari 12 kilogram hendak dinaikkan sehingga dalam lingkungan 20 kilogram dan semata-mata kita tahu Menteri Besar Perlis ada kepentingan dalam Bernas dan sebagainya, sebab itulah kita mahu BPR menyiasat sungguh-sungguh kalau seseorang itu mengumumkan dia tidak mengambil sebarang elaun tetapi hidupnya dalam keadaan yang cukup luxury.

Menteri Besar Kelantan membuat potongan 40% tetapi hidupnya kita lihat dalam keadaan yang cukup sederhana, padanlah dengan dia memotong sebanyak itu dan kita harap supaya pengumuman yang dibuat dalam masa begini jangan menimbulkan tertawa orang bila orang melihat ataupun orang ramai menilai sesuatu perkara.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kita dicadangkan untuk menimbulkan keyakinan mengurangkan wang mengalir keluar, kita hendaklah memakai barang-barang tempatan, saya cadangkan supaya sekali sekala Kementerian Kewangan membuat sport check kepada Ahli-ahli Parlimen ini. Lihat, tali leher mereka, lihat coat mereka, lihat kasut mereka, lihat setokin mereka, saya yakin kadangkalanya hampir 100% dari Itali atau England, boleh buat sport check. Jadi, kadangkala kita bercakap hanya untuk menyedapkan rakyat untuk menyokong tetapi tindakan sebenarnya kalau kita buat sport check, Kementerian Kewangan boleh buat sport check, boleh melihat bagaimana setiap individu itu mengamalkan apa yang dicakapkan.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga saham dalam keadaan yang kita lihat sekarang begitu muram dan hari ini warta berita ataupun Laporan Saham

pada pukul 5.00 tadi meningkat sedikit dan beratus-ratus kaunter telah mula mencapai keuntungan. Keyakinan ini kita harap jangan dijejaskan lagi, kita amat menyayat hati terutama ketika negara sedang mewah, dalam Parlimen ini kita menegur bagaimana pembahagian saham dibuat, anak menteri, adik menteri, ipar menteri diberi saham berjuta-juta Ringgit dan membuat keuntungan yang begitu dahsyat.

Sekarang bila saham merosot barulah dicari koperasi-koperasi, dia menelefon koperasi-koperasi tertentu untuk membeli saham. Rakyat menyayat hati perkara ini dan bila keadaan terjadi begini, barulah minta rakyat menyokong dan memberi kerjasama. Kita sedia memberi kerjasama tetapi soal menyayat hati kami itu mesti juga diselesaikan. Kita tidak mahu bila saham pulih, rakyat bersatu menyokong, bila sudah pulih nanti semuanya, perangai lama kembali lagi, 'pink form' diedarkan menjelang Perhimpunan Agung UMNO. Saham Petronas Dagang misalnya diedarkan menjelang pertandingan untuk menumbangkan Tun Ghafar Baba dahulu, begitulah juga kita lihat bagaimana adik, anak, pupu, poyang dapat saham-saham yang begitu hebat, yang membuat keuntungan dan menjadi instant millionaire dan mereka inilah yang bila menjadi instant millionaire inilah yang kita lihat tidak taat ataupun yang dikritik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mereka inilah yang memindahkan wang mereka ke luar negeri. Bagi kami, kami hendak pindah macam mana, duit pun tak ada! Jadi, kita patriotik yang sebenar dalam masalah ini.

Begitulah juga kita harap sungguh-sungguh supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dalam satu-satu perkara mesti berbincang terlebih dahulu. Kami dari pembangkang bila membuat satu perkara, tegur satu perkara tidak sangat diambil perhatian tetapi pihak pemerintah mesti menjaga perkara seperti ini. Misalnya kira-kira empat hari yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan projek RM11,000 juta jambatan darat hubungan Langkawi dan Thailand akan diteruskan, satu hari kemudiannya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengumumkan projek itu akan dibatalkan. Bagi orang layman sekarang dia hendak percaya kepada siapa? Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Menteri Kewangan, sehari sudah berubah dan kami Ahli-ahli Parlimen pula terpinga-pinga, apa dia projek RM11 bilion itu, tidak diumumkan dalam Parlimen dan tidak tahu secara detail projek itu, kalau ianya berfaedah kita akan sokong, kalau ianya merugikan kita akan tentang. Tetapi kita tidak tahu, hanya kita dengar dalam akhbar iaitulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan ia akan diteruskan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan ia akan ditangguhkan.

Jadi, ini yang menyebabkan golongan pelabur-pelabur tempatan dan luar negeri perhati perkara seperti ini dan kita harap perkara-perkara seperti ini diambil perhatian serius supaya dalam keadaan negara sebegini rupa, orang-orang besar khasnya orang nombor satu, dan nombor dua dan mereka yang penting itu tidak bercakap mengikut sedap dan mereka hendaklah berunding

terlebih dahulu, sebaik-baiknya adalah keputusan Kabinet iaitu hasil dari mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kita harap projek yang besar ini, kita melihat bila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengumumkan sebahagian dari projek besar akan ditangguhkan, kita lihat saham meningkat sedikit, tetapi bila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan projek besar RM11 bilion itu akan diteruskan, saham jatuh menjunam kembali sehingga Ringgit Malaysia mencecah RM3.80 untuk US\$1. Ini satu kejatuhan yang cukup dahsyat, bahkan orang yang baru balik umrah mengatakan duit kita sekarang ini tak laku atau setengah-setengah money changer di Mekah tak mahu menerima duit kita sekarang, dia hanya mahu duit Dollar, sebab mereka tukar di bawah dari RM90 untuk 100 Rial Arab Saudi yang empat bulan dahulu mereka ke Mekah mengerjakan umrah, mereka tukar di sekitar 145 Rial untuk 100 Ringgit Saudi. Boleh tukar tak apa, tetapi ada money changer yang tidak mahu menerima wang Malaysia. Ini kita lihat satu pukulan yang hebat kepada kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek besar yang kita nampak pulangan faedah ekonomi dengan segera kepada kerajaan atau kepada rakyat perlu terus dihentikan bukan ditangguhkan. Misalnya projek lapangan terbang di Kuala Muda, Kedah yang dianggap yang kedua termahal dalam dunia, sebab hendak dibuat dalam laut, apa perlunya lapangan terbang itu, sekarang hanya ditangguh, sedangkan kita mahu ianya dibatalkan terus, sebab kita sudah ada Lapangan Terbang Bayan Lepas, Langkawi, kalau jadi pula di Kuala Muda,

Kedah dalam 50 kilometer persegi kita ada tiga lapangan terbang antarabangsa, kita memegang rekod dunia dalam hal lapangan terbang bertaraf antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sebab Malaysia ini suka cari nama, hendak buat ketupat besar, bendera besar, bangunan tinggi besar, sekarang kerugian besar.

*[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kita janganlah sampai ke peringkat melutut kepada IMF. Dalam perkara ini saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau boleh mencari jalan kita tidak menerima bantuan dari IMF sebab IMF ada dasar-dasarnya yang tertentu. Mungkin kalau mereka datang mereka menyarankan supaya beberapa buah bank akan ditutup. Bank-bank di Malaysia menjalankan dua peranan. Yang pertama, peranan perniagaan, yang kedua mendokong dasar-dasar kerajaan. Kalau IMF masuk misalnya barangkali mereka akan mengarahkan bank-bank menjalankan perniagaan dalam bentuk meritokrasi. Bila dalam bentuk meritokrasi sudah tentulah dasar-dasar kerajaan untuk memberi keadilan sosial kepada rakyat Malaysia mungkin tidak boleh dijalankan. Sebab itulah langkah kerajaan kalau boleh sampai tidak perlu bantuan IMF ini kita alu-alukan dan kalau IMF masuk sudah tentulah dasar-dasar mereka akan terpaksa kita terima maka kita bimbang dasar sosial negara yang dilagang oleh kerajaan selama ini tak dapat diikuti, tak dapat dipenuhi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu kita harap sungguh-sungguh pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri/Menteri Kewangan tadi akan menjadi kenyataan dengan tauladan yang diambil oleh

orang-orang atasan terlebih dahulu dan rakyat melihat. Memang rakyat terkejut misalnya dalam suasana kenaikan harga barang sudah berlaku di Felda 30%, tiba-tiba dikejutkan dengan baiki rumah RM5 juta oleh Menteri Besar Selangor. Walaupun hujah Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor mengatakan RM5 juta itu sedikit, hanya 2.5% daripada pendapatan negeri Selangor, itu hujah terlalu dangkal. Kalau begitulah maka Bill Clinton berhak memperbaiki rumahnya sehingga ribu juta kerana pendapatan Amerika Syarikat begitu besar. Hujah-hujah seperti itu, hujah bodek mungkin untuk kekalkan jadi calon dalam pilihan raya yang akan datang.

Kita harap serius perkara ini iaitu kerajaan mesti menunjukkan contoh yang baik dan kami akan menyokong kalau benar-benar ia dibuat untuk memulihkan ekonomi sebab ekonomi runtuh, jatuh tidak siapa suka. Kita dari pembangkang pun terlibat dalam masalah ini sebab kita rakyat Malaysia menanggung semua penderitaan yang berlaku sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sekian dalam hujah saya Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1997.

**Tuan Yang di-Pertua:** Balik Pulau.

**6.50 ptg.**

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1997. Jalan yang ada pada negara sekarang ini untuk mengelak daripada pergi kepada IMF selaku dengan izin, lender of last resort adalah untuk kita melakukan apa jua langkah yang mungkin

dilakukan oleh IMF tanpa kita menyerah pengurusan sistem kewangan dan juga ekonomi negara kita kepada IMF.

Dengan yang demikian kita boleh mengekalkan savoureignty negara ini tetapi di dalam masa yang sama kita boleh melakukan tindakan yang boleh membaikpulih keadaan pasaran kewangan, pasaran hartanah, pasaran saham dan keseluruhannya ekonomi negara kita.

Jadi, strategi yang telah diambil oleh kerajaan yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat dan juga sekejap tadi adalah kita alu-alukan kerana ia merupakan antara langkah yang kalau kita fikir langkah yang mungkin akan dikenakan oleh IMF, kalau pada ketika ini kita pergi kepada IMF. Jadi, langkah-langkah seperti untuk mengembalikan keyakinan dalam pasaran dan memastikan bahawa Rule of Law mesti dipakai. Kalaulah di dalam negara ini tidak ada keyakinan bahawa Rule of Law, kedaulatan undang-undang itu didukung khususnya di dalam pasaran saham dan lain-lain kegiatan ekonomi, maka perkara yang tersebut tidak akan menimbulkan keyakinan untuk mereka hendak melabur dalam negara kita ini bukan sahaja daripada pelabur dari luar negara tetapi juga pelabur-pelabur dari dalam negara sendiri.

Apa yang berlaku dalam dua minggu yang lepas dalam pasaran saham adalah perkara yang mendukacitakan kerana ianya menjejaskan prinsip kedaulatan undang-undang yang saya katakan tadi. Apa yang berlaku telah menunjukkan bahawa prinsip Rule of Law ini tidak dikenakan dengan sama rata. Prinsip Rule of Law ini yang sepatutnya melindungi kepentingan minoriti

dalam pasaran saham telah diketepikan untuk kepentingan mereka yang majoriti.

Usaha yang dibentangkan yang menyentuh tentang pasaran hartanah, yang menyentuh tentang concentration of kuasa pasaran dalam industri yang tertentu, yang menyentuh tentang dasar penswastaaan, yang menyentuh tentang kita harus kekal dengan keterbukaan ekonomi negara kita adalah isu-isu yang mengakui antara lain ini adalah merupakan kelemahan structural yang ada pada ekonomi negara kita.

Soal inflasi aset dari pasaran hartanah ini adalah satu soal yang telah dibangkitkan di dalam Dewan ini bukan sahaja tahun ini tetapi beberapa tahun yang lampau, bagi saya misalnya dari tahun 1995 lagi kita telah bangkitkan peri pentingnya kita memberi perhatian kepada soal inflasi aset dalam pasaran hartanah ini dan kita kluatir pada ketika itu bahawa inflasi aset dalam pasaran hartanah ini akan mempunyai rangkaian yang sistematik kepada pasaran saham dan seterusnya keseluruhan kegiatan spekulasi dalam kedua-dua pasaran ini yang saling berkait akan menjejaskan keutuhan sistem perbankan dan juga keseluruhan sistem kewangan dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi manusia selalunya mempunyai ingatan yang singkat, kita selalu lupa bahawa benda yang berlaku di masa lampau, kita tidak mengambil pengajaran dan apabila perkara itu terjadi sekali lagi maka kita terdongak dan teringat sekali, lepas itu kalau benda sudah elok balik, jadi kita terlupa. Jadi, sifat manusia yang mudah lupa itu menghukum manusia untuk mengulangi setiap tempoh waktu kesalahan yang sama.

Jadi, kita rasakan bahawa fenomena yang terjadi pada akhir kitaran hartanah yang lepas pada tahun 1984 dan 1985 telah berulang kembali pada tahun 1997. Saya ingin menegur mereka yang memperkatakan bahawa mereka boleh panjangkan kitaran hartanah ini. Ada orang apabila kita menegur tentang inflasi aset ini dan bahayanya yang kita semua tahu bahayanya dan kaitannya dan kesannya bagaimana ia boleh memperkenalkan sejenis distortion dalam ekonomi kita ini dan distortion itu menyebabkan keputusan yang dibuat pun adalah juga distorted dan juga menyebabkan agihan sumber dalam negara kita ini pun jadi distorted, semuanya pergi kepada sektor yang kurang produktif seperti sektor hartanah dan kita dapati bahawa sistem perbankan juga menyokong usaha ini dengan pertumbuhan kredit yang begitu tinggi hampir-hampir 30% dalam dua, tiga tahun yang lepas.

Tetapi apabila ditegur setengah orang memperkatakan bahawa itu semua adalah merupakan teori sahaja ataupun itu benda yang lampau, tetapi kita boleh melakukan sesuatu untuk memperpanjangkan tempoh kitaran itu.

Jadi, ada perkara yang kita boleh berhujah untuk orang kata melawani status quo ataupun konvensyen yang ada tetapi ada perkara kita kena ambil pengajaran dan betul-betul memahami apa benda yang kita hendak kata ini. Jadi, bagi saya dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, padless of prosperity ini yang pergi jual konsert-konsert mewah, hendak buat yang itu, hendak buat yang ini dalam pada kita menunjukkan bahawa adalah merbahaya untuk negara membuat komitmen secara agregat dalam perkara macam ini mereka

mengatakan itu merupakan pemikiran yang dangkal, pemikiran yang tidak ada business oriented dan sebagainya.

Jadi, hari ini kita lihat bahawa benda itu yang kita tegur bukanlah benda yang memerlukan pemikiran yang tajam sangat tetapi benda ini adalah benda-benda yang kita boleh belajar dari masa-masa yang lampau. Maka hari ini kita lihat sekarang ini kita berdepan dengan masalah pada saya, masalah yang paling besar sekarang ialah bagaimana kita hendak memastikan bahawa kesan penguncupan nilai hartanah ini dapat kita tangani sekarang ini.

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan atau Kementerian Kewangan dan juga kementerian-kementerian lain yang terlibat cuba memikirkan dalam keadaan kita sekarang ini selain dari kita melakukan usaha jangka pendek untuk memastikan supaya kecairan ataupun pertumbuhan kredit ke arah sektor hartanah ini dikuncupkan dan dikawal, kita juga hendaklah melihat semula keseluruhan industri pembangunan dan hartanah ini. Mungkin tiba masanya kita lihat kembali Housing Developers Act dan mengenakan sekatan-sekatan yang tertentu dan memastikan bahawa industri hartanah atau pembangunan ini dilakukan dengan secara yang sistematik.

Dalam empat, lima tahun yang lepas siapa sahaja yang ada sebidang tanah boleh jadi developer dan orang melakukan pelbagai jenis spekulasi untuk menjana kekayaan melalui usaha ini dan saya pernah berkata bahawa kesan kepada keseimbangan ataupun agihan pendapatan dari distortion yang dikemukakan oleh usaha spekulasi dalam sektor hartanah ini adalah begitu teruk kerana selain dari menimbulkan ketidakstabilan dalam sistem kewangan,

ianya juga menjauhkan jurang kekayaan di antara mereka yang ada kemampuan untuk beli hartanah dengan mereka yang tidak ada kemampuan untuk beli hartanah.

Tuan Yang di-Pertua, sama besarlah kalau hendak kita kira dosa mereka yang melibatkan diri dalam usaha spekulasi hartanah dalam lima, enam tahun yang lepas dengan usaha spekulasi yang dilakukan oleh George Soros dan rakan-rakannya dalam menjatuhkan nilai Ringgit, ia tidak ada beza, cuma Soros dan kawan-kawannya melakukan spekulasi ke atas Ringgit kerana yang itu kerjanya dan menjatuhkan nilai Ringgit. Tetapi mereka yang melakukan dan menyokong usaha spekulasi dalam pasaran hartanah dan disokong pula oleh sistem kewangan dalam negara kita ini, dosanya lebih kurang sama banyak dan kesannya yang diakibatkan oleh usaha tersebut adalah sama teruk. Malah kita boleh katakan bahawa yang membuka pintu kelemahan kepada boleh orang seperti Soros ini melakukan spekulasi ialah orang-orang di dalam negara kita sendiri yang melakukan spekulasi dalam pasaran hartanah yang menimbulkan ketidakstabilan di dalam sistem perbankan di dalam negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, sekarang ini izinkan saya, thinking allowed tentang hal ini, yang kita penting sekarang ini ialah keutuhan, kekuatan untuk sistem perbankan dan juga sistem kewangan negara kita hari ini. Usaha kerajaan untuk menggalakkan bank-bank ataupun institusi kewangan untuk bergabung, untuk menjadikan bank-bank kita ini lebih kukuh kedudukan kewangannya dan lebih profesional pengurusannya telah kerajaan umumkan

sudah berapa tahun, tetapi setakat yang kita tahu walaupun tadi Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan ada mengatakan bahawa ada usaha penggabungan ini telah berada pada peringkat yang akhir, dua, tiga bank, saya tidak tahu tetapi jelas kita nampak bahawa walaupun merupakan dasar kerajaan untuk tidak memberi lesen baru kepada bank dan dasar kerajaan untuk menggalakkan bank-bank ini bergabung tetapi penjelmaan dari dasar tersebut tidak ada.

Jadi, kita tahu juga bahawa dalam tempoh hanya beberapa tahun lagi, tiga ataupun lima tahun sahaja lagi kita kena berdepan dengan proses untuk kita meliberalisasikan sektor perkhidmatan kewangan dalam negara kita hari ini. Jadi, izinkan saya lontarkan satu cadangan mungkin pihak kementerian boleh memberi jawapan kepada cadangan ini ialah kenapa tidak kita dalam pada kita menyelamatkan sistem kewangan, sistem perbankan dalam negara kita ini, kita meliberalisasikan sektor perkhidmatan kewangan negara kita awal dari yang kita perlu, tetapi dengan secara yang agak terkawal sedikit bukan liberalisation yang total sekali gus, maka kita boleh memastikan bahawa kepakaran pengurusan dan juga dana dari luar negara boleh masuk ke dalam negara kita ini untuk menyokong beberapa institusi kewangan dalam negara kita ini yang berada dalam kedudukan yang tenat tanpa, saya cuma berfikir kalau kita kemungkinan hendak kena buat satu benda tetapi kita tangguh lebih baik kita buat benda itu sekarang ini dalam keadaan yang kita ada sekarang ini, kita memang pun kena meliberalisasikan sektor perkhidmatan kewangan kita, jadi mungkin sekarang ini satu dari kaedah yang perlu kita fikir untuk kita

selamatkan, kukuhkan sistem kewangan perbankan kita ialah untuk kita membuka pintu untuk membenarkan penglibatan luar dalam sistem kewangan kita yang lebih meluas dari apa yang ada sekarang ini.

Dengan itu juga kita mengharap bahawa kepakaran pengurusan yang akan masuk sekali dengan proses liberalisation ini akan mengukuhkan lagi pengurusan aggregate sektor perkhidmatan kewangan ini dan kita rasa bahawa dengan adanya suntikan kepakaran dan juga dana ini proses liberalisasi sektor ini akan juga memberi manfaat kepada usahawan ataupun syarikat-syarikat, firma-firma dalam negara kita ini kerana kesan dari proses liberalisation ini ialah kos perkhidmatan kewangan untuk firma-firma dalam negara kita ini akan menurun dan ini akan membantu firma-firma dalam negara kita ini dalam keadaan kita yang agak tenat sekarang ini dan sekali gus menjadikan Malaysia satu tempat yang mana dari segi pengurusan sistem kewangannya adalah baik, jangan pula orang mentafsirkan bahawa saya memandang rendah sistem kewangan kita dan juga peranan yang telah dilakukan oleh Bank Negara. Sebenarnya berbanding dengan negara-negara yang lain di rantau ini memang sistem perbankan kita adalah di antara yang terbaik dan sistem pengawalan yang dilakukan oleh Bank Negara adalah baik tetapi ianya boleh diperbaiki lagi dan kita yakin bahawa proses meliberalisasikan sektor ini akan mendatangkan manfaat jangka panjang dan sekali gus menyumbang ke arah untuk menyelamatkan atau memperkukuhkan sistem institusi kewangan dalam negara kita.

Satu usaha lagi yang saya alu-alukan ialah kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan bahawa kita tidak akan mengenakan sekatan-sekatan ataupun perundangan untuk mengawal harga sama ada ianya dalam pasaran mata wang ataupun sebagainya. Soal kita mengawal harga barangan perlu yang dikeluarkan di dalam negara kita seperti minyak masak dan sebagainya, itu kita faham tetapi yang saya maksudkan ialah dalam keadaan kita tenat begini, kita berasa gembira bahawa kerajaan mengambil sikap bahawa kita masih lagi mahu bergantung kepada mekanisme pasaran untuk menentukan harga pada umumnya. Maknanya kita masih lagi menerima sebagai satu hakikat bahawa kita adalah sebuah negara pedagang dan kita mesti bersaing dan berdagang dengan negara-negara lain berdasarkan mekanisme dan juga sistem pasaran yang ada.

Kita tidak boleh terlalu senang dalam keadaan kita tengah teruk ini, terlalu senang untuk kita masuk dalam tempurung, kita menyorok dalam siput kita dan hendak memperbetulkan masalah kita dalam negeri. Kita senang dalam keadaan yang tenat ini orang jual mesej, kita jadi macam Burmahkah, kita tutup sekejap negara kita ini dan kita perbetulkan masalah itu sesama kita di dalam negeri kita ini. Ini adalah satu yang merbahaya dan kita berasa gembira bahawa polisi kerajaan adalah bertentangan dengan ini. Polisinya ialah bukan kita hendak pergi kepada apa yang diistilahkan dalam perdagangan antarabangsa kepada 'otaki' tetapi kepada keterbukaan seperti yang ada sekarang bahawa kita mesti bersaing dengan mengubah agihan sumber yang ada dalam negara kita ini, melakukan pelaburan dalam sektor-sektor yang lebih

mendatangkan manfaat, menggunakan pelaburan dengan tahap kecekapan yang lebih dan sebagainya dan bersaing di pasaran dunia untuk kita menjana pertumbuhan di masa depan.

Adalah terlalu senang dan terlalu mudah untuk mengatakan sekarang ini kita jual banyak ke luar dan kita jangan beli banyak daripada luar. Memang itu sebagai satu langkah untuk jimat cermat. Memang kita sepatutnyalah jangan import banyak dan kita cuba seberapa daya mungkin untuk eksport sebanyak mungkin, tetapi itu kalau kita cakap macam biasa untuk menggalakkan rakyat berjimat cermat, yang itu betul tetapi sebagai dasar perdagangan antarabangsa, dasar ekonomi negara, kita kena berhati-hati kerana kita masih lagi kena berpegang kepada konsep comparative advantage. Maksudnya, yang mana kita beli lebih murah di luar, kita kena beli di luar. Tetapi sekarang ini oleh sebab Ringgit sudah jadi begitu rendah, jadi dengan tersendirinya mungkin kejatuhan Ringgit itu menjadi satu disincentive untuk kita membeli daripada luar tetapi mungkin ada benda yang murah kita beli daripada luar yang mana benda yang kita patut ada saingan dari segi kelebihan yang ada pada negara kita untuk dilakukan sesuatu, yang itu kita kena tumpukan.

Jadi, satu lagi perkara yang mungkin juga boleh pertimbangkan oleh kementerian ialah kita janganlah pergi masuk dalam industri yang memerlukan pelaburan yang begitu besar, yang memerlukan modal yang banyak, memerlukan kepakaran yang kita tidak ada tetapi kita target industri itu untuk menjadikan industri itu sebagai satu sektor untuk Malaysia menjadi pengeksport dalam industri itu.

Jadi, pendekatan macam ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau berjaya pun dia sangat mahal. Misalnya saya ambil contoh, tidak ada dalam 10 tahun yang lepas ini ada satu kelompok dalam bidang ekonomi yang memanggil diri mereka 'strategic traders', mereka tidak percaya bahawa negara harus berdagang, menjual dalam benda yang dia lebih baik daripada orang lain dan membeli daripada negara yang buat benda itu lebih baik daripada dia, tetapi mereka percaya bahawa kerajaan boleh mengenal pasti sektor-sektor ataupun industri yang tertentu di mana negara itu hendak jadi pengeksport dan kerajaan target sektor itu dan promote sektor itu dan negara itu boleh jadi maju dalam sektor itu. Ini satu kepercayaan ataupun satu mazhab dalam pemikiran ekonomi yang saya tidak setuju, yang kadang-kadang saya nampak kerajaan agak terpengaruh dengan kefahaman yang semacam ini. Jadi kadang-kadang kita hendak buat composite research misalnya. Kerajaan hendak masuk dalam composite research technology, satu bidang yang kita tidak punya kepakaran, satu bidang yang mana persaingannya adalah begitu tinggi dengan negara-negara lain, satu bidang di mana kita tidak ada langsung kelebihan perbandingan dengan negara-negara lain dan satu bidang yang mana memerlukan pelaburan yang cukup besar. Jadi kita kena tanya benda macam ini adakah kita perlu buat.

Saya mungkin juga hendak kementerian untuk tujuan perbincangan, cuba fikirkan adakah buat trak adalah satu usaha yang patut kita ceburkan diri? Adakah ini satu usaha yang boleh kita lakukan dengan jayanya? Adakah ini merupakan sesuatu yang cukup mahal untuk kita libatkan diri dalam kegiatan

ini. Apa yang saya tahu dalam strategic trade ini yang berjaya mungkin tidak berjaya lagi, tidak ada satu industri, tidak ada satu sektor dalam mana-mana negara yang mana kerajaan menentukan sektor atau industri itu dia hendak jadi pesaing yang terbaik di pasaran dunia dia berjaya. Yang ada sedikit bukti, yang lain semua lingkup, yang ada sedikit pun Air Bus Industry di Eropah yang diwujudkan untuk bersaing dengan Boeing di Amerika Syarikat. Maka kerajaan tiga buah negara menyokong industri itu macam hendak gila, tetapi sehingga hari ini kita tidak boleh mengatakan Air Bus itu telah berjaya dalam bersaing dengan Boeing.

Jadi kita di Malaysia ini pun jangan terbawa-bawa kita kata hendak buat industri ini, sebab industri ini nampak macam glamour sedikit, macam canggih kita hendak buat, selepas itu kita labur banyak duit, orang pun tak ada, kepakaran pun tak ada, modal tinggi, lepas itu kita ingat kita hendak jadi antara yang terbaik dalam dunia dalam bidang itu dan mengharapkan bahawa bidang itu akan menjadi penyumbang kepada eksport dalam negara kita. Pendekatan yang sedemikian rupa adalah bertentangan dengan hukum dan juga hukum ekonomi. Ia tidak akan berjaya. Kalaupun ia boleh berjaya, ia adalah mahal untuk dijayakan. Jadi, ini juga harus difikirkan oleh kementerian dan kerajaan dalam keadaan kita hari ini. Mungkin ada penyesuaian sedikit dalam kita hendak promote pembangunan sektor-sektor tertentu dalam industri negara kita.

Cuba perbetulkan sektor yang mana kita memang lebih baik daripada orang lain. Ada beberapa sektor, dalam pertanian misalnya, yang kita memang lebih baik daripada orang lain tetapi kita biarkan sektor yang tersebut. Pada

satu ketika kita adalah merupakan pengeluar getah, timah dan bijih yang terbesar dalam dunia tetapi kita tinggalkan sektor itu yang mana kita mempunyai kepakaran yang terbaik dalam dunia dari segi pengeluaran dan juga perdagangannya. Tetapi saya bukan hendak kata kita hendak teruskan sektor itu dari segi pengeluaran, hendak production site, tetapi kita sepatutnya sekarang ini 'by-right' menjadi trading centre untuk tin yang terbesar di dunia walaupun kita tidak lagi mengeluarkan tin, tetapi pasaran tin yang terbesar ialah di London Metal Exchange. Walaupun Singapura tidak mempunyai sebatang pun pokok getah tetapi ia adalah merupakan pasaran getah asli dunia, itu kita sudah terlepas. Jadi sekarang ini kita juga tidak akan dapat menahan kedudukan kita dari segi pengeluar minyak sawit yang terbesar di dunia tetapi kita juga kluatir bahawa KLSE juga tidak mampu akan menjadi pasaran untuk menentukan harga minyak sawit dalam dunia. Jadi, peluang-peluang dalam services sector ini, trading, futures market dan sebagainya yang berdasarkan komoditi-komoditi yang kita sendiri keluarkan dalam negara kita ini kita tidak bangunkan. Dalam pasaran komoditi Kuala Lumpur, tinggal kontrak CPO sahaja yang didagangkan, yang lain tidak ada kontrak yang didagangkan, koko pun sudah hendak mati, koko pun sudah tidak aktif, apa lagi yang ada - lada hitam pun tidak didagangkan secara futures dan sebagainya dan didagangkan secara fizikal. Jadi ini merupakan perkara-perkara yang patut kita fikirkan bagaimana kita hendak memperbetulkan hal-hal ini.

Banyak perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang telah dibangkitkan oleh ahli-ahli penyokong kerajaan sendiri dalam masa perbahasan tiap-tiap kali ada

belanjawan, kita duduk di sini bulan Oktober, berebut hendak bercakap, macam-macam ditimbulkan. Kadang-kadang kita rasa adakah benda yang kita kata ini ada impact atau tidak ada impact. Adakah cakap ini serupa macam tak bercakap ataupun bercakap sebab jangan orang kata tak bercakap. Jadi pendapat daripada penyokong kerajaan (backbenchers) ini perlulah juga diambil kira. Kita tidak mahu hanya frontbench ini bergantung kepada pegawai kerajaan (civil service) dan dipengaruhi semata-mata oleh orang yang dekat dengan mereka daripada sektor swasta. Akhirnya yang akan menggubalkan polisi adalah pengaruh-pengaruh ini melalui frontbench. Bila datang keadaan krisis macam sekarang ini, bila datang soal keyakinan, soal sokongan dan sebagainya kitalah yang kena beri sokongan. Ini yang ada berapa kerat dok tunggu lagi sampai pukul 7.00 malam ini, yang inilah kita beri sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soal NEAC. Soal NEAC ini yang telah diisytiharkan kewujudannya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, satu usaha oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menimbulkan keyakinan dan mewujudkan mungkin satu mekanisme untuk menguruskan krisis ekonomi ini. Ini juga saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk bertanya kepada kementerian apakah sebenarnya NEAC ini, apakah peranannya, di manakah kedudukannya, di manakah letak autoriti untuk mewujudkannya, kedudukannya vis-a-vis Parlimen dengan Kabinet macam mana, apakah kuasa eksekutif yang ada pada dia, adakah ianya hanya berfungsi sebagai satu badan penasihat? Perkara seperti ini hendaklah dijelaskan kerana penjelasan tentang NEAC ini juga boleh menyumbang kepada defisit maklumat

yang dikatakan tadi untuk menimbulkan keyakinan pada hari ini dalam pasaran mata wang ataupun juga dalam pasaran saham.

Jadi saya cuma hendak mengatakan bahawa NEAC ini kalau hendak diwujudkan sebagai satu badan advisory oleh kerajaan, maka kita setuju sangat bahawa ianya haruslah dari segi tertib autoritinya dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi kalau hendak bubuh orang dalam NEAC ini sebagai satu mekanisme untuk membekalkan pendapat dan cadangan dan bagaimana kita hendak mengatasi krisis dalam negara kita hari ini, kita tidak payah bubuh orang yang sama yang memang setakat ini mempengaruhi polisi. Kalau kita bubuh menteri Kabinet dalam NEAC, menteri Kabinet memang selama ini merupakan sebahagian daripada suara yang membentuk dasar. Kabinet sepatutnya duduk asing sedikit daripada NEAC ini, dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi ahlinya tidak patutlah datang daripada Kabinet sebab Kabinet pun merupakan suara-suara yang menyumbang kepada pembentukan dasar setakat ini. Maka tidak ada pembaharuan dari segi pendapat yang akan dikemukakan dan janganlah pula dimasukkan dalam NEAC ini mereka yang sekian lama ini juga telah mempengaruhi polisi. Kalau kita bubuh orang semua macam itu, tidak payah buat pun tidak apa, sebab dia tidak akan mewujudkan percambahan pendapat dan cadangan yang kita hendak dalam keadaan yang kritikal ini.

Saya bukanlah ada kuasa hendak lantik NEAC ini, tetapi saya sahaja hendak tanya kerajaan tentang apakah konsep dan mekanisme pelaksanaan kewujudan NEAC ini. Saya cuma kemukakan pendapat saya supaya kalau

betul-betul hendak ada alternative genuine view point tentang bagaimana untuk mengurus krisis ekonomi yang ada sekarang ini, kita hendaklah meletakkan ke dalam forum yang tersebut mereka yang selama ini tidak berkesempatan untuk memberi pendapat. Kalau kita letakkan mereka yang sudah memang selama ini dok beri nasihat, dia tidak payahlah duduk dalam itu sebab mungkin nasihat dialah selama itu atau kelompok itu yang menyebabkan kita duduk dalam keadaan hari ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, banyak cerita lain tetapi tekak saya sudah kering. Dengan kata-kata itu, saya benar-benarlah berharap semoga kita boleh mengatasi masalah ini. Saya yakin bahawa kalau kita mengambil langkah-langkah yang keras sedikit, seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, macam 'jadam' tetapi yang memang perlu kita buat, maka kita tidak akan perlu pergi melutut kepada IMF. Kita hendak mengelak sekarang ini daripada kita kena pergi to the lender of last resort dalam dunia ini ialah IMF. Jadi kalau kita sampai kepada satu tahap di mana kita kena pergi kepada dia, maka ia adalah sesuatu yang menjejaskan kedaulatan kita, bagi sayalah. Saya berasa sukacita bahawa ahli pembangkang sendiri merasakan bahawa terjejas kedaulatan kita kalau kita pergi kepada IMF. Kita hendak mengelak daripada kita pergi ke IMF. Tetapi kalau kita hendak mengelak daripada kita pergi ke IMF, kita hendaklah melakukan perkara-perkara yang boleh mengelak kita daripada pergi ke IMF. Oleh yang demikian, kita lakukan

langkah-langkah yang boleh menimbulkan keyakinan, umpamanya langkah-langkah yang akan diambil sendiri oleh IMF tetapi kita buat sendiri dan kita alu-alukan kenyataan dan juga langkah-langkah yang telah diumumkan oleh kerajaan dalam seminggu ini untuk mengatasi masalah ini. Saya doakan semoga kita boleh keluar daripada masalah ini kerana kita tidak ada kepuasan untuk melihat kita terus.....

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Libaran bangun.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Hendak habis pun. Okay.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat dari Balik Pulau. Pengumuman Menteri Kewangan sebentar tadi membuktikan kesungguhan beliau untuk menangani masalah kemelut ekonomi yang dihadapi oleh kerajaan. Cuma saya ingin pandangan Yang Berhormat dari Balik Pulau, seorang yang pintar dalam soal ekonomi, dalam segala tindakan yang diambil oleh kerajaan ini adakah kemungkinan bahawa kita akan memohon bantuan kepada IMF? Terima kasih.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Saya tengah dok fikir begitulah. Yang saya hendak cakap ini sebab kita hendak cuba elakkan pergi kepada IMF. IMF itu orang kata macam Bank Negara adalah lender of last resort untuk bank-bank dalam Malaysia, maka IMF merupakan lender of last resort untuk negara-negara dalam dunia, jadi bila sudah teruk kena pergi kepada dialah. Jadi kita tidak mahu pergi kepada dia. Kalau boleh, kita sebagai seorang yang

bangga tentang kedaulatan negara kita, seorang rakyat Malaysia yang bangga tentang siapa kita, tentang negara kita, kita tidak mahu pergi kepada IMF, kerana itu kita secara ikhlas merasakan bahawa ianya mencemar kedaulatan kita, ia mencemar sovereignty kita. Saya berdoa semoga kita tidak sampai kepada satu tahap di mana kita perlu pergi ke situ kerana sesungguhnya kalau kita pergi ke situ, saya tidak mahu speculate apa possibility kita pergi ke situ, tetapi kita tidak mahu pergi ke situ, Yang Berhormat, kalau boleh. Tetapi kalau tidak mahu pergi ke situ, kita kenalah lakukan, ambil tindakan-tindakan dan buat keputusan-keputusan yang boleh mengelak daripada kita pergi ke arah itu. Jadi kita rasa apa keputusan yang telah diambil dalam seminggu ini adalah merupakan langkah-langkah ke arah itu. Jadi sama-samalah kita menyumbang dan memikirkan bagaimana untuk kita atasi masalah ini. Ini masalah semua orang dan keadaan sekarang ini tidak boleh terlalu sensitif. Kalau saya cakap terlebih sedikit, saya tidak perlu minta maaf, saya rasa. Kalau saya duduk senyap pun buat apa, baiklah saya tidak duduk di sini.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Tuaran.

**7.23 mlm.**

**Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana diberi peluang untuk membahas Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1997.

Saya terlebih dahulu ingin merakamkan sokongan kita kepada pihak kerajaan khususnya segala pengumuman yang telah dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri petang tadi dan adalah diharapkan supaya dengan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan itu maka kita akan dapat terlepas daripada cengkaman masalah ekonomi yang melanda di negara kita sekarang ini. Kita haruslah menerima hakikat bahawa masalah ekonomi yang kita hadapi ini bukanlah satu masalah yang tertumpu kepada negara kita sahaja bahkan hampir semua atau sesungguhnya semua negara Asia sudah mula merasa tekanan ekonomi, termasuklah Jepun dan Korea. Adalah diramalkan bahawa negara China dan juga India akan menghadapi masalah yang sama tidak lama akan datang, walaupun ini mungkin hanya spekulatif tetapi ini menunjukkan bahawa ekonomi dunia sebenarnya sedang menghadapi satu perubahan yang besar. Jadi, adalah tepat bila kerajaan ataupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengambil langkah-langkah awal untuk menghadapi kemungkinan keadaan ekonomi akan lebih bertambah buruk.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang amat menyedihkan saya ialah pemotongan perbelanjaan daripada anggaran perbelanjaan tahun hadapan iaitu 18%. Ini adalah satu jumlah yang besar dan tidak boleh dipandang ringan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebentar tadi telah mengatakan bahawa pemotongan yang telah pun dikenal pasti ialah 10%

daripada perbelanjaan berulang ataupun yang tetap dan juga 8% kepada perbelanjaan yang selektif. Kalau kita tengok perkembangan ekonomi kita di masa-masa yang lalu, saya rasa walaupun pertumbuhan ekonomi kita ialah di sekitar 8% beberapa tahun yang lalu tetapi ianya tidak sebegitu besar jika dibandingkan dengan pemotongan perbelanjaan tahun hadapan yang begitu mendadak dan sudah tentu ini akan mengakibatkan banyak projek akan ditangguhkan ataupun mungkin dilupakan langsung sama sekali.

Apa yang saya ingin harapkan di sini ialah supaya pihak kerajaan di dalam menjalankan pengubahsuaian dasar perbelanjaan ini kelak ialah agar pembangunan luar bandar haruslah diutamakan dan diteruskan supaya rakyat luar bandar yang tidak pernah menikmati atau mengecapi nikmat kemajuan negara semasa kemajuan ekonomi negara memuncak dan kini pula mungkin mereka kalau kerajaan tidak berhati-hati akan lebih tertekan.

Di dalam konteks ini, saya harap pihak kerajaan tidak akan mengenakan pemotongan untuk pembangunan sekolah ataupun prasarana sekolah, hospital dan juga jalan raya di luar bandar dan bekalan elektrik. Ini kerana mereka di luar bandar sangat memerlukan ini semua oleh kerana untuk mengejar kemajuan semuanya itu amatlah penting untuk rakyat luar bandar. Bagi rakyat di bandar sekarang, mereka mengeluh oleh kerana kejatuhan nilai Ringgit dan juga kejatuhan harga saham di bursa saham. Tetapi bagi rakyat di luar bandar, masalah yang mereka amat risaukan sekarang ialah tentang kenaikan harga barangan keperluan kehidupan seharian yang mungkin akan berlaku mulai tahun hadapan.

Jadi, saya harap di dalam perkara ini walaupun saya sedar bahawa kerajaan sangat prihatin untuk mengawal harga barang-barang keperluan tetapi adalah amat penting supaya dasar itu dilaksanakan dengan secara praktikal, bukan secara hanya kepada teori sahaja. Dalam erti kata yang lain, penguatkuasaan hendaklah diperketatkan supaya benar-benar tidak ada pihak yang mengambil kesempatan di dalam menaikkan harga barangan yang diperlukan oleh rakyat di masa-masa kesusahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya ingin sentuh di sini ialah mengenai peranan kakitangan kerajaan di dalam menangani masalah ekonomi negara. Pada pendapat saya kakitangan kerajaan mempunyai peranan penting untuk membantu kerajaan oleh kerana mereka ini adalah yang menganalisa tentang statistik ekonomi kita, bukan sahaja dalam negara tetapi apa yang berlaku di luar negara. Untuk maksud ini, saya harap supaya mereka yang diberi tanggungjawab sebagai pakar, misalnya pakar ekonomi haruslah memberi fakta-fakta yang benar dan jangan takut memberi gambaran yang sebenar dan kemungkinan yang sebenar, oleh kerana kalau kita takut memberitahu kepada menteri bahawa kalau kita lakukan seperti ini, kesudahannya begini.

Kalau kita sudah beri pandangan itu, namun pihak Kabinet melakukan juga, maka Kabinetlah yang bertanggungjawab. Tetapi kalau pihak kakitangan kerajaan sambil lewa, tidak memberi gambaran kemungkinan yang sebenar, membiarkan segala fakta yang tidak disampaikan kepada Kabinet dan Kabinet membuat keputusan berasaskan andaian mereka sendiri, maka saya rasa

kakitangan dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan sudah gagal di dalam tugas mereka sebagai kakitangan kerajaan.

Dalam konteks ini, saya harap seperti yang diperkatakan oleh ahli dari Balik Pulau, pihak Kabinet janganlah terpengaruh sangat dengan nasihat-nasihat yang diajukan. Sepatutnya kalau kurang yakin dengan cadangan yang diajukan dalam pelaksanaan sesuatu projek atau cadangan projek, haruslah mengambil second opinion daripada independent body supaya kita boleh compare oleh kerana mungkin cadangan yang pertama itu, seperti yang telah dikatakan oleh ahli dari Balik Pulau, dipengaruhi unsur-unsur kepentingan diri sendiri, maka dipost through to the minister concern untuk dibawa kepada Kabinet dan diluluskan pada hal mungkin akibatnya sudah diketahui, tetapi ada orang yang mempunyai kepentingan untuk melaksanakan projek itu, tidak kira akibatnya kepada ekonomi negara. Jadi saya rasa kalau itulah yang akan berlaku, saya fikir malang bagi kita di dalam negara ini.

Satu lagi perkara ialah tentang peranan kerajaan negeri masing-masing di dalam menangani masalah ekonomi. Kita harus mengingati bahawa kerajaan kita ialah berunsurkan kerajaan persekutuan di mana semua negeri dalam persekutuan mempunyai peranan yang penting dalam segi ekonomi membentuk keutuhan dan kekuatan ekonomi kita. Kalau semua negeri memainkan peranan untuk memperkukuhkan economy fundamental, dengan izin, maka kukuhlah ekonomi kita. Tetapi kalau ada negeri-negeri yang ada di dalam Malaysia ini hanya mahu bergantung kepada kekuatan ekonomi persekutuan, saya rasa itu satu prinsip yang tidak boleh diterima oleh kerana kekuatan ekonomi ataupun

asas ekonomi negara ialah berasaskan kekuatan economy fundamental di setiap negeri di dalam Malaysia ini.

Di dalam konteks ini, saya ambil contoh di negeri Sabah. Saya tidak dapat lepaskan mengambil contoh di negeri Sabah ini di mana Belanjawan yang dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri yang lalu seolah-olah banyak faktor ekonomi yang ditapukkan ataupun disembunyikan. Saya memerhati di dalam Dewan itu bila sahaja ada ahli daripada mana-mana pihak mahu berucap, terus ditengking oleh pihak The Chair, dengan izin. Di dalam hal yang demikian, maka teguran-teguran tidak dapat dilakukan. Ini satu contoh di mana pihak kerajaan negeri tidak mahu sesuatu itu diketengahkan.

Saya percaya bahawa sebenarnya kadangkala kerajaan negeri juga terpengaruh dengan apa yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan terutamanya di dalam pembangunan hartanah. Walaupun tidak ada pasaran tetapi asalkan pihak bank sanggup untuk memberi pinjaman, maka pembangunan itu tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan tetapi belum tahu ada pembeli atau tidak, demikianlah di Sabah sekarang ini. Inilah semuanya yang akan mengakibatkan ataupun merosakkan economy fundamental, dengan izin.

Lebih teruk di Sabah, Tuan Yang di-Pertua, ialah kerajaan negeri bukan mencari sumber kewangan untuk membiayai perbelanjaan negeri yang baru tetapi menjual semua harta negeri Sabah yang seharusnya menjadi sumber yang berkekalan sebagai sumber kewangan negeri, tetapi semuanya mahu dijual.

Saya ambil sedikit contoh. Misalnya Sabah Cement Industry boleh mendatangkan keuntungan tiap-tiap tahun. Banyak lagi yang sebenarnya

menyumbangkan kepada kewangan negeri, tetapi the leaders, dengan izin, hanya berfikir untuk kepentingan hari ini, tidak berfikir tentang kepentingan negeri dan negara hari esok dan selepas hari esok dan seterusnya. Justeru itu, mereka hanya inginkan sesuatu untuk memuaskan keghairahan untuk memperlihatkan bahawa mereka ada wang pada hal wang itu adalah hasil daripada penjualan harta. Ini satu perkara yang tidak seharusnya berlaku.

Petang tadi saya telah menyuarakan keraguan saya kalau-kalau pihak kementerian ataupun Security Commission akan memberi kebenaran kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk menyenaraikan Sawit Kinabalu di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur.

Saya melahirkan keraguan ini oleh kerana saya difahamkan bahawa pada tiap-tiap tahun kerajaan negeri melalui SLDB memperolehi lebih kurang RM30 juta daripada hasil penjualan kelapa sawit. Kalau kita ambil ini di dalam masa 10 tahun sudah menjadi RM300 juta dan dalam keadaan sekarang ini, mungkin dalam masa 10 tahun sahaja kita sudah mendapat lebih daripada RM500, tidak kira lagi aset yang ada iaitu nilai tanah. Tetapi kerajaan negeri oleh kerana tidak ada wang sudah memasukkan pendapatan yang mungkin diperolehi melalui penyenaian ini sebagai pendapatan di dalam perbelanjaan negeri untuk tahun hadapan. Mereka menganggarkan pendapatan itu sebanyak RM500 juta, penjualan hanya sekali gus.

Jadi, adakah ini satu perancangan yang munasabah atau satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab? Oleh kerana kita tahu pada saat ini, sesungguhnya kalaulah bukan sumbangan kelapa sawit di dalam negara kita ini,

mungkin keadaan ekonomi atau pertukaran asing kita lebih bertambah buruk. Mujurlah kita sebagai salah sebuah daripada negara pengekspor kelapa sawit di mana ia menyumbang kepada pertukaran asing pada saat ini sebagai experiment kita.....

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Sipitang bangun.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** .....dan demikian juga.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Sipitang bangun.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Nanti sekejap boleh? Demikian juga hasil koko di dalam negeri kita. Hasil jualan koko pada saat ini untuk satu tan ialah lebih kurang RM5,000. Pada masa dua atau tiga tahun yang lalu hanya mungkin antara RM80 atau RM120 sahaja tiap-tiap satu tan. Jadi, ini menunjukkan bahawa sektor industri pertanian kita ini adalah satu-satunya sektor yang mempunyai potensi, tetapi perlu dirancang dan dibangunkan secara sistematik supaya kita tidak dapat dipengaruhi oleh keadaan ekonomi luar.

Di dalam konteks ini, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan Persekutuan supaya mengubah dasar perindustrian. Kita harus mempertingkatkan ataupun memajukan industri pertanian kita, oleh kerana sudah terbukti bahawa pertanian kita ini menjadi satu daripada asas ekonomi fundamental yang amat kuat sekali, yang boleh kita banggakan di saat yang amat genting ini. Untuk ini saya ingin bertanya kepada Lembaga Beras

Negara, kenapa pula kebanyakan infrastruktur untuk penanaman padi dibuat di luar negara? Saya minta penjelasan tentang hal ini.

Pada minggu yang lalu saya ada pergi membeli beras yang kononnya adalah hasil Lembaga Beras Negara, tetapi sebenarnya hasil itu bukan dikeluarkan di dalam Malaysia. Jadi, ini bukan sahaja membazir peluang pelaburan di dalam negara dari segi infrastruktur, tetapi boleh memalukan negara. Kita kata ini hasil Lembaga Padi dan Beras Negara, tetapi dikeluarkan di luar negara, diimport ke negara kita sendiri. Adakah ini wajar dan daripada manakah pelaburan itu dibuat? Daripada Kementerian Pertanian ataupun pinjaman daripada luar, kalau pinjaman daripada luar pun mungkin itu menjadi hutang negara juga. Jadi, saya rasa itu adalah satu dasar yang perlu dikaji semula.

Penanaman padi ini janganlah kita fikir hanya setakat untuk sufficient self consumption sahaja, saya fikir itu adalah satu perkara yang perlu dipertimbangkan semasak-masaknya, oleh kerana kita mempunyai penduduk yang besar di Asia, jumlahnya mungkin lebih kurang 3 bilion dan pasaran untuk makanan adalah amat besar sekali. Jadi, tidak salah kalau kita memperkayakan atau memajukan industri pertanian kita. Ya, saya beri peluang kepada Yang Berhormat dari Sipitang.

**Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat dari Tuaran mengenai dengan keadaan kita membuat belanjawan beliau mengatakan bahawa negeri Sabah akan menjual Sabah Land Development Board (SLDB) untuk menjadikan hasil

kepada kerajaan negeri. Ini memang dirancang dan ia dibuat adalah dalam bentuk penswastaan dan akan disenaraikan di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Tetapi saya difahamkan bahawa syarikat ini nanti akan dikontrol oleh Chief Minister (Incorporated) yang mana sahamnya melebihi 50%. Syarikat itu walaupun disenaraikan, tetapi masih di bawah kawalan kerajaan negeri, kecuali Sabah Cement itu penswastaan dan memberi peluang kepada peniaga bumiputera untuk mengendalikan perniagaan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, pada masa yang lalu apakah juga rasionalnya Kerajaan PBS, penjualan syarikat-syarikat yang mendapat keuntungan yang begitu besar telah juga dijual dan kerajaan negeri langsung tidak ada kawalan, tiada kontrol, contohnya Sabah Gas di Labuan yang mendapat keuntungan berjuta-juta ringgit setiap bulan. Pada masa itu ia dijual kepada orang lain dan kerajaan negeri kehilangan syarikat yang begitu baik.

Yang kedua, Syarikat Sabah Forest Industry yang mana kilang pulpa dan kertas juga mempunyai potensi dan ada aset yang begitu besar. Tanah yang seluas lebih kurang 1 juta ekar yang bernilai bilion ringgit dan juga sebuah forest industry iaitu kilang pulpa yang bernilai RM1.4 juta pada masa itu, tetapi sekarang nilainya mungkin menjangkau RM2 bilion. Ini telah pun dijual oleh kerajaan yang lalu dan sekarang ini Sabah Forest Industry telah pun mencatat keuntungan yang begitu lumayan kepada mereka, tetapi kerajaan negeri telah pun hilang kawalan kepada syarikat-syarikat ini. Jadi, apakah rasional perkara ini dibuat, janganlah Yang Berhormat oleh kerana keadaan yang ada sekarang

ini menyalahkan Kerajaan Barisan Nasional di Sabah, seolah-oleh kerajaan yang lalu tidak pernah membuat apa-apa perkara yang dipandang salah. Saya rasa pada masa yang lalu memang tidak ada rasional. Pada masa itu duit banyak, budget cukup tetapi ia dijual pada harga yang jauh lebih rendah daripada harga pasaran oleh kerajaan negeri.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, saya fikir yang sebenarnya beliau faham, dia pura-pura sahaja tidak faham.

Ada dua perkara di sini, pertama Sabah Gas Industry. Sabah Gas Industry dibiayai atas pinjaman daripada pihak Persekutuan dan kerajaan negeri terpaksa membayar balik, kalau saya tidak silap mungkin hutang sebanyak RM2 bilion dan untuk membayar bunga sahaja tiap-tiap tahun tidak cukup keuntungan untuk membayarnya, bahkan tidak ada untung langsung. Walaupun Yang Berhormat kata ada untung, tetapi saya fikir with due respect, dia gagal accountant. Walaupun ada untung di dalam paper, tetapi bila kita kira bayaran hutang termasuk faedah dan pokok actually the Sabah Gas Industry itu adalah hanya wujud dalam kertas sahaja, jadi lebih baiklah dijual supaya kerajaan negeri terlepas daripada bebanan kewangan untuk membayar bunga dan juga principal loan. Jadi, itulah justificationnya. Demikian juga untuk SFI, SFI ini juga lebih kurang RM2 bilion juga dan untuk membayar bunga sahaja tidak mencukupi dengan keuntungan yang ada. Jadi, kalau kita teruskan maka kita tidak boleh membuat pembangunan untuk negeri, kerana

tidak ada wang untuk digunakan bagi membangun kecuali membayar hutang sahaja.

Pada awal tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pun mengatakan bahawa ini adalah satu prinsip penswastaaan dijalan yang benar, di mana kita mahu melepaskan bebanan kewangan kerajaan. Itulah tujuan penswastaaan, bukan untuk memberi keuntungan kepada beberapa orang sahaja. Jadi, di dalam konteks ini saya fikir, saya masih mempertahankan tindakan yang telah diambil oleh kerajaan negeri waktu itu, kalau tidak sampai sekarang tidak ada pembangunan, lagi teruk. Jadi, harap Yang Berhormat faham di dalam hal ini, bukan tidak lulus accountant - memang lulus, tetapi sengaja tidak mahu membuat accounting yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi perkara yang saya ingin sentuh iaitu mengenai keadaan ekonomi yang kita hadapi sekarang ini. Saya ingin membuat beberapa cadangan, oleh kerana kita memang menyokong, kalau setakat kita hanya menyokong, tidak ada pula sumbangan ke arah untuk memperbaiki keadaan, maka saya rasa kita tidak boleh mengatakan 'tidak ikhlas'.

Saya ulangi bahawa penswastaaan yang seharusnya dijalankan atau dilakukan oleh semua negeri termasuklah Persekutuan, haruslah menepati matlamatnya iaitu mengelakkan bebanan kewangan kerajaan. Untuk ini semua penilaian hendaklah dengan sebaik-baiknya supaya ia tidak dijadikan alasan untuk menjual sahaja, konon-kononnya menswastakan, tetapi yang sebenarnya ialah penjualan.

Saya telah mengatakan tadi mengenai dasar perindustrian. Saya fikir dasar perindustrian kedua yang dibentangkan pada awal tahun lalu perlu juga dikaji semula strateginya. Oleh kerana untuk menghadapi keadaan ekonomi sekarang, dasar perindustrian juga haruslah diubahsuai mengikut keadaan, kalau tidak we will be stucked with the old target, when that is no longer relevant, dengan izin.

Mengenai BSKL ianya mestilah benar-benar menjadi pusat pasaran kewangan yang tulen dan janganlah dijadikan satu pusat perjudian yang terbesar oleh pihak-pihak yang tertentu, oleh kerana BSKL mempunyai pengaruh yang amat besar dan kuat kepada ekonomi negara. Bila sahaja BSKL jatuh, maka ekonomi dianggap sebagai telah collapse, sedangkan tidak sebenarnya begitu. Tetapi oleh kerana keadaan ekonomi dunia sekarang, begitulah pandangan masyarakat para peniaga.

Saya memperkatakan begini oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pun banyak kali memberi amaran supaya jangan kita melabur di dalam BSKL hanya kerana sebagai perjudian dan pihak yang berkuasa mengenai BSKL juga haruslah bertegas, jangan ada masalah baru kita ambil tindakan. Di dalam konteks ini saya ingin membangkitkan persoalan di mana difahamkan bahawa ada pihak-pihak tertentu, ada pihak sindiket di dalam BSKL yang bukan insider trading, tetapi mereka sengaja to back up the price terhadap stoknya dengan menggunakan duit sendiri melalui sumber kewangan yang lain ataupun income yang lain dengan harapan supaya orang membeli, tetapi sebenarnya earning capacity income ini adalah hampir 'zero'. Jadi,

orang yang mahu melabur itu sebenarnya bukan membeli, oleh kerana keuntungan yang ada pada income itu, tetapi hanya kerana fluctuation of the sale price di stock exchange atas perbuatan orang-orang ini dan hal ini haruslah disiasat supaya BSKL kita ini tidak menjadi pusat perjudian yang terbesar, kerana ia mempunyai kesan buruk kepada ekonomi. Walaupun tidak dapat dielakkan di dunia moden ini, oleh kerana semua negara melakukan begini, tetapi pengawalannya mestilah ketat.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara juga mesti mempunyai ketegasan di dalam mengawal institusi kewangan. Mereka dipertanggungjawabkan untuk mengawal institusi kewangan. Saya khuatir kalau banyak bank tidak dapat memungut semula wang yang telah dipinjamkan untuk pembangunan hartanah disebabkan tidak ada pasaran oleh kerana nilai hartanah sekarang ini telah jatuh dan kalau perkara ini berlaku, apakah yang akan terjadi kepada para depositors in the bank kalau tidak ada wang lagi, sudah tentu kerajaan terpaksa will come up. Kita pernah to bail out beberapa buah bank, pada beberapa tahun yang lalu, itu pun sudah cukup teruk, dalam keadaan ekonomi kita waktu baik - okay, tetapi di dalam keadan sekarang bagaimana?

Saya ingin mengambil contoh di Sabah pada waktu itu, iaitu Sabah Bank Berhad, oleh kerana kawalan tidak ketat, hampir bankrap, jadi Bank Negara terpaksa masuk kemudian hari untuk mahu salvage dan kerajaan negeri terpaksa masuk juga. Jadi, inilah masalahnya bila kita tidak menjalankan pengawalan dengan seketat-ketatnya.

Saya amat kecewa oleh kerana banyak bank yang expose in lending dan loan ini sudah dikategorikan sebagai NPL atau Non-Performance Loan, tetapi kenapa baru akhir-akhir ini recovery ataupun terminologi Non-Performance Loan itu dipendekkan kepada tiga bulan, dahulu enam bulan. Saya fikir kalau sudah deal enam bulan tidak boleh dibayar loan mesti ada sesuatu yang tidak kena, tetapi kenapa pula tidak diambil tindakan secepat mungkin ataupun kenapa pula bank-bank tidak mengambil tindakan, apa sebabnya? Sekarang bagaimana kita boleh buat, how do we aspect these people to repay their loan at this present time, memang sukar. Ada yang mengatakan bahawa dahulu ada orang yang menganggap hartanah ataupun property apabila digadaikan nilainya bilion, tetapi sekarang nilainya bukan bilion atau milion tetapi mungkin ½ milion sahaja. Jadi, perbezaannya jauh sekali. Oleh itu siapakah yang hendak dipersalahkan di dalam hal ini? Seharusnya sebelum keadaan begitu teruk, haruslah ada penyelarasan dan mengambil tindakan yang sewajarnya seawal-awal yang mungkin.

Akhir sekali di dalam cadangan saya ialah tentang kehadiran rakyat asing ini. Di dalam kita membentuk ataupun merancang dasar perindustrian, kadangkala kita hanya terfikir bahawa kita boleh mengeluarkan barangan untuk diekport dengan menggunakan tenaga buruh murah yang diimport ataupun masuk secara haram di dalam negara kita, tetapi kita harus ingat juga bahawa setiap rakyat kita ini adalah aset kepada negara. Kalau mereka ini mempunyai high saving capacity, dengan izin, itu menjadi satu sumber capital market untuk negara, tetapi cuba kita bayangkan setiap pekerja asing yang kita gaji itu

menghantar gaji mereka balik ke negara asal masing-masing tiap-tiap bulan, tidak ada yang disimpan di dalam bank kita, bahkan mereka membeli mata wang mereka sendiri. Inilah sebabnya mengapa nilai ringgit kita jatuh. Jadi, di dalam hal ini ada multiple asset, dengan izin.

Pertama, kita terlalu bergantung kepada rakyat asing untuk perindustrian, tetapi di dalam masa yang sama we allow the capital market to be drained out, dengan izin. Di samping itu rakyat asing ini saya rasa kita harus berhati-hati, di dalam surat khabar yang ada di sini, ada seorang yang bernama Abdul Wahid Ahmad atau nama penuhnya Wahid bin Haji Ahmad Saluko.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Masih panjang lagikah Yang Berhormat?

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Akan saya gulung sekejap lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Nampaknya ada lagi yang hendak mengambil bahagian, minta kalau boleh pendekkan sedikit ya.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Okay saya akan pendekkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Oleh kerana kita ada urusan.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan ini, oleh kerana orang ini boleh mendapat tiga kad pengenalan dan yang paling anehnya ialah diberi anugerah oleh Kerajaan Negeri Sabah, saya tidak tahu untuk apa dia diberi, sama ada oleh kerana dia telah menyumbangkan

sesuatu kepada kerajaan negeri ataupun kepada parti-parti politik, itu saya tidak kisah, tetapi yang penting, yang saya ingin jelaskan di sini ialah mereka ini sanggup melakukan apa sahaja untuk mendapat faedah kemajuan ekonomi kita. Tetapi kesetiaan mereka kepada negara kita tidak ada. Cuba kita suruh mereka ini membayar cukai, saya rasa mereka tidak mahu membayar cukai, mereka tidak mahu declare incomenya, walaupun ada. Jadi, inilah masalah pendatang asing ini dan saya harap pihak kerajaan akan mengkaji dasar pembangunan sumber tenaga manusia untuk menangani keperluan tenaga perindustrian kita.

Akhir sekali saya amat berbangga kerana Parlimen kita adalah satu-satunya Parlimen yang saya fikir diwakili oleh berbagai kaum, berbagai agama dan setiap hari sebelum kita memulakan persidangan, kita menyerahkan kepintaran kita kepada Tuhan. Ini adalah sumber kekuatan kita semua di dalam Malaysia. Ini telah membentuk kita sebagai satu negara yang bila menghadapi masalah, kita akan bersatu, walaupun kita berlainan daripada segi fahaman politik ataupun pendapat politik, tetapi apabila menghadapi masalah negara, kita telah buktikan bahawa kita tidak mahu berpecah belah.

Inilah satu fenomena yang boleh kita banggakan di dalam negara kita, yang kita tetap teruskan dan di dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, maksud saya ialah yang penting di dalam keadaan kita sekarang ini semua rakyat haruslah menyokong kepada kerajaan. Di samping itu haruslah mendoakan mengikut agama mereka masing-masing supaya para pemimpin kita tidak akan kehilangan pedoman untuk menangani masalah ini dan juga kita haruslah bergantung kepada Tuhan untuk membantu kita keluar daripada

masalah ini. Kita juga harus mempunyai pegangan dan kepercayaan ini menurut prinsip Rukun Negara yang memang kita semua amalkan, mudah-mudahan dengan tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan, keadaan ekonomi tidak akan bertambah buruk, tetapi harus juga kita berhati-hati bahawa tindakan-tindakan yang diambil itu kadangkala kalau tidak dicynchronise, dengan izin, dengan sebaik-baiknya, ia boleh mendatangkan keburukan.

Justeru itu, sesuatu tindakan itu haruslah dibincang di dalam Kabinet dahulu, jangan seorang Ahli Kabinet membuat pengumuman di sebelah utara negara dan satu lagi di sebelah selatan membuat pengumuman, jadi berlainan untuk perkara yang sama. Oleh kerana ini mengelirukan rakyat dan juga saya ingin penjelasan apakah terms of reference NES ini dan kenapakah ia dibentuk sekarang. Adakah benar-benar negara kita ini menghadapi ekonomi krisis sehingga Kabinet tidak dapat lagi mengawal ataupun menguasai masalah itu, kalaulah ia betul-betul demikian, haruslah kerajaan jujur membuat pengakuan supaya kita sama-sama memberi penjelasan kepada rakyat supaya rakyat tidak akan tertipu ataupun terpengaruh dan jangan pula kita sentiasa melaung-laungkan misalnya di Sabah ini, walaupun keadaan sekarang ini kita menghadapi masalah, tetapi kerajaan negeri masih lagi pergi ke setiap pelosok negeri mengatakan 'Malaysia Boleh', 'Sabah Boleh'. Jadi, apa yang perlu diperkatakan oleh pada saat ini, saya fikir kita harus adjust rather than membuat penyesuaian untuk penjelasan.

Seharusnya Kerajaan Negeri Sabah khususnya pergi ke kampung-kampung menjelaskan kepada keadaan ekonomi negara sekarang yang sebenarnya dan janganlah berbangga bahawa ‘Malaysia Boleh’, ‘Sabah Boleh’ - ‘Sabah Boleh’ untuk apa? Itu persoalan rakyat sekarang dan dengan pemotongan 18% perbelanjaan tahun hadapan, saya rasa slogan ‘Sabah Boleh’ itu mungkin tidak ada erti langsung, tetapi adalah satu mainan budak-budak sahaja dan saya harap dengan kata-kata yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya diambil perhatian apa yang saya telah katakan Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Tambun

**8.10 mlm.**

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil masa yang ringkas sahaja.

Pertama tentang pemotongan budget sebanyak 18%. Saya ada dua pemikiran. Satu dengan pemotongan ini nanti ada projek-projek yang akan digugurkan dan satu lagi kita rasa dengan pemotongan ini akan berlaku penjimatan, tetapi tidak ada pengguguran projek, kerana kerajaan mahu meningkatkan efisiensi operasinya.

Saya hendak sentuh perkara yang kedua, iaitu saya berpendapat iaitu bahawa kerajaan mesti menilai semula prosedur dalaman di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan. Pertama, dengan mengambil tindakan kawalan kos atau cost control. Kita tahu bahawa dalam sistem atau aktiviti accounting, ia menekankan kepada dua aspek.

Pertama, financial accounting yang memberi gambaran tentang aktiviti ataupun gambaran kedudukan kewangan yang menyeluruh.

Kedua, menyentuh tentang soal cost accounting. Cost accounting ini adalah sebahagian daripada prosedur accounting yang melibatkan analisis kos ke atas operasi tugas-tugas tiap-tiap jabatan serta jabatan-jabatan dan ia menjadi asas kepada kita untuk mengadakan sistem kawalan kos serta kawalan budget, dengan kita mengadakan cost accounting. Kita dapat menentukan aktiviti kita berjalan dengan cara yang efisien melalui perincian kos, butir kos mengikut tiap-tiap segmen atau tugas yang dijalankan. Jadi, dalam soal cost control ini, biasanya pihak management akan memecahkan kos mengikut per unit, per aktiviti atau per operasi, sepertimana yang saya katakan untuk ia mengukur prestasi operasi yang bertujuan untuk meningkatkan efisiensi di dalam pengurusan buruh serta bahan di dalam pelaksanaan projek.

Salah satu sistem yang dipakai adalah sistem standard cost, di mana pihak badan berkenaan akan membuat kajian tentang estimate cost yang sepatutnya bagi sesuatu projek dan ini dibandingkan dengan actual cost apabila projek-projek dilaksanakan dan untuk memastikan kos tersebut dapat diijimatkan. Actual cost ini seboleh-bolehnya tidak diberi peluang untuk meningkatkan lebih tinggi daripada standard cost. Apa yang harus dilakukan ialah pihak yang menjalankan tugas harus mempunyai follow-up serta kawalan kepada semua aspek operasi.

Sehubungan dengan itu saya berharap bahawa kementerian akan mengambil tindakan tersebut dan kementerian-kementerian yang lain, yang

terlibat dalam projek itu akan mengamalkan sistem kos akaunting dengan kos kontrol tersebut daripada peringkat mula operasi dijalankan sampai ke peringkat sesuatu projek itu siap. Sebagai contoh saya mengambil projek di bawah Kementerian Kerja Raya umpamanya, ia melibatkan dua proses utama. Satu reka bentuk dan satu lagi tentang pelaksanaan projek tersebut. Di peringkat reka bentuk, kalau kita gunakan sistem cost control, kita boleh kawal kos supaya ia tidak begitu tinggi, kita boleh potong dari segi kos bahan, kos buruh dan sebagainya supaya kita dapat menjimatkan kos.

Saya mengambil contoh, Tuan Yang di-Pertua, dari segi reka bentuk. Di Chemor umpamanya ada tiga jambatan yang didirikan di sebuah kampung. Dua jambatan ini didirikan di atas sungai yang besar dan satu jambatan di atas sungai yang tidak lebih daripada 10 kaki lebarnya dan volume airnya juga tidak banyak, tetapi reka bentuk bagi ketiga-tiga jambatan ini sama dan dia memakan kos sebanyak RM1.4 juta. Apabila saya membuat perbandingan di antara jambatan di atas sungai yang kecil atau boleh dipanggil sebagai 'parit' atau 'longkang' sahaja yang dibuat oleh Bandaraya ataupun badan-badan lain, ia tidak lebih daripada RM50,000 kerana dia letak dalam dua-tiga kelubung sesuai untuk saiz sungai tersebut dan volume air yang akan dikeluarkan.

Bermakna kita harus kontrol daripada peringkat rekabentuk lagi. Di peringkat pelaksanaan, kita harus kontrol dari segi jadual projek dilaksanakan, dari segi kontraktor yang hendak kita ambil, dari segi bahan serta pengawasan sepertimana yang saya katakan tadi.

Salah satu yang kita boleh ambil sebagai satu measure untuk cost control ini kita buat work measurement. Kita ukur dari segi aliran kerja peringkat awal sampai peringkat akhir, berapa lamakah projek ini akan siap dan kita kawal supaya projek akan siap pada jadual yang telah ditetapkan. Dengan cara itu kita potong kos tetapi projek tetap dapat dilaksanakan. Kalau di dalam budget katakanlah bagi satu kementerian ada satu projek hendak dilaksanakan, projek ini dapat dilaksanakan dengan kos yang lebih rendah. Dengan sebab itu, 18% pemotongan tidak akan mendatangkan kesan kepada projek-projek untuk rakyat.

Apa yang saya dapati bahawa sehingga ini kementerian mana pun tidak melaksanakan konsep cost accounting, cost control, work measurement dan sebagainya, melainkan sepertimana saya nyatakan basis untuk kerajaan membuat kajian, performance satu kementerian berdasarkan kepada berapa banyak projek yang disediakan dan berapa banyak pula penggunaan wang tersebut. Kalau digunakan sepenuhnya budget tersebut, maka jabatan atau kementerian itu dianggap sudah begitu efisien.

Kita juga harus mengkaji dari segi operasi, mengkaji masalah-masalah dalam operasi, aktiviti-aktivitinya serta kakitangan yang terlibat untuk meningkatkan efisiensi kakitangan. Sehubungan dengan itu, saya berpendapat bahawa tiap-tiap kementerian mesti menubuhkan satu Jawatankuasa Pengurusan Kewangan untuk mengkaji seluruh prosedur kewangan sesuatu kementerian, actual cost yang terlibat di masa-masa lalu dan kemudian membuat variance atau kajian ke atas kos-kos serta budget yang akan datang

untuk penjimatan tersebut dan akhirnya walaupun berjimat, projek-projek yang hendak dilaksanakan terus dapat dilaksanakan.

Yang kedua, saya hendak sentuh tentang pasaran saham. Sepertimana kita sedia maklum dan juga pernah dinyatakan bahawa antara faktor kejatuhan pasaran saham, faktor yang boleh dikatakan antara yang utama sekali ialah apabila berlaku collapse dari segi speculative bubbles. Kita sedia maklum di negara kita ini agak berbeza dari negara-negara maju. Sepertimana rakan kita dari Tuaran tadi kata, ada pula banyak unsur-unsur perjudian berlaku di negara kita. Kalau di Taiping dia akan buat beberapa ramalan pukul berapa hujan bagi tujuan judi. Bola sepak siapa menang, kalah judi. Pilihan raya siapa menang, kalah judi.

Jadi, penglibatan rakyat dalam pasaran saham lebih berbentuk kepada judi dan spekulasi. Jadi, saya dapati dalam keadaan sekarang di mana sistem pasaran saham kita 30% mereka yang melabur adalah daripada institutional investors, manakala 70% peruncit, retail investors. Ia berbeza dengan negara maju 70% institutional, dan 30% retail investors. Jadi, saya dapati inilah masanya untuk kita membetulkan balik sikap-sikap salah dari segi pelaburan. Kita mesti memperkenalkan kepada rakyat kita tentang konsep fundamental analysis, technical analysis, quantitative analysis, supaya orang tahu apabila hendak main saham, ia mesti ada analisa, memerlukan maklumat dan sebagainya, tidaklah kita mendengar khabar-khabar angin.

Jadi, saya berharap dalam masa inilah kementerian harus mengambil peluang untuk memperkenalkan kepada rakyat bagaimana mekanisme untuk

kita memasuki pasaran saham supaya kita lebih profesional lagi dan pada masa-masa yang akan datang supaya pasaran saham tidak menjadi unsur-unsur perjudian.

Di samping itu, saya juga ingin memberi pandangan saya. Oleh kerana sekarang dana untuk penglibatan dalam pasaran saham itu tidak begitu banyak, tetapi bukan bermakna pelabur-pelabur retailers yang sekarang banyak meninggalkan pasaran, tidak mahu melabur. Saya tengok ada berapa negara, oleh kerana apabila dia hendakkan retail investors in membeli saham dalam pasaran saham, ia memecahkan unit blok saham ataupun quantity transaction saham ini kepada jumlah yang lebih kecil. Kalau di negara kita, kita panggil satu blok 1,000 unit. Saya berpendapat dalam keadaan sekarang, orang hendak melabur tetapi untuk 1,000 unit, dia tidak ada duit. Pasaran saham bagus kerana harga saham jatuh. Mengapa tidak kita kecilkan unit daripada satu blok 1,000 unit kepada 500 unit ataupun 250 ataupun kepada 200 unit supaya harga jadi lebih kecil dan ia memudahkan rakyat untuk melabur, kerana kemampuan kewangan kepada rakyat memang ada.

Satu lagi faktor yang menyebabkan kejatuhan pasaran saham seperti mana dinyatakan minggu lalu tentang bad news theory. Saya harap dalam soal ini, saya tidak kata semua pembangkang tetapi ada di kalangan mereka yang sentiasa membawa berita-berita yang tidak baik. Minggu lalu di Ipoh, hujung minggu ini, ada satu kempen DAP membuat roadshow di Ipoh. Esoknya saya panggil beberapa orang, kerana saya duduk di Ipoh lama, Tuan Yang di-Pertua, lebih 45 tahun saya duduk di Ipoh. Saya kenal orang Melayu, Cina dan India

dan saya panggil beberapa orang untuk berbincang semasa lunch, ada 15 orang Cina yang hadir. Mereka kata kepada saya kempen ini roadshownya lebih kepada menghentam kerajaan, tidak yakin kepada kerajaan, membuat kami takut untuk melabur dan seterusnya melabur. Itu yang dikatakan bad news theory yang memperkecilkan kerajaan tetapi tidak membawa keuntungan. Tetapi kalau pihak pembangkang dengan memperkecilkan kerajaan boleh mendatangkan keyakinan kepada pelabur untuk melabur, tidak mengapa. Tetapi bila buat macam itu akan menakutkan kepada pelabur, ia tidak akan dapat mengembalikan keyakinan rakyat untuk melabur dalam pasaran saham.

Jadi, saya berharap dalam apa sahaja kita hendak buat, sebarang statement yang kita hendak buat, matlamat akhirnya biarlah semua orang melabur. Tidak perlu kita memuji kerajaan. Dalam ucapan-ucapan saya pun dalam Parlimen ini pun banyak kali saya menyentuh tentang kelemahan-kelemahan kerajaan tetapi sikap saya memberi pula cadangan-cadangan yang harus dilakukan. Tetapi yang saya nampak di kalangan setengah pembangkang, tidak begitu. Dia terus masuk dan hentam segala-galanya tidak betul dan tidak beri langsung sebarang teori ataupun syor dan cadangan untuk membangun. Cara inilah menakutkan pelabur-pelabur. Ini yang saya kata bad news theory. Selagi bad news theory ini berjalan dan menjalar, masyarakat tidak akan ada keyakinan dalam ekonomi kita, apatah lagi hendak melabur di dalam pasaran kita. Jadi, saya harap semua pihak akan mengambil sikap yang terbuka, sikap yang nasionalistik yang mahukan negara kita mencapai kejayaan.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, tentang foreign fund manager. Saya ada nyatakan tentang konsep the modern machinery, satu artikel yang menyatakan tentera zaman lalu adalah tentera yang kuat yang mempunyai senjata machine gun dan sebagainya. Tentera zaman modern adalah tentera yang merupakan pengurus dana dan mempunyai wang yang begitu banyak. Selagi foreign fund manager tidak memainkan peranan yang positif ke atas negara kita baik dari segi spekulasi dalam mata wang mahupun spekulasi dalam pasaran saham kita, kita tidak akan dapat menyelesaikan kedua-dua masalah besar ini dan akhirnya ia boleh mengakibatkan kepada terjerumusny sistem banking kita.

Kita telah berikhtiar untuk mengadakan ASEAN Fund Facility. Saya tidak tahulah bagaimana ini akan dapat terlaksana atau tidak terutama bila kita dapati negara macam Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina tidak bersetuju dengan konsep kita. Kita hendak diasingkan daripada IMF, manakala mereka hendak sebahagian daripada IMF. Saya ingin bertanya tentang bagaimana kedudukan ASEAN Fund Facility dan tidakkah ada lagi mekamisme lain dengan negara-negara blok lain supaya kita dapat kumpulkan kewangan yang besar bila tiba pada satu-satu masa kita menghadapi masalah kita tidak payah pergi kepada IMF, dan bagaimanakah pula dengan cadangan kita kepada pihak IMF supaya ada regulasi dalam pasaran tukaran wang asing, adakah ia akan berjaya, adakah ia diterima ataupun tidak. Jikalau ia diterima, bagaimanakah kesan-kesannya ke atas mata wang kita.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh tentang soal modal di pasaran wang kita. Saya dapati bahawa sepertimana saya nyatakan

BLR kita telah meningkat. Hari ini saya tengok dalam akhbar kalau di peringkat commercial bank lebih kurang 10%, kalau finance company sampai 11% lebih. Kita tahu bahawa untuk kita menjadi kompetitif kita perlu kepada pelaburan baru baik dalam research development engineering bukan sahaja untuk mengeluarkan produk baru ataupun produk yang bermutu lebih baik daripada yang ada sekarang. Kita juga perlu membuat kajian untuk kita mengadakan proses pengeluaran cara yang baru, penjimatan kos dan sebagainya dan ini memerlukan perbelanjaan yang cukup besar. Kalau ini tidak dapat dilaksanakan product development cycle kita akan terhenti dan akhirnya kita tidak akan mencapai competitive advantage.

Saya dapat banyak rungutan daripada rakan-rakan dalam bidang perkilangan tentang susahny mereka hendak mendapat modal bukan sahaja dari segi untuk fixed asset, pembelian machinery dan sebagainya, tetapi dari segi working capital pun sekarang ini cukup susah. Saya setuju kerajaan mesti mengehendkan pinjaman dalam bidang hartanah, saham dan sebagainya. Tetapi our engine of growth negara kita ini adalah dalam bidang perkilangan sepertimana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan tadi dua bidang, perkilangan dan pertanian kita masih lagi kuat dan sebagainya. Tetapi dengan credit squeeze ini banyak pengusaha yang mula frustated, yang bukan sahaja menanggung tidak dapat menjalankan projek-projek mereka, malah ramalan-ramalan dibuat. Saya bertemu dengan banyak syarikat yang disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur, pada tahun ini dia kata keuntungannya baik, ada yang mula menurun. Tetapi pada tahun depan banyak

yang menjangkakan sampai 50% menurun salenya dan juga keuntungannya. Ini akan mendatangkan kesan yang cukup parah kepada ekonomi kita. Mungkin ada kilang yang akan ditutup dan sebagainya. Walaupun kita ada 1.7 juta pekerja asing dalam negara kita untuk memindahkan mereka balik ke negara asal, bukan senang. Dari segi teori mudah, tetapi hendak suruh mereka balik saya ingat bukan senang. Tambah pula orang-orang yang cukup agresif dia sanggup naik kapal yang tidak selamat datang ke negara kita nanti kita hendak suruh dia balik, bukan satu yang mudah.

Saya berharap kerajaan dapat mengawasi sistem perbankan kita dan aliran pinjaman kita dan mengadakan satu usaha supaya pinjaman-pinjaman ini dapat pergi kepada pengilang-pengilang. Dari segi transportation salah satu sektor yang penting dalam bidang perkilangan yang hendak transport barang daripada kilang A kepada pembeli B, sekarang ini hendak dapat pinjaman kenderaan cukup teruk. Kalau dahulu 80% boleh dapat margin, sekarang 70%, 60%, ada yang sampai 50%. Ini semua akan menjejaskan ekonomi negara kita. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Kepong.

**8.29 mlm.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mula dengan ucapan saya, saya akan menekan bahawa kita mesti meningkatkan kredibiliti dan konsistensi dasar-dasar untuk mengatasi kegawatan ekonomi

negara ini. Kita mesti tunjukkan iltizam untuk melaksanakan langkah-langkah yang digariskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya ianya dapat diperlihatkan oleh dunia sebagai satu iltizam yang benar-benar dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin di negara ini. Para menteri dan pegawai-pegawai kerajaan mestilah memimpin melalui teladan untuk mengatasi krisis ini. Seterusnya sektor swasta dan rakyat haruslah memberi kerjasama dalam masa negara kita menghadapi kemelut ini. Kita mesti tetapkan garis panduan untuk mengawal syarikat-syarikat yang tertubuh dan beroperasi di luar pesisir. Seterusnya saya berharap kerajaan dapat mengumumkan keadaan pinjaman 38 buah bank di Malaysia kerana sistem perbankan bank merupakan satu sektor yang terpenting di dalam usaha kita untuk menghadapi krisis ekonomi ini.

Tadi saya ada dengar Yang Berhormat dari Tambun menyatakan forum DAP di Tambun sebagai roadshow yang hanya menghentam kerajaan sahaja. Malangnya Tambun tidak begitu fasih di dalam bahasa Mandarin. Ada ucapan di sini boleh terjemah. Secara kasar saya boleh terjemah secara ringkas bagi Tambun hendak tahu.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Dia bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Jangan kita dengar melalui orang-orang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Hendak beri jalankah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang boleh.

**Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata saya hadir. Saya kata saya ada ramai kawan di sana dan kawan-kawan saya hadir. Ini daripada orang Tionghua sendiri dan mereka mengatakan bahawa roadshow itu memang menghentam kerajaan. Saya lalu dekat situ pun memang betul, dari segi orang yang hadir dan sebagainya. Dan 15 orang yang datang berjumpa saya ini adalah orang-orang yang tidak suka kepada cara-cara itu, kerana ini menakutkan orang untuk melabur dalam negara kita. Ia menyokong bad news theory yang dia katakan tadi.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat mungkin kalau boleh hadir di dalam ceramah kita dia boleh dapat tahu di dalam masalah kita. Saya memang menerangkan bagaimana saya sebutkan di sini. Jangan saya datang ke sini cakap serupa, bila menghadapi orang ramai cakap berlainan.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak payahlah. Sebenarnya ada baik, saya kata yang baik. Misalnya saya ada memberitahu mereka kalau berbanding dengan negara-negara seperti Thailand, Indonesia dan juga Korea Selatan, asas ekonomi kita adalah lebih baik. Tetapi kawan-kawan yang disebutkan tadi tidak dengar. Saya juga menyeru supaya semua rakyat bekerjasama untuk menghadapi masalah yang begitu sukar hendak kita menghadapi. Tetapi kalau tidak faham bahasa dan tidak pergi mendengar, cuma melalui orang ketiga, itu tidak payahlah.

Tuan Yang di-Pertua, dua minggu yang lepas saya mencadangkan supaya kita berikhtiar untuk mengelakkan daripada meminta bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) kerana ia mempunyai sekatan had dan kekangan yang amat sangat ke atas negara-negara yang meminjam daripadanya. Sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuat keputusan untuk mencari cara-cara sendiri bagi menghadapi ekonomi bergelora kita. Ini merupakan satu keputusan ke arah yang betul, kita mestilah menentukan negara ini tidak menjadi sebuah negara yang dijajah oleh negara-negara lain di bidang ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, kita akan berusaha untuk bersama-sama menghadapi krisis ekonomi sekarang. Walaupun kita hendak bekerjasama, ini tidak bermakna kita tidak akan mengeluarkan kritikan. Teguran-teguran mesti dikeluarkan. Saya akan beri sebab-musabab saya mesti terus mengeluarkan kritikan sama ada di Tambun, Ipoh ataupun di kawasan-kawasan yang lain serupa juga. Kawasan sana kita akan lebih lagi beri teguran itu kerana bila kita sebut Coxsackie sahaja dia sudah hendak pengsan. Berapa berat mata memandang, berat juga bahu memikul. Marilah kita bersama-sama memikul berat ini dalam masa kecemasan ini. Walaupun kita memberi sokongan...

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pokok Angsana, apa lagi hendak buat?

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat dari Kepong. Tadi dia kata marilah kita bersama-sama. Adakah dia panggil semua DAP ataupun kita semua. Saya minta dia panggil semua DAP marilah kita bersama-sama menyokong Barisan Nasional. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, itu satu cheap shot.

**Seorang Ahli:** Mana DAP?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita panggil rakyat Malaysia.

**Seorang Ahli:** DAP takut!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kalau Barisan Nasional juga ada buat kesalahan, bukan semua yang berlaku itu tidak berpunca daripada Barisan Nasional. Bukan semua kerana spekulator asing sahaja. Memang ada masalah faktor-faktor dalaman, dan sebahagian daripada itu buatan Barisan Nasional.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tidak betul.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pokok Angsana mesti menginsafi mengenai masalah seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita memberi sokongan kepada kerajaan dalam usaha untuk mengatasi kemelut ekonomi ini, kita haruslah mengemukakan teguran-teguran yang bernas dan membina. Dua tahun yang lalu saya membuat seruan kepada kerajaan supaya menyediakan payung sebelum hujan untuk menangani kemerosotan ekonomi yang mungkin berlaku. Saya ada sebutkan di sini dua tahun yang lepas. Saya pun menyebutkan mengenai bom jangka sosio-ekonomi yang akan melanda negara ini. Tahun

lalu saya mengulangi seruan ini, tetapi dalam kadar pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat biasanya tidak ramai orang termasuk pemimpin-pemimpin di dalam Barisan Nasional, tidak ramai orang yang mengambil perhatian mengenai seruan seumpama ini. Semuanya mimpi di dalam kadar pertumbuhan ekonomi yang pesat termasuk Padang Terap.

Tuan Yang di-Pertua, ia boleh diibaratkan sebagai kereta api yang berjalan dengan laju dan tidak dapat dikurangkan kelajuannya atau diberhentikan dengan begitu sahaja, kecuali dengan berlakunya kemalangan yang mengakibatkan maut dan kecederaan. Kini kemalangan telah berlaku ke atas ekonomi kita, malang yang tidak berbau ekor daripada krisis ekonomi di Thailand yang bahangnya dirasai di seluruh rantau ini. Kita mesti memastikan ketelusan sistem kewangan di negara ini untuk mengelakkan kekeliruan dan untuk mengembalikan keyakinan terhadap ekonomi Malaysia.

Saya termasuk Padang Terap bila kita sebutkan sesuatu dia mesti menyangkalkan walaupun angka itu tepat dia mesti menafikan. Itu cara tidak begitu tepat, tidak.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Dia bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, yang saya menyangkal hari itu dia kata non-performing loan 36%. Saya kata 3.6%, itu yang betul. 36% bukan kita punya, tetapi 36% adalah yang wujud di Korea dan di Jepun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sebut 36%. Yang saya diberitahu menurut Bank of International Settlement (BIS) tidak lebih daripada 6%, tetapi saya tidak tahu angka yang sebenarnya peratus non performing loan (NPL).

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Dia bangun lagi, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu saya sebutkan.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya hendak beri....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia kata 3.5% sahaja. Tetapi itu angka yang rendah.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Yang Berhormat baru sebut angka yang rendah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak perbetulkan. Ini angka yang tepat, iaitu untuk Commercial Bank, non-performing loan pada hari ini adalah 3.6%. Untuk keseluruhan sistem kewangan termasuk Merchant Bank dan juga finance companies, dengan izin, adalah 4.3%. Gunakan angka ini untuk hujah Yang Berhormat, janganlah merepek, menambah-nambah desimal point.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang tidak merepek-repek, cuma kita hendak tahu angka yang sebenar.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Itu angka yang sebenar.

**Dato' Wong See Wah:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan juga saya beritahu, jumlah yang sebenarnya yang terlibat itu RM14.7 bilion. Tidak tahu lagi, apa hendak tahu lagi? *[Ketawa]* Cuma hendak buat-buat angka sahaja.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Masalah ini saya akan jelaskan kemudian mengapa kita ada angka-angka ini menimbulkan kesangsian, syak wasangka.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Yang Berhormatlah syak wasangka.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kita mesti memastikan ketelusan sistem kewangan di negara ini untuk mengelakkan kekeliruan. Semua menteri dan timbalan menteri dan juga setiausaha Parlimen haruslah mengeluarkan kenyataan yang tidak bercanggah sama-sekali. Nombor satu cakap macam ini, nombor dua cakap berlainan, nombor tiga cakap cara yang ketiga, keempat dan seterusnya.

**Seorang Ahli:** DAP tidak ada kuorum.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana berlaku kekeliruan seumpama ini. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Kabinet sudah buat keputusan untuk menangguh atau membatalkan projek-projek raksasa, mega projek. Ini bukan salah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi saya ada baca yang disebutkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dipetikkan sebagai menyatakan projek jalan, rel dan paip yang berharga RM10 bilion akan diteruskan. Kemudian, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjelaskan projek ini tidak akan diteruskan.

Saya mempercayai bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak bermaksud untuk meneruskan projek raksasa yang belum dilaksanakan. Saya percaya yang sedang dilaksanakan adalah berlainan, mungkin dapat dijadualkan semula seperti projek Bakun. Kita hendaklah mengelakkan daripada kekeliruan seumpama ini. Orang awam khasnya media massa asing menganggap kekeliruan ini sebagai sekerat ular, sekerat belut, itu masalah. Kalau Yang Berhormat dari Padang Terap tidak percaya, kita baca majalah-majalah asing dan juga akhbar-akhbar tempatan kita dapat tahu, hari ini cakap sedemikian, hari yang lain cakap berlainan, termasuk dengan designation dan sebagainya. Itulah masalah timbulnya kekeliruan yang sepatutnya Yang Berhormat dari Padang Terap masuk ke kementerian tentukan bila ada satu garis panduan, satu dasar, satu jadual, kita umumkan secara seragam, standard. Jangan hal ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Yang Berhormat dari Padang Terap kata sedemikian, yang Timbalan Menteri yang lain ada pendapat yang berlainan. Itu memang menimbulkan masalah, itu sahaja saya katakan kita mesti keluarkan dasar yang jelas, yang tepat, itu cara untuk mengatasi kemelut ekonomi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah sebutkan di sini mengenai rizab pertukaran asing negara. Bila saya sebutkan angka US\$200 bilion, Yang Berhormat dari Padang Terap lalu bangun untuk mengatakan kita negara yang kecil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Pertukaran asing.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Masa sudah cukup untuk hari ini, mahu lagi sambung esok?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.15 malam.*